

Polisi

Smart Retail Shield Pakej Insurans

Pakej Insurans Smart Retail Shield

SEBAGAI BALASAN Pihak Diinsuranskan yang dinamakan di dalam Jadual telah membayar premium seperti dinyatakan di dalam Jadual kepada **Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad (735426-V)** (kemudian ini digelar "Syarikat"), Syarikat bersetuju tertakluk kepada Terma-terma dan Syarat-syarat terkandung di dalam atau diendorskan atau dinyatakan sebaliknya di bawah setiap Seksyen, Syarikat akan membayar atau atau membaik pulih atau memberikan pampasan kepada Pihak Diinsuranskan untuk kerugian atau kerosakan harta Pihak Diinsuranskan atau liabiliti dari segi undang-undang terhadap pihak ketiga seperti yang selanjutnya diterangkan di bawah setiap Seksyen yang berlaku semasa tempoh Polisi berkuatkuasa seperti dinyatakan dalam Jadual atau semasa tempoh selanjutnya atas persetujuan Syarikat sekiranya had sentiasa tidak melebihi jumlah diinsuranskan yang tertera di dalam Jadual atau jumlah lain ataupun jumlah-jumlah yang mungkin digantikan melalui pengendorsan di sini atau dilampirkan yang ditandatangani atau bagi pihak Syarikat.

SEKSYEN 1 – KEBAKARAN

Syarikat bersetuju bahawa jika Harta Yang Diinsuranskan yang dinyatakan di dalam Jadual tersebut atau mana-mana bahagian daripada harta sedemikian itu musnah atau rosak disebabkan oleh **KEBAKARAN** atau **KILAT**, Syarikat akan membayar atau memenuhi bayaran kepada Pihak Diinsuranskan akan nilai sebenar Harta yang diinsuranskan pada masa berlakunya kemusnahan atau amaun sebenar kerosakan yang sedemikian.

DENGAN SYARAT bahawa pematuhan dan pemenuhan yang sewajarnya akan terma, syarat dan pengendorsan Polisi ini setakat yang ia berkaitan dengan segala perkara yang perlu dilakukan atau dipatuhi oleh Pihak Diinsuranskan hendaklah menjadi syarat dahulu kepada sebarang liabiliti Syarikat untuk membuat sebarang pembayaran di bawah Polisi ini.

Syarat-syarat Polisi

1. Jika terdapat apa-apa keterangan material yang salah berkaitan apa-apa harta yang diinsuranskan, atau apa-apa bangunan atau tempat yang terkandung di dalamnya harta sedemikian atau sebarang gambaran yang salah tentang apa-apa fakta material yang perlu diketahui bagi menganggar risiko, atau sebarang peninggalan daripada menyatakan fakta sedemikian pihak Syarikat tidak bertanggungjawab ke atas Polisi ini berkaitan dengan harta yang terjejas dengan sebarang salah satu keterangan salah gambaran atau peninggalan tersebut.
2. Tidak ada bayaran berhubung dengan apa-apa premium boleh dianggap sebagai bayaran pihak Syarikat kecuali resit dalam bentuk bercetak yang ditandatangani oleh seorang pegawai atau agen yang dilantik secara sah oleh pihak syarikat telah diberikan kepada Pihak Diinsuranskan.
3. Pihak Diinsuranskan hendaklah memberi notis kepada Syarikat apa-apa Insurans yang berkuatkuasa, atau yang mungkin kemudiannya dikuatkuasakan, yang melindungi mana-mana harta yang dengan ini diinsuranskan, dan kecuali notis sedemikian diberikan dan butir-butir Insurans sedemikian dinyatakan atau diendorskan ke atas polisi ini oleh atau bagi pihak Syarikat sebelum berlakunya apa-apa kerugian atau kerosakan, semua manfaat di bawah Polisi ini hendaklah terlucah hak.
4. Semua Insurans di bawah Polisi ini
 - (1) ke atas mana-mana bangunan atau bahagian mana-mana bangunan,
 - (2) ke atas mana-mana harta yang terkandung di dalam mana-mana bangunan,
 - (3) ke atas sewa atau perkara lain yang diinsuranskan berhubung dengan atau yang berkaitan dengan mana-mana bangunan atau mana-mana harta yang terkandung di dalam mana-mana bangunan,

hendaklah terhenti dengan serta merta apabila runtuh atau berubahnya tempat

- (a) bangunan tersebut atau mana-mana bahagian daripadanya,
- (b) keseluruhan atau mana-mana bahagian daripada mana-mana deretan bangunan atau mana-mana struktur yang membentuk bangunan tersebut,

DENGAN SYARAT bahawa runtuhnya atau berubahnya tempat itu merupakan keseluruhan atau merupakan sebahagian besar atau bahagian penting bangunan tersebut atau mengurangkan kebergunaan bangunan tersebut atau mana-mana bahagiannya atau membiarkan bangunan tersebut atau mana-mana bahagian daripada bangunan tersebut atau mana-mana harta yang terkandung di dalamnya terdedah kepada risiko kebakaran yang meningkat atau yang selainnya adalah material.

DAN DENGAN SYARAT bahawa runtuhnya atau berubahnya tempat tersebut bukan disebabkan oleh kebakaran, kerugian atau kerosakan yang mana dilindungi oleh Polisi ini atau akan dilindungi jika bangunan tersebut, deretan bangunan atau strukturnya diinsuranskan di bawah Polisi ini.

Dalam sebarang tindakan, guaman atau prosiding lain, beban membuktikan bahawa sebarang keruntuhan atau perubahan tempat adalah disebabkan oleh kebakaran seperti yang tersebut terdahulu hendaklah terletak ke atas Pihak Diinsuranskan.

5(1). Insurans ini tidak melindungi :

- (a) Kerugian oleh sebab kecurian semasa atau selepas berlakunya sesuatu kebakaran.
- (b) Kerugian atau kerosakan kepada harta yang disebabkan oleh penapaian, kepanasan semulajadi atau pembakaran spontan [kecuali seperti yang boleh diperuntukkan selaras dengan Syarat 8(f) atau oleh sebab ia melalui sebarang proses pemanasan atau pengeringan.
- (c) Kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh atau yang disebabkan menerusi atau akibat.
 - (1) Pembakaran harta dengan perintah pihak berkuasa awam
 - (2) Kebakaran bawah tanah
- (d) Kerugian atau kerosakan yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh atau yang timbul daripada atau yang merupakan akibat atau yang antaranya disebabkan oleh bahan senjata nuklear.

5(2). Insurans ini tidak melindungi kerugian atau kerosakan yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh atau yang timbul daripada atau yang diakibatkan oleh atau yang disumbangkan oleh pancaran pengionan atau pencemaran radioaktif daripada apa-apa bahan api nuklear atau daripada apa-apa bahan buangan nuklear dari pembakaran bahan api nuklear. Bagi Syarat 5(2) ini sahaja pembakaran hendaklah termasuk apa-apa proses pembelahan nuklear yang mampu diri.

6. Insurans ini tidak melindungi apa-apa kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh atau menerusi atau yang merupakan akibat, secara langsung atau tidak langsung, mana-mana satu daripada kejadian yang berikut, iaitu:
 - (a) Gempa bumi, letupan gunung berapi atau konvulsi alam semulajadi lain.
 - (b) Taufan, hurikan, puting beliung, siklon atau gangguan atmosfera yang lain.
 - (c) Peperangan, serangan, tindakan musuh asing, permusuhan atau operasi ketenteraan (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak) atau perang saudara.
 - (d) Dahagi, rusuhan, kebangkitan tentera atau orang awam, insureksi, pemberontakan, revolusi, rampasan kuasa tentera,

undang-undang tentera atau keadaan pengepungan atau mana-mana peristiwa atau sebab-sebab yang menentukan pengisytiharan atau pengkalan undang-undang tentera atau keadaan pengepungan.

(e) Sebarang tindakan keganasan

Untuk tujuan ini tindakan keganasan bermaksud tindakan, termasuk tetapi tidak terhad kepada penggunaan paksaan atau kekerasan dan/atau ugutan sedemikian, oleh mana-mana orang atau kumpulan orang, sama ada bertindak sendirian atau bagi pihak atau berhubung dengan mana-mana organisasi atau kerajaan, yang dilakukan untuk tujuan politik, agama, ideologi atau yang seumpamanya termasuk niat untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan dan/atau menyebabkan orang awam atau sebahagian orang awam berada dalam ketakutan.

Apa-apa kerugian atau kerosakan yang berlaku semasa wujudnya keadaan yang luar biasa (sama ada fizikal atau sebaliknya) yang disebabkan oleh atau yang disebabkan menerusi atau yang merupakan akibat, secara langsung atau tidak langsung, daripada sebarang peristiwa tersebut hendaklah dianggap sebagai kerugian atau kerosakan yang tidak dilindungi oleh insurans ini, melainkan Pihak Diinsuranskan hendaklah membuktikan kerugian atau kerosakan tersebut berlaku secara berasingan daripada kewujudan keadaan yang luar biasa tersebut.

Dalam apa-apa tindakan, guaman atau prosiding lain apabila Syarikat mengatakan bahawa oleh sebab peruntukan syarat ini apa-apa kerugian atau kerosakan yang tidak dilindungi oleh insurans ini, beban membuktikan kerugian atau kerosakan tersebut dilindungi hendaklah terletak pada Pihak Diinsuranskan.

7. Insurans ini tidak melindungi sebarang liabiliti terhadap:

Kerugian atau kemusnahan atau kerosakan yang disebabkan oleh pencemaran (kecuali dilindungi) melainkan kemusnahan atau kerosakan kepada harta yang diinsuranskan yang disebabkan oleh

- (i) pencemaran yang dengan sendirinya disebabkan oleh suatu kontingensi yang dengan ini diinsuranskan.
- (ii) sebarang kontingensi yang dengan ini diinsuranskan yang dengan sendirinya disebabkan oleh pencemaran.

8. Kecuali dinyatakan dengan jelas di dalam Polisi, Insurans ini tidak melindungi:

- (a) Barangan yang dipegang sebagai amanah atau atas komisen.
- (b) Bulion atau batu permata belum berikat.
- (c) Apa-apa barangan yang ganjil atau hasil kerja seni bagi amaun yang melebihi RM500/-.
- (d) Manuskrip, pelan, lukisan, atau reka bentuk, corak, model atau acuan.
- (e) Sekuriti, obligasi, atau dokumen apa pun bentuknya, setem, duit syiling atau wang kertas, cek, buku akaun atau buku perniagaan yang lain, atau rekod sistem komputer.
- (f) Arang batu, terhadap kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh pembakaran spontannya.
- (g) Bahan letupan.
- (h) Apa-apa kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh atau menerusi atau akibat letupan; tetapi kerugian atau kerosakan oleh sebab letupan dandang domestik dan gas yang digunakan untuk tujuan menerangi atau domestik dalam sesebuah bangunan yang mana gas tidak dijana dan tidak membentuk sebahagian daripada sebarang kerja melibatkan gas, akan dianggap sebagai kerugian yang disebabkan oleh kebakaran sebagaimana yang dimaksudkan dalam Polisi ini.
- (i) Apa-apa kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh atau menerusi atau akibat pembakaran, sama ada tidak sengaja atau sebaliknya, ke atas hutan, belukar, lalang, prairi, pampas atau rimba, dan pembersihan tanah dengan membakar.

9. Di bawah mana-mana keadaan yang berikut insurans terhenti diguna pakai berhubung dengan harta yang berkenaan kecuali sebelum berlakunya apa-apa kerugian atau kerosakan Pihak Diinsuranskan telah mendapatkan kebenaran Syarikat yang dibuktikan dengan pengendorsan ke atas Polisi tersebut oleh atau bagi pihak Syarikat :

- (a) Jika perniagaan atau perusahaan yang dijalankan diubah, atau jika bentuk penghunian atau hal keadaan lain yang mempengaruhi bangunan yang diinsuranskan atau yang mengandungi harta yang diinsuranskan ditukar sedemikian rupa menyebabkan meningkatnya risiko kerugian atau kerosakan oleh kebakaran.
- (b) Jika bangunan yang diinsuranskan atau yang mengandungi harta yang diinsuranskan tidak dihuni dan berkekalan sedemikian melebihi tiga puluh (30) hari.
- (c) Jika harta yang diinsuranskan dipindahkan ke mana-mana bangunan atau tempat selain daripada tempat yang dinyatakan di sini sebagaimana yang diinsuranskan.
- (d) Jika kepentingan ke atas harta yang diinsuranskan berpindah daripada Pihak Diinsuranskan melainkan dengan wasiat atau kuatkuasa undang-undang.
- (e) Jika notis untuk keluar telah dikeluarkan dengan perintah Pihak Berkuasa tempatan bagi rekuisasi atau pengambilan tanah yang di atasnya terletak harta Pihak Diinsuranskan.

10. Insurans ini tidak melindungi kerugian atau kerosakan pada harta yang, pada masa berlakunya kerugian atau kerosakan sedemikian, diinsuranskan oleh Polisi Marin melainkan yang berhubung dengan sebarang kelebihan yang melebihi amaun yang seharusnya dibayar di bawah Polisi Marin.

11. Insurans ini boleh ditamatkan pada bila-bila masa atas permintaan Pihak Diinsuranskan, dalam hal ini Syarikat akan mengenakan kadar jangka pendek yang biasa bagi tempoh polisi tersebut telah berkuat kuasa. Insurans ini juga boleh ditamatkan atas pilihan Syarikat dengan menghantar notis empat belas (14) hari melalui surat berdaftar kepada Pihak Diinsuranskan di alamatnya yang terakhir yang diketahui, dalam hal ini Syarikat hendaklah bertanggungjawab untuk membayar balik apabila dituntut suatu perkadaran setimpal premium bagi tempoh yang masih belum tamat dari tarikh pembatalan. Amaun yang akan dikembalikan atas penamatan polisi hendaklah tertakluk kepada premium minimum yang akan dikenakan oleh Syarikat.

12. Apabila berlakunya sebarang kerugian atau kerosakan Pihak Diinsuranskan hendaklah dengan serta merta memberi notis kepada Syarikat dan hendaklah dalam masa lima belas (15) hari selepas kerugian atau kerosakan tersebut atau lanjutan masa tertentu yang dibenarkan oleh Syarikat secara bertulis, menyerahkan kepada Syarikat :

- (a) Tuntutan secara bertulis bagi kerugian dan kerosakan yang mengandungi butir-butir lengkap seberapa yang boleh semua barang-barang yang rosak atau harta benda yang musnah dan amaun kerugian atau kerosakan dengan mengambil kira nilai semasa kerugian atau kerosakan tersebut tidak termasuk apa-apa jenis keuntungan.
- (b) Butir-butir tentang semua Insurans lain, jika ada.

Pihak Diinsuranskan hendaklah juga pada setiap masa atas perbelanjaannya sendiri mengemukakan, mendapatkan dan memberikan kepada Syarikat selanjutnya semua butiran , pelan, spesifikasi, buku, bauer, invois, pendua atau salinannya, dokumen, bukti dan maklumat berhubung dengan tuntutan serta punca dan sebab kebakaran tersebut dan keadaan bagaimana kerugian atau kerosakan itu berlaku, dan apa-apa perkara yang menyentuh liabiliti atau amaun liabiliti Syarikat sebagaimana yang mungkin dikehendaki secara munasabah oleh atau bagi pihak Syarikat

- berserta dengan suatu pengisytiharan secara bersumpah atau dalam bentuk perundangan tentang kebenaran tuntutan tersebut dan tentang apa-apa perkara yang berkaitan dengannya.
- Tiada tuntutan di bawah Polisi in akan dibayar kecuali terma kepada Syarat telah dipatuhi.
13. Perlindungan insurans di bawah Polisi ini diperluaskan untuk memasukkan:
- upah pekerja Pihak Diinsuranskan selain daripada anggota Pasukan Bomba sepenuh masa.
 - kos penggantian alat pemadam api dan kemusnahan atau kerosakan bahan-bahan (termasuklah pakaian pekerja dan barang kegunaan sendiri) kecuali selainnya diinsuranskan secara khusus.
 - Bayaran Pasukan Bomba.

Dengan syarat bahawa liabiliti Syarikat berhubung dengan upah, kos dan bayaran sedemikian hendaklah dihadkan kepada yang perlu dan patut ditanggung dalam memadamkan kebakaran di tempat atau yang bersebelahan dengan tempat terletaknya harta yang diinsuranskan oleh polisi ini atau yang secara nyata mengancam untuk membabitkan harta sedemikian.

14. Apabila berlakunya apa-apa kerugian atau kerosakan kepada mana-mana harta yang diinsuranskan oleh Polisi ini, Syarikat boleh:
- Memasuki dan mengambil dan mengekal milik bangunan atau premis di mana kerugian atau kerosakan itu telah berlaku.
 - Mengambil milik atau menghendaki diserahkan kepadanya mana-mana harta Pihak Diinsuranskan di dalam bangunan atau di atas premis semasa kerugian atau kerosakan itu.
 - Mengekal milik mana-mana harta sedemikian dan memeriksa, menyusun, mengatur, memindahkan, atau selainnya begitu juga.
 - Menjual mana-mana harta atau melupuskannya bagi akaun mereka yang berkenaan.

Kuasa yang diberikan oleh Syarat ini hendaklah digunakan oleh Syarikat pada bila-bila masa sehingga notis bertulis diberikan oleh Pihak Diinsuranskan bahawa beliau tidak membuat apa-apa tuntutan di bawah Polisi ini atau, jika apa-apa tuntutan dibuat, sehingga tuntutan sedemikian akhirnya ditentukan secara muktamad atau ditarik balik, dan Syarikat tidak boleh sama sekali melalui tindakannya dalam menjalankan atau bermaksud menjalankan kuasanya di bawah ini, menanggung apa-apa liabiliti kepada Pihak Diinsuranskan atau mengurangkan haknya untuk bergantung pada mana-mana syarat Polisi ini bagi memenuhi apa-apa tuntutan.

Jika Pihak Diinsuranskan atau mana-mana orang bagi pihaknya tidak mematuhi kehendak Syarikat atau menghalang atau menyekat Syarikat dalam menjalankan kuasanya di bawah ini, segala manfaat di bawah Polisi ini hendaklah dilucut hak.

Pihak Diinsuranskan tidak berhak dalam apa-apa keadaan untuk meninggalkan mana-mana harta kepada Syarikat sama ada telah diambil milik oleh Syarikat atau tidak.

15. Jika tuntutan dibuat terdapat penipuan dari mana-mana segi, atau jika sebarang perisytiharan palsu dibuat atau digunakan bagi menyokongnya, atau jika apa-apa cara atau kaedah penipuan digunakan oleh Pihak Diinsuranskan atau oleh sesiapa yang bertindak bagi pihaknya bagi mendapatkan sebarang manfaat di bawah Polisi ini; atau, jika kerugian atau kerosakan itu disebabkan oleh tindakan sengaja, atau Pihak Diinsuranskan tidak ambil peduli; atau, jika tuntutan dibuat dan ditolak dan suatu tindakan atau guaman tidak dimulakan dalam masa tiga (3) bulan selepas penolakan sedemikian, atau (dalam hal suatu Timbangtara yang mengambil tempat mengikut Syarat Am ke-22 Polisi ini) dalam masa tiga (3) bulan selepas Penimbangtara atau Wasit telah memberikan award mereka, segala manfaat di bawah Polisi ini hendaklah dilucut hak.

16. Syarikat boleh atas pilihannya memulihkan semula atau menggantikan harta yang rosak atau musnah, atau mana-mana bahagiannya, sebagai pilihan daripada membayar amaun kerugian atau kerosakan itu, atau boleh bergabung dengan mana-mana Syarikat atau Penanggung Insurans yang lain untuk berbuat demikian; tetapi Syarikat tidak terikat untuk memulihkan semula secara tepat atau sepenuhnya, tetapi hanya setakat keadaan mengizinkan dan cara yang memadai, dan dalam apa jua keadaan Syarikat tidak terikat untuk membelanja lebih dalam pengembalian semula berbanding dengan kos memulihkan semula harta tersebut sebagaimana keadaan asalnya pada masa berlakunya kerugian atau kerosakan, mahupun yang melebihi daripada jumlah diinsuranskan oleh Syarikat.

Jika Syarikat memilih untuk membaik pulih atau mengganti mana-mana harta Pihak Diinsuranskan hendaklah, atas pembiayaan sendiri, menyediakan kepada Syarikat dengan pelan, spesifikasi, ukuran, kuantiti dan butir-butir lain yang berkenaan sebagaimana yang dikehendaki oleh Syarikat, dan tidak ada suatu tindakan yang dilakukan, atau yang menyebabkan ianya dilakukan oleh Syarikat dengan tujuan untuk membaik pulih atau penggantian hendaklah dianggap suatu pilihan oleh Syarikat untuk membaik pulih atau menggantikan.

Jika sekiranya Syarikat tidak dapat membaik pulih atau membaiki harta yang dengan ini diinsuranskan, oleh sebab peraturan mana-mana perbandaran atau peraturan lain yang berkuat kuasa yang menjejaskan penjarangan jalan, atau pembinaan bangunan, atau selainnya, Syarikat hendaklah, dalam setiap hal sedemikian, hanya bertanggungjawab untuk membayar jumlah berkenaan yang diperlukan bagi membaik pulih atau membaiki harta sedemikian sekiranya ia boleh secara sah dibaik pulih kepada keadaannya yang dahulu.

17. Jika berlaku suatu kerugian ke atas harta yang diinsuranskan (selain daripada stok dan butiran bangunan) dengan ini, pihak Syarikat hendaklah membayar pada nilai yang diinsuranskan atau pada nilai pasaran bagi harta yang diinsuranskan, yang mana lebih rendah, tertakluk kepada potongan ke atas apa-apa lebihan dan amaun yang mana Pihak Diinsuranskan dikehendaki menanggung di bawah polisi ini. Untuk tujuan syarat ini, terma nilai pasaran hendaklah bermaksud nilai harta yang dengan ini diinsuranskan pada masa kerosakan atau kerugian tolak pertimbangan wajar kerana haus dan lusuh dan/atau susutnilai.

Nilai Pasaran harta yang diinsuranskan bagi tujuan syarat ini hendaklah ditentukan dengan mendapatkan suatu penilaian oleh Syarikat daripada pembuat, agen tunggal sah atau agen, agen broker sah, pengedar sah atau kontraktor bangunan bagi kos untuk menggantikan atau mengembalikan/ memulihkan semula, tertakluk kepada aplikasi susutnilai yang wajar, ke atas harta diinsuranskan yang rosak atau hilang kepada keadaan sediakala/ asal pada masa berlakunya kerosakan atau kehilangan sedemikian.

Jika berlaku keadaan di mana, pada masa kerosakan atau kerugian tiada pembuat, agen tunggal sah atau agen, agen broker sah, pengedar sah atau kontraktor bangunan bagi harta yang diinsuranskan, penilaian hendaklah diperolehi daripada Adjuster Kerugian yang berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (APK) atau Penilai Berdaftar di bawah Akta Penilai dan Pentaksir 1981 dan yang dilantik secara bersama oleh kedua belah pihak. Penilaian bagi harta yang diinsuranskan oleh pembuat, agen sah atau agen, agen broker sah, pengedar sah, kontraktor bangunan, Pelaras Kerugian berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (APK) atau Penilai Berdaftar di bawah Akta Penilai dan Pentaksir 1981 hendaklah dijadikan bukti muktamad di dalam hal nilai pasaran bagi harta yang diinsuranskan dalam mana-mana prosiding guaman terhadap Syarikat tersebut.

18. Pihak Diinsuranskan hendaklah, di atas pembiayaan Syarikat, melakukan dan bersetuju untuk melakukan dan membenarkan supaya dilakukan segala tindakan dan perkara berkenaan sebagaimana yang mungkin perlu atau secara yang berpatutan diperlukan oleh Syarikat bagi tujuan menguatkuasakan sebarang hak dan pembetulan atau mendapatkan pelepasan atau indemniti daripada lain-lain pihak di mana Syarikat hendaklah atau akan

berhak atau mengambil alih hak, apabila ia membayar bagi atau membuat bayaran apa-apa kerugian atau kerosakan di bawah Polisi ini, sama ada tindakan dan perkara sedemikian adalah atau menjadi perlu atau dikehendaki sebelum atau selepas penggantian rugi kepadanya oleh Syarikat.

19. Jika semasa berlaku apa-apa kerugian atau kerosakan kepada mana-mana harta yang dengan ini diinsuranskan, terdapat apa-apa insurans lain yang masih berkuatkuasa sama ada dikuatkuasakan oleh Pihak Diinsuranskan atau oleh orang lain, yang melindungi harta yang sama, Syarikat ini tidak akan dipertanggungjawabkan untuk membayar atau menyumbang lebih daripada perkadaran setimpal bagi kerugian atau kerosakan sedemikian.
20. Jika harta yang diinsuranskan, pada ketika berlakunya kebakaran, secara kolektif mempunyai nilai yang lebih besar daripada jumlah yang diinsuranskan ke atasnya, maka Pihak Diinsuranskan hendaklah dianggap sebagai Penanggung Insuransnya sendiri bagi perbezaan tersebut, dan hendaklah menanggung perkadaran setimpal bagi kerugian tersebut. Setiap butiran, jika lebih daripada satu, ke atas Polisi hendaklah tertakluk secara berasingan kepada Syarat ini.
21. Sekiranya berlaku kerugian, insurans di bawah ini hendaklah dikekalkan berkuatkuasa pada jumlah penuh yang diinsuranskan dan Pihak Diinsuranskan hendaklah bertanggungjawab untuk membayar premium tambahan pada kadar yang dinyatakan pada polisi ke atas amaun kerugian berasaskan kiraan pro rata dari tarikh kerugian tersebut sehingga tamatnya tempoh insurans semasa.
22. Jika terdapat apa-apa pertelingkahan yang timbul mengenai amaun apa-apa kerugian atau kerosakan, pertelingkahan sedemikian hendaklah bebas daripada semua persoalan lain dirujukan kepada keputusan seorang Penimbang Tara yang akan dilantik secara bertulis oleh pihak-pihak yang bertelingkahan atau jika mereka tidak mencapai persetujuan dengan seorang Penimbang Tara, maka kepada keputusan dua orang yang tidak berkepentingan sebagai Penimbang Tara, yang salah seorang daripadanya hendaklah dilantik secara bertulis oleh setiap pihak dalam masa dua (2) bulan kalendar selepas diminta untuk berbuat demikian secara bertulis oleh pihak yang satu lagi. Sekiranya salah satu pihak enggan atau gagal untuk melantik seorang Penimbang Tara dalam masa dua (2) bulan kalendar setelah menerima notis secara bertulis yang meminta satu perantikan, pihak lagi satu adalah bebas untuk melantik seorang Penimbang Tara tunggal, dan sekiranya terdapat ketiadaan persetujuan antara Penimbang Tara, pertelingkahan tersebut hendaklah dirujuk untuk keputusan Wasit yang hendaklah dilantik oleh mereka secara bertulis sebelum membuat rujukan, yang hendaklah bersidang bersama Penimbang Tara dan mempengerusikan mesyuarat tersebut. Kematian mana-mana pihak tidak akan membatalkan atau menjejaskan hak atau kuasa Penimbang Tara atau Wasit dan sekiranya berlaku kematian seseorang Penimbang Tara atau Wasit, seorang lagi hendaklah dalam setiap kes dilantik untuk menggantikannya oleh pihak tersebut atau Penimbang Tara (mengikut yang berkenaan) yang telah melantik Penimbang Tara atau Wasit yang mati itu. Kos rujukan dan award hendaklah atas budi bicara Penimbang Tara atau Wasit yang membuat award. Adalah dengan ini jelas dinyatakan dan diisytiharkan bahawa ianya hendaklah merupakan suatu syarat duluan terhadap apa jua hak tindakan atau guaman ke atas polisi ini, bahawa award oleh Penimbang Tara atau Wasit mengenai amaun kerugian atau kerosakan jika dipertikaikan hendaklah diperolehi terlebih dahulu.
23. Dalam apa jua hal Syarikat tidak akan bertanggungjawab bagi apa-apa kerugian atau kerosakan selepas tamatnya dua belas (12) bulan dari berlakunya kerugian atau kerosakan kecuali tuntutan tersebut adalah merupakan suatu tindakan atau penimbangtaraan yang belum selesai.
24. Setiap notis dan lain-lain komunikasi kepada Syarikat yang dikehendaki oleh Syarat ini mestilah secara bertulis atau bercetak.
25. Polisi ini dan Jadual di dalam ini hendaklah dibaca bersama sebagai satu kontrak dan apa-apa perkataan atau pernyataan yang makna khususnya telah dinyatakan di mana-mana bahagian Polisi ini atau Jadualnya hendaklah membawa makna sedemikian apabila ia tercatat.

Waranti (Tidak termasuk kecuali disenaraikan di dalam jadual polisi)

RW. 01A Waranti Pembatasan Barang Dagangan (Kelab/Sekolah/Pejabat)

Diwarantikan bahawa semasa berkuatkuasanya Polisi ini, tiada bahagian premis yang dinyatakan di sini digunakan untuk membuat atau meletak atau menyimpan barang dagangan kecuali yang berhubung secara langsung dengan aktiviti kelab, sekolah atau pejabat.

RW. 01D Waranti Pembatasan Barang Dagangan (Tidak melebihi 50% daripada jumlah keseluruhan kawasan lantai)

Diwarantikan bahawa semasa berkuatkuasanya Polisi ini, tidak melebihi 50% daripada jumlah keseluruhan kawasan lantai premis diinsuranskan di sini digunakan untuk membuat atau meletak atau menyimpan barang dagangan.

RW. 03A Waranti Penyimpanan Barangan Berbahaya A

Diwarantikan bahawa semasa berkuatkuasanya Polisi ini, penyimpanan di dalam premis bagi bahan-bahan yang berikut dibenarkan hanya setakat had kuantiti yang dinyatakan di bawah, iaitu:-

- i) Semua cecair termasuk minyak kerosin dan 3600 liter diesel yang mengeluarkan wap mudah bakar dengan (800 gelen) takat kilat tidak kurang daripada 93 °C (200 °F)
- ii) Semua cecair termasuk petrol yang 900 liter mengeluarkan wap mudah bakar dengan (200 gelen) takat kilat di bawah 38 °C (100 °F)
- iii) Mancis, karbida, gas petroleum cair (LPG), 30kg atau 4 bekas bahan pembakaran spontan seperti silana, sulfur, dll. atau karton, dan bahan aktif seperti magnesium, sodium, dll. mengikut mana yang lebih banyak

RW.03B Warranti Penyimpanan Barang Berbahaya B

Diwarrantikan bahawa semasa berkuatkuasanya Polisi ini, penyimpanan barangan dan kuantiti barangan yang disimpan di dalam atau dilingkungan premis yang disebut dalam ini adalah mematuhi Peraturanan dan Undang-Undang Malaysia.

Fasal dan Pengendorsan (Tidak termasuk kecuali disenaraikan di dalam jadual polisi)

RC. 01B Fasal Pemindahan Sementara (Harta Lain Kecuali Stok Dagangan dan Barangan Perniagaan)

Harta yang diinsuranskan di bawah butiran Polisi ini dilindungi (terhad kepada 10% daripada jumlah yang diinsuranskan) ketika dipindahkan sementara untuk pembersihan, pengubahsuaian, modifikasi, pengembalian semula atau tujuan lain yang serupa di tempat lain di dalam premis yang sama atau ke mana-mana premis lain dan ketika dalam transit kepadanya dan daripadanya melalui jalanraya, rel atau laluan jalan air pedalaman Malaysia, Republik Singapura dan Brunei Darussalam.

Amaun yang boleh diperolehi semula di bawah perluasan ini terhadap harta yang dipindahkan tidak boleh melebihi amaun yang mungkin boleh

diperolehi semula sekiranya kerugian berlaku di sebahagian premis yang mana harta telah dipindahkan untuk sementara.

Perluasan ini tidak boleh diguna pakai kepada harta jika dan sekiranya ia dilindungi oleh insurans lain, mahupun diguna pakai kepada butiran yang melindungi stok dan segala barangan perniagaan, mahupun melibatkan kerugian yang berlaku di tempat lain selain daripada premis yang mana harta itu telah dipindahkan untuk sementara kepada :-

- (i) Kenderaan Bermotor dan Casis Bermotor
- (ii) Harta (selain dari mesin dan loji) dipegang oleh Pihak Diinsuranskan sebagai amanah.

RC. 02A Pengalihan Debris (PUING) (dengan jumlah diinsuranskan berasingan)

Insurans mengikut perkara diatas adalah berkaitan dengan kos dan perbelanjaan sepatutnya tertanggung oleh Pihak Diinsuranskan dengan kebenaran Syarikat ke atas:-

- (a) pengalihan debris
- (b) menanggal dan/atau meroboh
- (c) menyokong atau mengampu

pada bahagian harta yang diinsuranskan oleh polisi ini musnah atau rosak disebabkan oleh kebakaran atau peril lain yang diinsuranskan. (Butiran (b) dan (c) di atas adalah dianggap terpotong apabila Bangunan atau mesin tidak diinsuranskan).

Syarikat tidak akan membayar apa-apa kos atau perbelanjaan:

- (i) tertanggung dalam pengalihan debris kecuali daripada tapak harta itu musnah atau rosak dan kawasan bersebelahan dengan tapak tersebut.
- (ii) timbul daripada pencemaran atau kontaminasi harta yang tidak diinsuranskan oleh polisi ini.

RC. 02B Pengalihan Debris (PUING) (tanpa jumlah diinsuranskan berasingan)

Insurans untuk Butiran No. dengan ini diinsuranskan termasuk kos dan perbelanjaan sepatutnya tertanggung oleh Pihak Diinsuranskan dengan kebenaran Syarikat ke atas:

- (a) pengalihan debris
- (b) menanggal dan/atau meroboh
- (c) menyokong atau mengampu

pada bahagian harta yang diinsuranskan oleh polisi ini musnah atau rosak disebabkan oleh kebakaran atau peril lain yang diinsuranskan. (Butiran (b) dan (c) di atas adalah dianggap terpotong apabila Bangunan atau mesin tidak diinsuranskan).

Amaun yang perlu dibayar untuk kos dan perbelanjaan tidak boleh melebihi 10% daripada Jumlah Diinsuranskan untuk setiap Butiran atau secara agregat Ringgit Malaysia Dua juta (RM2,000,000) bagi mana-mana satu kerugian, mengikut yang mana lebih rendah.

Syarikat tidak akan membayar apa-apa kos atau perbelanjaan:

- (i) tertanggung dalam pengalihan debris kecuali daripada tapak harta itu musnah atau rosak dan kawasan bersebelahan dengan tapak tersebut.
- (ii) timbul daripada pencemaran atau kontaminasi harta yang tidak diinsuranskan oleh polisi ini.

Dengan syarat liabiliti maksimum Syarikat tidak boleh melebihi jumlah tercatat dalam Jadual bagi setiap Butiran yang diinsuranskan.

RC. 03A Fi Akitek, Penyelaras Jurutera Dan Perunding (jumlah diinsuranskan berasingan)

Insurans bagi butiran ini yang merujuk kepada fi Akitek, Penyelaras dan Jurutera perunding untuk anggaran, pelan, spesifikasi, kuantiti, tender dan penyeliaan yang sepatutnya dikenakan di dalam pengembalian semula harta yang diinsuranskan yang disebabkan oleh kemusnahan atau kerosakan yang disebabkan oleh kebakaran atau peril lain yang diinsuranskan tetapi bukan fi persediaan untuk membuat tuntutan di bawah ini. Amaun berbayar untuk fi sedemikian hendaklah tidak melebihi jumlah yang dibenarkan di bawah skala Persatuan bidang berkenaan yang lazim ketika berlakunya kemusnahan atau kerosakan, tertakluk kepada had jumlah yang diinsuranskan kepada butiran tersebut.

RC. 03B Fi Akitek, Penyelaras Jurutera Dan Perunding (jumlah diinsuranskan tidak berasingan)

Insurans bagi bangunan, loji dan mesin yang diinsuranskan termasuklah fi Akitek, Penyelaras dan Jurutera perunding untuk anggaran, pelan, spesifikasi, kuantiti, tender dan penyeliaan yang sepatutnya dikenakan di dalam pengembalian semula harta yang diinsuranskan yang disebabkan oleh kemusnahan atau kerosakan yang disebabkan oleh kebakaran atau peril lain yang diinsuranskan tetapi bukan fi persediaan untuk membuat tuntutan di bawah ini. Amaun berbayar untuk fi sedemikian hendaklah tidak melebihi jumlah yang dibenarkan di bawah skala Persatuan bidang berkenaan yang lazim ketika berlakunya kemusnahan atau kerosakan, tertakluk kepada had jumlah liabiliti maksimum syarikat untuk apa-apa kerugian kerosakan dan tanggung rugi tidak melebihi jumlah yang diinsuranskan bagi setiap butiran.

RC. 04 Fasal Kandungan Lain

Adalah dipersetujui bahawa terma "Kandungan Lain" yang tidak selainnya diinsuranskan adalah termasuk :-

- (a) wang dan setem yang tidak selainnya diinsuranskan secara khusus untuk amaun tidak melebihi RM1,000.00
- (b) Dokumen, manuskrip dan buku perniagaan tetapi hanya untuk nilai barangan seperti alat tulis, berserta dengan kos kerja kerani yang dipanjangkan di dalam penulisan dan bukan nilai untuk Pihak Diinsuranskan ke atas maklumat yang terdapat di dalamnya dan untuk amaun tidak melebihi RM1,000.00 yang berhubung dengan mana-mana dokumen, manuskrip atau buku perniagaan.
- (c) Rekod sistem komputer tetapi hanya untuk nilai barangan berserta dengan kos kerja kerani dan waktu komputer yang dipanjangkan untuk penghasilan semula maklumat tersebut (tidak termasuk perbelanjaan yang berkaitan dengan penghasilan maklumat yang perlu direkodkan) dan bukan nilai untuk Pihak Diinsuranskan ke atas maklumat yang terdapat di dalamnya untuk amaun tidak melebihi RM1,000.00
- (d) Corak, model, acuan, pelan dan reka bentuk untuk amaun tidak melebihi RM1,000.00 yang berkaitan dengan mana-mana satu corak, model, acuan, pelan dan reka bentuk.
- (e) Basikal pekerja, pakaian, peralatan dan barangan persendirian lain untuk amaun tidak melebihi RM1,000.00 yang berkaitan dengan mana-mana satu pekerja.

RC. 05 Fasal Tambahan Modal (tidak sah untuk stok dagangan atau barang jualan ataupun untuk insurans dimana jumlah keseluruhan adalah lebih kurang daripada RM1,500,000)

Insurans ini diperluaskan untuk melindungi pengubahsuaian, tambahan dan pengembalian semula (tetapi bukan kenaikan nilai melebihi daripada jumlah yang diinsuranskan) terhadap harta yang tercatat dalam (Butiran bernombor) polisi ini untuk amaun tidak melebihi 10% bagi setiap butiran daripada jumlah yang diinsuranskan atau RM1,000,000 setiap lokasi mengikut mana yang lebih rendah.

Pihak Diinsuranskan berjanji untuk memberitahu Syarikat setiap tiga (3) bulan bila berlaku pengubahsuaian, tambahan dan pengembalian semula sedemikian dan dikehendaki membayar premium tambahan sewajarnya.

Fasal ini tidak berkuat kuasa jika perisytiharan terhadap pengubahsuaian, tambahan dan pengembalian semula tidak diterima oleh Penanggung Insurans dalam tempoh sembilan puluh (90) hari dari tarikh pengubahsuaian, tambahan dan pengembalian semula tersebut.

Bagi maksud Fasal ini, tarikh perisytiharan yang diterima oleh Syarikat hendaklah dianggap sebagai tarikh bermulanya Warranti Premium.

Nota: Sekiranya terdapat lebih daripada satu lokasi, maka had boleh dinaikkan sehingga RM2,000,000 amaun ini menjadi had agregat untuk semua lokasi.

RC. 06A Fasal 1 Penerima Gadai Janji (Pemegang Gadaian)

Kerugian, jika ada, dibayar sebagai Penerima Gadai Janji (Pemegang Gadaian) di mana hak kepentingan mungkin wujud dalam insurans ini akan dibuat setakat kepentingan Penerima Gadai Janji (Pemegang Gadaian) dan tidak akan terjejas atas perbuatan atau kecuaiannya Penggadai Janji (Penggadai) atau Empunya harta tersebut atau mana-mana perampasan atau prosiding lain atau notis penjualan harta tersebut atau penggunaan bangunan tersebut bagi tujuan yang lebih berbahaya daripada yang dibenarkan oleh Polisi ini, atau dalam keadaan ia tidak digunakan, atau apa-apa tambahan risiko yang berlaku terhadap harta yang dilindungi. Tertakluk bahawa sekiranya Penggadai Janji (Penggadai) atau Empunya harta gagal membayar apa-apa premium insurans yang sepatutnya dibayar di bawah Polisi ini, Penerima Gadai Janji (Pemegang Gadaian) hendaklah atas permintaan membayarnya.

Tertakluk juga bahawa Penerima Gadai Janji (Pemegang Gadaian) akan memberitahu Syarikat jika harta dilindungi tidak didiami atau apa-apa penukaran hak milik atau penggunaan atau bertambahnya bahaya yang telah sampai kepada pengetahuan Pemegang Gadai Janji (Pemegang Gadaian) kecuali ianya dibenarkan dan dicatat di dalam Polisi ini dan Penerima Gadai Janji (Pemegang Gadaian) hendaklah atas permintaan membayar premium untuk penambahan bahaya tersebut jika tidak Polisi ini akan dianggap batal dan tidak sah.

Dan seterusnya dipersetujui bahawa apabila Syarikat membayar Penerima Gadai Janji (Pemegang Gadaian) tersebut apa-apa jumlah yang berhubung dengan kerugian atau kerosakan di bawah Polisi ini dan menganggap tiada lagi liabiliti yang wujud ke atas Penggadai Janji (Penggadai) atau Empunya harta, Syarikat berhak di bawah undang-undang ke atas semua hak gadaian setakat had bayaran tersebut dan tidak sehingga merosakkan hak Penerima Gadai Janji (Pemegang Gadaian) untuk memperoleh kembali jumlah penuh apa-apa tuntutan yang mungkin ada pada Penggadai Janji (Penggadai) tersebut Empunya harta atau mana-mana Pihak Diinsuranskan di bawah ini atau daripada mana-mana sekuriti atau dana yang ada.

Fasal Tidak Boleh Batal

Dan seterusnya dipersetujui bahawa pembatalan Polisi ini tidak boleh dibuat oleh Pihak Diinsuranskan kecuali pemberitahuan terlebih dahulu kepada Penerima Gadai Janji (Pemegang Gadaian) secara bertulis memberi notis

empat belas (14) hari kepada alamat Penerima Gadai Janji (Pemegang Gadaian) yang terakhir diketahui.

Nota: Apabila kepentingan adalah melibatkan Pemegang Gadaian dan Pemberi Gadaian maka perkataan dalam kurungan akan bermaksud sebagai Penerima Gadai Janji dan Pemberi Gadai Janji.

RC. 07 Harga Kontrak

Walau apa pun yang berlainan terkandung dalam Syarat 17 Polisi ini, adalah diisytiharkan dan dipersetujui bahawa berhubung dengan barang yang telah dijual tetapi belum dihantar yang menjadi tanggungjawab Pihak Diinsuranskan dan berhubung dengan syarat penjualan, kontrak penjualan itu dibatalkan oleh sebab kebakaran atau peril lain yang diinsuranskan sama ada sepenuhnya atau setakat kerugian atau kerosakan tersebut, liabiliti syarikat hendaklah berdasarkan pada harga kontrak dan bagi tujuan mengira nilai semua barangan itu yang menjadikan Fasal ini diguna pakai apabila berlaku kerosakan dan kemusnahan, dasar yang sama hendaklah digunakan.

RC. 08 Pengecualian Tapak Bangunan

Insurans ke atas bangunan tidak termasuk mana-mana bahagian yang lebih rendah daripada permukaan bawah * tingkat terbawah sekali (dan bahagian tapak konkrit untuk alatan mesin yang mengatasi paras sedemikian).

Note 1: * "atas" boleh digunakan untuk mengganti "bawah"

Note 2: Perkataan di dalam kurungan boleh digugurkan.

RC. 09A Sewa (diguna pakai kepada pemilik bukan penghuni premis)

Untuk * bulan sewa diinsuranskan. Jumlah Diinsuranskan : RM *

Insurans untuk Sewa ini diguna pakai jika (mana-mana) bangunan atau bahagian yang tidak layak untuk diduduki akibat dari kebakaran atau mana-mana peril yang diinsuranskan dan amaun yang perlu dibayar hendaklah tidak melebihi bahagian yang diinsuranskan ke atas Sewa oleh sebab tempoh baik pulih atau pengembalian semula bergantung kepada jumlah bulan Sewa yang diinsuranskan.

* Seperti yang dinyatakan didalam jadual

RC. 09B Sewa (diguna pakai kepada penghuni pemilik premis)

Untuk * bulan perbelanjaan diinsuranskan. Jumlah Diinsuranskan : RM *

Insurans untuk Sewa ini diguna pakai jika (mana-mana) bangunan atau bahagian yang tidak layak untuk diduduki akibat dari kebakaran atau mana-mana peril yang diinsuranskan dan amaun yang perlu dibayar hendaklah perbelanjaan tambahan yang munasabah semestinya tertanggung oleh pihak diinsuranskan untuk menyewa premis alternatif di tempat lain. Dengan syarat jumlah amaun dibayar tidak boleh melebihi perbelanjaan yang diinsuranskan oleh sebab tempoh baik pulih atau pengembalian semula bergantung kepada jumlah bulan perbelanjaan yang diinsuranskan.

* Seperti yang dinyatakan didalam jadual

RC. 10 Rekod Sistem Komputer

Rekod sistem komputer diinsuranskan hanya ke atas nilai bahan berserta kos kerja kerani dan waktu komputer yang digunakan untuk penghasilan semula rekod tersebut (tidak termasuk perbelanjaan yang berkaitan dengan penghasilan maklumat yang perlu direkodkan) dan bukan atas nilai maklumat yang terkandung di dalamnya.

RC. 11 Fasal Penjenisan

Bagi tujuan untuk menentukan jika perlu butiran (tajuk ruang) di bawah mana-mana harta diinsuranskan, Syarikat bersetuju untuk menerima penjenisan harta sedemikian yang tercatat dalam buku Pihak Diinsuranskan.

RC. 15 Fasal Pembaharuan Automatik

Polisi ini dianggap diperbaharui secara automatik dan premium sewajarnya dikenakan ketika tamatnya polisi kecuali diberitahu sebaliknya.

RC. 16A Fasal Nilai Pengembalian Semula

Walau apa pun yang berlainan yang terkandung di dalam syarat 17 polisi ini adalah diisytiharkan dan dipersetujui bahawa sekiranya harta yang diinsuranskan di bawah (butiran nombor) polisi ini didapati musnah atau rosak, asas pengiraan amaun yang dibayar di bawah (setiap butiran yang dinyatakan) Polisi ini adalah dikira berdasarkan kos untuk mengganti dan membaiki pulih di tapak bangunan yang sama bentuk atau jenis tetapi tidak melebihi atau lebih baik daripada biasa atau lebih luas daripada harta yang diinsuranskan ketika baru, tertakluk kepada Peruntukan Khas berikut dan tertakluk juga terma dan syarat Polisi kecuali yang sama tetapi dengan cara ini berlainan.

Peruntukan Khas

- (1) Kerja mengganti atau membaiki pulih (yang akan dilakukan ke atas tapak lain dan cara yang bersesuaian dengan keperluan Pihak Diinsuranskan tetapi tertakluk kepada liabiliti syarikat yang tidak bertambah) mesti dimulakan dan dilaksanakan dengan segera secara munasabah dan dalam hal lain mesti diselesaikan dalam tempoh dua belas (12) bulan selepas kemusnahan atau kerosakan dalam tempoh tambahan syarikat akan (dalam tempoh dua belas (12) bulan tersebut) secara bertulis membenarkan, sebaliknya tiada bayaran melebihi amaun yang mungkin dibayar di bawah polisi ini jika fasal ini belum dimasukkan dengan ini telah dibuat.
- (2) Sehingga perbelanjaan telah dikenakan oleh Pihak Diinsuranskan untuk mengganti atau membaiki pulih harta yang musnah dan rosak syarikat tidak akan bertanggungjawab ke atas apa-apa bayaran yang melebihi amaun yang sepatutnya dibayar di bawah polis ini jika fasal tidak dimasukkan dengan ini.
- (3) Jika sewaktu penggantian atau membaiki pulih jumlah yang mewakili kos yang mungkin dikenakan untuk mengganti atau membaiki pulih jika keseluruhan harta yang dilindungi telah musnah melebihi jumlah yang diinsuranskan tersebut ketika berlakunya kebakaran atau pada permulaan mana-mana kemusnahan atau kerosakan pada harta oleh sebab peril lain yang diinsuranskan di bawah polisi ini, maka Pihak Diinsuranskan hendaklah dianggap sebagai penanggung insurans sendiri bagi jumlah yang berlebihan dan akan menanggung perkadaran setimpal bagi kerugian sepatutnya. Setiap butiran di dalam Polisi ini (jika melebihi daripada satu) memorandum ini hendaklah diguna pakai secara berasingan tetapi tertakluk pada peruntukan sebelumnya.
- (4) Memorandum ini tidak akan berkuat kuasa atau berkesan jika:
 - (a) Pihak Diinsuranskan gagal untuk memberitahu kepada syarikat dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh kemusnahan atau kerosakan, atau tempoh tambahan seperti yang dipersetujui oleh syarikat secara bertulis membenarkan, tujuan beliau untuk mengganti atau membaiki pulih harta yang musnah atau rosak.
 - (b) Pihak Diinsuranskan tidak berupaya atau tidak mahu mengganti atau membaiki pulih harta yang musnah atau rosak di atas tapak yang sama atau di tempat lain.
- (5) Tiada bayaran boleh dibuat melebihi amaun yang perlu dibayar di bawah Polisi ini jika memorandum ini tidak dimasukkan di sini jika sewaktu berlakunya mana-mana kemusnahan atau kerosakan

terhadap mana-mana harta yang diinsuranskan di bawah ini, harta tersebut hendaklah dilindungi oleh mana-mana insurans lain yang dikuat kuasa oleh atau bagi Pihak Diinsuranskan yang tidak serupa dengan asas baik pulih yang sama yang ditetapkan di sini.

RC. 18 Pengembalian Semula Mengikut Keperluan Pihak Berkuasa

Walau apa pun yang berlainan yang terkandung di dalam Syarat 17 polisi ini, adalah diisytiharkan dan dipersetujui bahawa insurans ke atas (Butiran No.) Polisi ini merangkumi kos tambahan pengembalian semula harta diinsuranskan yang musnah atau rosak yang ditanggung hanya atas sebab keperluan untuk mematuhi Peraturan Bangunan atau lain-lain di bawah atau dirangka mengikut mana-mana Akta Kerajaan atau Undang-Undang Kecil mana-mana Majlis atau Pihak Berkuasa Tempatan dengan syarat :-

- (1) Amaun yang boleh dituntut semula di bawah Perluasan ini tidak termasuk :-
 - (a) kos yang ditanggung dalam mematuhi mana-mana Peraturan atau Undang-Undang Kecil yang tersebut di atas:-
 - (i) Terhadap kemusnahan atau kerosakan yang berlaku sebelum pemberian perluasan ini,
 - (ii) Terhadap kemusnahan atau kerosakan yang tidak diinsuranskan oleh Polisi ini,
 - (iii) Notis yang telah dikeluarkan ke atas Pihak Diinsuranskan sebelum berlakunya kemusnahan atau kerosakan,
 - (iv) Terhadap harta yang tidak rosak atau bahagian harta yang tidak rosak.
 - (b) kos tambahan yang sepatutnya diperlukan untuk membaiki harta yang rosak atau musnah kepada keadaan yang sama dengan keadaan semasa baru sekiranya keperluan untuk mematuhi mana-mana Peraturan atau Undang-Undang Kecil tidak timbul
 - (c) jumlah mana-mana kadar, cukai, duti, pembangunan atau lain-lain caj atau penilaian yang timbul dari peningkatan modal yang mungkin perlu dibayar terhadap harta atau oleh empunya disebabkan pematuhan mana-mana Peraturan atau Undang-Undang Kecil.
- (2) Kerja-kerja pengembalian semula mesti dimulakan dan dilaksanakan dengan secepat mungkin dan dalam mana-mana hal mesti disiapkan dalam masa dua belas (12) bulan selepas kemusnahan atau dalam masa lanjutan yang Syarikat mungkin (dalam jangka waktu dua belas (12) bulan tersebut) membenarkan secara bertulis dan boleh dilaksanakan secara keseluruhan atau sebahagian di tapak lain (sekiranya diperlukan Peraturan atau Undang-Undang Kecil yang disebut di atas) tertakluk kepada liabiliti Syarikat di bawah perluasan ini tidak akan bertambah.
- (3) Jika liabiliti Syarikat di bawah (mana-mana Butiran) Polisi selain daripada perluasan ini dikurangkan melalui penggunaan mana-mana terma dan syarat polisi maka liabiliti syarikat di bawah perluasan ini (terhadap mana-mana butiran) hendaklah dikurangkan dengan sewajarnya.
- (4) Jumlah amaun yang boleh dituntut di bawah mana-mana butiran polisi tidak boleh melebihi jumlah yang diinsuranskan.
- (5) Kesemua syarat Polisi ini kecuali setakat yang berlainan hendaklah diguna pakai sebagaimana ia telah dimasukkan di sini.

RC. 19 Polisi Pengisytiharan (Syarat Khas Untuk Polisi Pengisytiharan)

- (1) Sebagai balasan premium polisi ini yang dianggap sementara dan ia dikira pada 100% daripada jumlah yang diinsuranskan dan adalah tertakluk kepada pelarasan pada tamat setiap tempoh insurans:-

Pihak Diinsuranskan bersetuju untuk mengisytiharkan kepada Syarikat secara bertulis nilai stok, ditolak apa-apa amaun diinsuranskan oleh Polisi selain daripada Polisi Pengisytiharan, atas asas berikut iaitu (masukkan perkataan yang sesuai mengikut Peraturan 1.25.5, Seksyen 1) dan hendaklah membuat pengisytiharan dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari (masukkan tarikh atau hari yang bersesuaian) bagi setiap bulan, pengisytiharan tersebut hendaklah ditandatangani oleh Pihak Diinsuranskan atau oleh orang yang bertanggungjawab yang diberi kuasa untuk menandatangani bagi pihaknya.

Jika ada Polisi lain berasaskan pengisytiharan yang melindungi stok diinsuranskan, pengisytiharan tersebut hendaklah dibuat dengan memperuntukkan setiap polisi nilai bahagian stok diinsuranskan di bawah Polisi Pengisytiharan, secara kadar setimpal ke atas amaun yang dinyatakan di dalam Polisi ini.

Sekiranya pengisytiharan tidak dibuat dalam tempoh tiga puluh (30) hari seperti yang dinyatakan di atas maka Pihak Diinsuranskan dianggap telah mengisytiharkan jumlah yang diinsuranskan sebagai nilai berisiko.

Pada tamat setiap tempoh insurans, premium adalah dikira pada kadar yang diguna pakai pada jumlah purata yang diinsuranskan iaitu jumlah nilai diisytiharkan atau dianggap telah diisytiharkan dibahagi dengan bilangan pengisytiharan yang sepatutnya dibuat. Jika premium yang dihasilkan lebih besar daripada premium sementara, Pihak Diinsurans hendaklah membayar perbezaannya; jika ianya kurang perbezaan itu hendaklah dibayar balik kepada Pihak Diinsuranskan tetapi pembayaran tersebut tidak boleh melebihi 50% daripada premium sementara.

- (2) Asas nilai untuk pengisytiharan hendaklah berdasarkan nilai pasaran dan apa-apa kerugian seterusnya hendaklah diselesaikan pada asas nilai pasaran sebaik sahaja sebelum kerugian.
- (3) Jika pada waktu berlaku apa-apa kerugian, terdapat mana-mana insurans lain yang berasaskan selain dari dasar pengisytiharan sama ada dikuatkuasakan oleh Pihak Diinsuranskan di sini, Polisi ini hendaklah diguna pakai hanya untuk lebihan nilai stok tersebut pada waktu berlakunya kerugian daripada jumlah diinsuranskan oleh insurans sedemikian dan Syarikat ini tidak akan bertanggungjawab untuk membayar atau menyumbang lebih daripada bahagian kerugian tersebut yang mana lebihan sedemikian (atau jika terdapat insurans pengisytiharan yang lain melindungi stok yang sama, perkadaran setimpal lebih sedemikian) tetapi tidak melebihi jumlah diinsuranskan di sini, berkaitan dengan jumlah nilai stok.
- (4) Jika selepas berlakunya kerugian adalah didapati amaun yang terakhir diisytiharkan sebelum berlakunya kerugian adalah kurang daripada amaun yang sepatutnya diisytiharkan, maka amaun yang diperolehi kembali oleh Pihak Diinsuranskan hendaklah dikurangkan kepada bahagian sedemikian sebagai amaun yang terakhir diisytiharkan berkaitan dengan amaun yang sepatutnya diisytiharkan.
- (5) Sekiranya berlaku kerugian Pihak Diinsuranskan bertanggungjawab untuk membayar premium tambahan atas mana-mana kerugian secara kadar setimpal daripada tarikh kerugian tersebut sehingga tamat tempoh insurans, premium tersebut dikira pada kadar yang diguna pakai ke atas stok yang telah musnah dan premium tambahan sedemikian tidak boleh diambil kira dan hendaklah diasingkan daripada pelarasan premium terakhir.
- (6) Sekiranya Polisi ini dibatalkan oleh Pihak Diinsuranskan dalam tempoh kuatkuasanya (sama ada stok wujud atau tidak) premium yang ditahan oleh Syarikat hendaklah bersesuaian dengan premium jangka pendek yang dikira atas amaun purata yang diinsuranskan sehingga tarikh pembatalan, atau 50% daripada premium sementara yang mana lebih besar; tetapi jika Polisi dibatalkan oleh Pihak Diinsuranskan selepas berlakunya kerugian, premium yang sepatutnya ditahan oleh Syarikat adalah premium perkadaran setimpal yang dikira atas amaun purata diinsuranskan sehingga pembatalan ditambah dengan bahagian perkadaran setimpal premium dari tarikh kerugian sehingga tamat tempoh

insurans ke atas amaun kerugian yang dibayar atau 50% daripada premium sementara yang mana lebih besar.

- (7) Adalah diwarantikan setiap Polisi lain berasaskan pengisytiharan yang melindungi stok diinsuranskan hendaklah serupa dengan pernyataan dalam Polisi ini.
- (8) Insurans ini adalah tertakluk kepada syarat bercetak dalam semua segi Polisi ini kecuali setakat yang boleh diubah oleh Syarat Khas.

RC. 20 Fasal Penyimpanan Sementara

Harta (kecuali bangunan) yang diinsuranskan di bawah Polisi ini adalah dilindungi ketika penyimpanan sementara di mana-mana di Malaysia, Brunei Darussalam dan Singapura DENGAN SYARAT :-

- (a) tempoh penyimpanan sementara tidak melebihi enam puluh (60) hari.
- (b) Liabiliti Syarikat adalah terhad kepada 10% daripada jumlah yang diinsuranskan atau RM500,000 mengikut mana yang lebih rendah bagi harta yang dilindungi di bawah fasal ini.
- (c) Syarikat tidak akan bertanggungjawab ke atas apa-apa kerugian atau kerosakan pada harta ketika dalam transit (termasuk proses pengangkutan yang merupakan sebahagian daripada transit tersebut).
- (d) Insurans ini tidak diguna pakai ke atas harta setakat mana ia dilindungi oleh insurans lain atau tidak diguna pakai ke atas kenderaan dan casis motor berlesen untuk kegunaan di jalan raya atau digunakan di atas jalan raya seperti yang didefinisikan dalam Akta Pengangkutan Jalan 1987 (termasuk aksesori).

RC. 27 Fasal Pemindahan Dalam

Adalah difahami dan dipersetujui bahawa sekiranya berlaku pemindahan harta dari satu bangunan ke tempat yang lain di mana-mana lokasi yang dinyatakan dan secara tidak sengaja tidak memberitahu Syarikat perlindungan ke atas harta tersebut akan diteruskan sewaktu pemindahan, pelarasan sewajarnya ke atas jumlah diinsuranskan dan premium yang sepatutnya dibayar bermula dari tarikh pemindahan sebaik sahaja kesilapan tersebut diketahui.

RC. 28 Fasal Bangunan Luar

Insurans mengikut setiap butiran di bawah Bangunan difahami merangkumi dinding, get dan pagar, bangunan luar yang kecil, peluasan, sambungan, tangga luar, peralatan untuk bahan bakar, kerangka keluli atau besi dan tangki di dalam premis tersebut dan insurans mengikut setiap butiran di bawah Kandungan diperluaskan untuk merangkumi kandungan setiap bangunan luar.

RC. 29 Fasal Penilaian

Jika tuntutan secara agregat untuk mana-mana satu kerugian tidak melebihi RM5,000 atau 5% daripada jumlah yang diinsuranskan yang mana amaunnya lebih rendah mengikut butiran yang berkenaan tidak ada inventori khas atau penilaian harta yang tidak rosak diperlukan.

Jika dua atau lebih bangunan disertakan sebagai satu butiran, proviso ini hendaklah diguna pakai kepada semua jenis bangunan dan/atau kandungan mengikut butiran yang berkenaan.

RC. 30 Fasal Bebanan Kenderaan

Jika sekiranya mana-mana kenderaan Pihak Diinsuranskan dibiarkan berbeban semalaman semasa di dalam atau atas premis dinyatakan dalam spesifikasi di sini Syarikat akan menanggung rugi Pihak

Diinsuranskan akan bebanan itu sekiranya berlaku kerugian atau kerosakan oleh mana-mana peril yang diinsuranskan oleh Polisi ini.

RC. 31 Fasal Pembetulan Dan Pembaik Pulih

Walaupun apa pun dinyatakan oleh syarat 9(a), pekerja dibenarkan berada di atau persekitaran harta yang diinsuranskan untuk melakukan pembetulan atau membaik pulih asalkan perniagaan, pembuatan, jenis kegunaan dan/atau pembinaan bangunan kekal tidak berubah.

RC. 34 Fasal Insurans Lain

Adalah difahami dan dipersetujui bahawa Pihak Diinsuranskan dianggap telah mematuhi syarat no. 3 polisi ini dengan syarat dia telah mengisytiharkan kepada syarikat jumlah amaun insurans yang dikuatkuasakan dengan Syarikat Insurans lain ke atas harta yang diinsuranskan di sini.

RC. 48 Fasal Polisi Tanpa Nilai

Ini adalah satu Polisi tanpa nilai yang tidak berasaskan kepada nilai yang diinsuranskan. Pihak diinsuranskan adalah bertanggungjawab untuk membuktikan nilai atau jumlah sebenar harta yang diinsuranskan ketika berlakunya kemusnahan atau kerosakan tersebut.

NRP. 01 Kerosakan Pesawat

Sebagai balasan bagi premium tambahan, Syarikat dengan ini bersetuju dan mengisytiharkan bahawa insurans di bawah Polisi ini hendaklah, tertakluk kepada Syarat Khas yang terkandung selepas ini, diperluaskan bagi memasukkan kerugian dan kerosakan (oleh kebakaran atau sebaliknya) ke atas harta yang diinsuranskan secara langsung yang disebabkan oleh pesawat dan peranti udara yang lain dan/atau benda yang gugur daripadanya.

Dengan syarat bahawa semua syarat dalam polisi ini hendaklah dianggap sebagai diguna pakai di sini dan untuk tujuan tersebut apa-apa kerugian atau kerosakan seperti yang dinyatakan sebelum ini hendaklah disifatkan sebagai kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh kebakaran.

SYARAT KHAS

- (1) Liabiliti Syarikat hendaklah dalam apa jua keadaan di bawah Pengendorsan dan Polisi ini tidak melebihi jumlah yang diinsuranskan bagi setiap butiran dalam Polisi ini.
- (2) Insurans ini tidak melindungi apa-apa kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh mana-mana pesawat yang telah mendapat kebenaran untuk mendarat oleh Pihak Diinsuranskan.

Selainnya tertakluk kepada terma dan syarat Polisi ini.

NRP. 02 Gempa Bumi Dan Letusan Gunung Berapi

Sebagai balasan bagi premium tambahan, Syarikat bersetuju bahawa walaupun apa pun yang dinyatakan bertentangan dalam Syarat No. 6 Polisi ini, insurans ini diperluaskan untuk melindungi kerugian atau kerosakan yang disebabkan secara langsung oleh kebakaran atau sebaliknya disebabkan oleh atau menerusi atau akibat daripada gempa bumi dan letusan gunung berapi.

Dengan syarat bahawa semua syarat polisi ini hendaklah diguna pakai (kecuali setakat mana ianya secara jelas berbeza) dari mana-mana rujukan di sini tentang kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh kebakaran hendaklah juga diguna pakai terhadap kerugian atau kerosakan yang disebabkan secara langsung oleh mana-mana peril yang insurans ini diperluaskan menurut pengendorsan ini.

Selainnya tertakluk kepada terma dan syarat Polisi ini.

NRP. 03 Ribut, Taufan

Sebagai balasan bagi premium tambahan, Syarikat bersetuju bahawa walaupun apa pun yang dinyatakan bertentangan dalam Syarat No. 6 Polisi ini, insurans ini diperluaskan untuk melindungi kerugian atau kerosakan yang disebabkan secara langsung oleh kebakaran atau sebaliknya disebabkan oleh atau menerusi atau akibat daripada Hurikan, Siklon, Taufan dan Ribut Angin, tertakluk kepada Fasal Lebihan dan Syarat Khas yang dilampirkan bersama ini.

Dengan syarat bahawa semua syarat polisi ini hendaklah diguna pakai (kecuali setakat mana ianya secara jelas berbeza) dan mana-mana rujukan di sini terhadap kerugian atau kerosakan yang disebabkan secara langsung oleh mana-mana peril yang insurans ini diperluaskan menurut pengendorsan ini.

Fasal Lebihan

Adalah diperakui dan dipersetujui bahawa bagi kerugian dan kerosakan terhadap mana-mana harta yang diinsuranskan yang secara langsung disebabkan oleh mana-mana peril yang fasal ini dinyatakan terdahulu daripada ini sebagai terpakai, liabiliti Syarikat hendaklah terhadap kepada amaun mengikut perkadaran setimpal dengan jumlah kerugian dan kerosakan yang melebihi sama ada:

- (a) 1% daripada jumlah keseluruhan yang diinsuranskan atas nama Pihak Diinsuranskan terhadap harta bagi 1 peril tersebut, atau
- (b) RM200.00

yang mana lebih rendah, seperti ditentukan setelah pemakaian mana-mana syarat purata.

Selanjutnya dipersetujui bahawa Fasal ini hendaklah diguna pakai secara berasingan kepada:

- (i) setiap harta, bagi tujuan insurans semua harta yang diinsuranskan di alamat yang sama hendaklah dianggap sebagai satu harta.
- (ii) setiap kejadian yang mengakibatkan kerugian atau kerosakan dan bagi tujuan yang tersebut ini satu-satu kejadian hendaklah tidak dianggap berakhir sehingga berlangsungnya tujuh (7) hari berturut-turut bebas daripada peril tersebut dan hanya selepas itu Fasal ini hendaklah terpakai sekali lagi.

SYARAT KHAS

- 1) Syarikat tidak akan bertanggungjawab ke atas apa-apa kerugian atau kerosakan yang diakibatkan oleh air atau hujan, sama ada yang dibawa oleh angin atau tidak melainkan bangunan yang diinsuranskan atau mengandungi harta yang diinsuranskan hendaklah terlebih dahulu mengalami kerosakan pada bahagian bumbung atau dinding yang diakibatkan secara langsung oleh Hurikan, Siklon, Taufan, Ribut Angin dan hendaklah kemudiannya bertanggungjawab hanya kepada kerosakan dalaman bangunan tersebut atau harta yang diinsuranskan dalam polisi ini yang mungkin disebabkan oleh air atau hujan yang memasuki bangunan tersebut menerusi ruang terbuka pada bumbung atau dinding dengan cara kekuatan langsung peril tersebut.
- 2) Pengendorsan ini tidak memperluaskan insurans di bawah Polisi ini untuk melindungi:
 - (a) Kerugian turutan dalam apa jua bentuk.
 - (b) Kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh hujan batu sama ada dibawa oleh angin atau tidak.
 - (c) Kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh penurunan tanah atau gelinciran tanah kecuali yang diakibatkan oleh gempa bumi atau letusan gunung berapi dengan syarat peril ini diinsuranskan di bawah Polisi ini.
 - (d) Kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh letupan kecuali yang diperuntukan dalam Syarat 8(h) Polisi ini.
 - (e) Kerugian yang disebabkan oleh mana-mana ordinan atau undang-undang yang mengawal pembinaan atau pembaikan bangunan.

- 3) Syarikat tidak akan bertanggungjawab di bawah perluasan ini bagi kerugian atau kerosakan yang pada masa berlakunya kerugian atau kerosakan tersebut diinsuranskan atau akan diinsuranskan, tetapi jika tidak kerana adanya perluasan ini, oleh mana-mana Polisi lain yang wujud kecuali yang berhubung dengan mana-mana lebihan yang melebihi amaun yang mungkin dibayar di bawah Polisi lain jika insurans ini tidak dikuatkuasakan.
- 4) Melainkan diinsuranskan secara khusus dan berasingan, pengendorsan ini tidak melindungi:
 - (a) cerobong asap logam, kajang, birai, papan tanda atau mana-mana lekapan atau lengkapan luaran dalam apa jua bentuk.
 - (b) premis yang sedang dalam pembinaan, pembinaan semula atau pembaikan melainkan semua pintu, tingkap dan ruang terbuka yang lain di bahagian luar telah siap dan adalah dilindungi daripada hurikan, siklon, taufan dan ribut angin kencang apabila peril tersebut diinsuranskan di bawah Polisi ini.

Selainnya tertakluk kepada terma dan syarat Polisi ini.

NRP. 04 Banjir

Sebagai balasan bagi premium tambahan, Syarikat bersetuju bahawa walau apa pun yang dinyatakan bertentangan dalam Syarat No. 6 Polisi ini, insurans ini diperluaskan untuk melindungi kerugian dan kerosakan yang disebabkan secara langsung oleh kebakaran atau sebaliknya disebabkan oleh atau menerusi atau akibat daripada banjir (termasuk limpahan air laut) tertakluk kepada Fasal Lebihan dan Syarat Khas yang dilampirkan bersama ini.

Nota: Bagi tujuan perluasan insurans ini, banjir hendaklah bermaksud limpahan atau lencongan air dari saluran biasanya sama ada laluan air semulajadi atau buatan, pecahan atau limpahan dari paip air utama awam dan lain-lain aliran atau takungan air yang berasal dari luar bangunan yang diinsuranskan atau yang mengandungi harta yang diinsuranskan tetapi tidak termasuk kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh penurunan atau gelinciran tanah.

Dengan syarat bahawa semua Syarat Polisi ini hendaklah diguna pakai (kecuali setakat mana ianya secara jelas berbeza) dan mana-mana rujukan di sini tentang kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh kebakaran hendaklah juga diguna pakai terhadap kerugian atau kerosakan yang disebabkan secara langsung oleh mana-mana peril yang insurans ini diperluaskan menurut pengendorsan ini.

Fasal Lebihan

Adalah difahami dan dipersetujui bahawa lagi kerugian dan kerosakan terhadap mana-mana harta yang diinsuranskan yang secara langsung disebabkan oleh mana-mana peril yang fasal ini dinyatakan terdahulu daripada ini sebagai terpakai, liabiliti Syarikat hendaklah terhad kepada amaun mengikut pekadarannya setimpal dengan jumlah kerugian dan kerosakan yang melebihi sama ada:

- (a) 1% daripada jumlah keseluruhan yang diinsuranskan atas nama Pihak Diinsuranskan terhadap harta bagi peril tersebut, atau
- (b) RM2,500.00 yang pertama dari setiap satu kerugian.

yang mana lebih rendah, seperti ditentukan setelah pemakaian mana-mana syarat purata.

Selanjutnya dipersetujui bahawa Fasal ini hendaklah diguna pakai secara berasingan kepada:

- (i) setiap harta, bagi tujuan insurans semua harta yang diinsuranskan di alamat yang sama hendaklah dianggap sebagai satu harta.
- (ii) setiap kejadian yang mengakibatkan kerugian atau kerosakan dan bagi tujuan yang tersebut ini satu-satu kejadian hendaklah tidak dianggap berakhir sehingga berlangsungnya tujuh (7) hari berturut-turut bebas daripada peril tersebut dan hanya selepas itu Fasal ini hendaklah terpakai sekali lagi.

SYARAT KHAS

1. Pengendorsan ini tidak memperluaskan insurans di bawah Polisi ini untuk melindungi:
 - (a) Kerugian turutan dalam apa jua bentuk.
 - (b) Kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh hujan batu sama ada dibawa oleh angin atau tidak.
 - (c) Kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh penurunan tanah atau gelinciran tanah kecuali yang diakibatkan oleh gempa bumi atau letusan gunung berapi dengan syarat peril ini diinsuranskan di bawah Polisi ini.
 - (d) Kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh letupan kecuali yang diperuntukan dalam Syarat 8(h) Polisi ini.
 - (e) Kerugian yang disebabkan oleh mana-mana ordinan atau undang-undang yang mengawal pembinaan atau pembaikan bangunan.
2. Syarikat tidak akan bertanggungjawab di bawah perluasan ini bagi kerugian atau kerosakan yang pada masa berlakunya kerugian atau kerosakan tersebut diinsuranskan atau akan diinsuranskan, tetapi jika tidak kerana adanya perluasan ini, oleh mana-mana Polisi lain yang wujud kecuali yang berhubung dengan mana-mana lebihan yang melebihi amaun yang mungkin dibayar di bawah Polisi lain jika insurans ini tidak dikuatkuasakan.
3. Melainkan diinsuranskan secara khusus dan berasingan, pengendorsan ini tidak melindungi cerobong asap logam, kajang, birai, papan tanda atau mana-mana lekapan atau lengkapan luaran dalam apa jua bentuk.

Selainnya tertakluk kepada terma dan syarat Polisi ini.

NRP. 05C Letupan – Bukan industri tanpa dandang

NRP. 05D Letupan – Bukan industri dengan dandang

Sebagai balasan bagi premium tambahan, Syarikat dengan ini bersetuju dan mengisytiharkan bahawa insurans di bawah (butiran ...) Polisi ini hendaklah, tertakluk bahawa Syarat Khas yang terkandung selepas ini, diperluaskan bagi memasukkan :-

Kerugian atau kerosakan ke atas harta yang diinsuranskan oleh kebakaran atau sebaliknya yang secara langsung disebabkan oleh letupan tetapi tidak termasuk kerugian atau kerosakan ke atas dandang, ekonomier atau alat-alat lain-lain peralatan, jentera atau perkakas yang menggunakan tekanan atau kandungannya yang mengakibatkan letupan.

Dengan syarat bahawa semua syarat Polisi ini hendaklah diguna pakai (kecuali setakat mana Syarat No. 8(h) jelas berbeza) seperti ianya telah dimasukkan ke dalam ini dan bagi tujuan tersebut apa-apa kerugian atau kerosakan oleh letupan seperti yang dinyatakan sebelum ini hendaklah dianggap sebagai kerugian atau kerosakan oleh kebakaran yang dimaksudkan oleh Polisi ini.

SYARAT KHAS

- (1) Syarikat tidak akan bertanggungjawab di bawah perluasan ini bagi kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh atau melalui atau akibat secara langsung atau tidak langsung, apa-apa tindakan keganasan.

Untuk tujuan ini tindakan keganasan bermaksud tindakan, termasuk tetapi tidak terhad kepada penggunaan paksaan atau kekerasan dan/atau ugutan sedemikian, oleh mana-mana orang atau kumpulan orang sama ada bertindak sendiri atau bagi pihak atau berhubung dengan mana-mana organisasi atau kerajaan yang dilakukan untuk tujuan politik, agama, ideologi atau yang seumpamanya termasuk niat untuk mempengaruhi mana-mana

kerajaan dan/atau menyebabkan orang awam atau sebahagian orang awam berada dalam ketakutan.

Dalam mana-mana tindakan, guaman atau prosiding lain, apabila Syarikat mendakwa bahawa oleh sebab peruntukan dalam Syarat ini, apa-apa kerugian atau kerosakan tidak dilindungi oleh insurans ini, beban membuktikan kerugian atau kerosakan tersebut dilindungi hendaklah terletak pada Pihak Diinsuranskan.

- (2) Jika dapat mana-mana insurans kebakaran lain yang melindungi harta yang diinsuranskan di bawah Polisi ini, pihak Syarikat hendaklah bertanggungjawab setakat perkadaran dengan insurans kebakaran lain bagi apa-apa kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh letupan sama ada insurans kebakaran yang lain diperluaskan untuk melindungi kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh letupan.
- (3) Syarikat tidak bertanggungjawab di bawah perluasan ini bagi kerugian atau kerosakan yang pada masa berlakunya kerugian atau kerosakan tersebut diinsuranskan atau akan diinsuranskan, Polisi lain yang wujud kecuali yang berhubung dengan mana-mana kelebihan yang melebihi amaun yang mungkin dibayar di bawah Polisi lain jika insurans ini tidak dikuatkuasakan.

Selainnya tertakluk kepada terma and syarat Polisi ini.

NRP. 06B Kerosakan Hentaman (Kerosakan Hentaman Termasuk Kenderaan Pihak Diinsuranskan)

Sebagai balasan tambahan premium, Syarikat dengan ini bersetuju dan mengisytiharkan bahawa insurans di bawah Polisi ini hendaklah diperluaskan kepada kerosakan dan kerugian ke atas harta yang dinyatakan di dalam Jadual dan/atau ke atas dinding, pintu dan pagar di sekeliling atau yang berkenaan dengannya yang diakibatkan oleh hentaman oleh sebarang kenderaan jalan raya, binatang, termasuk sebarang kenderaan jalan raya dan binatang kepunyaan atau di bawah kawalan Pihak Diinsuranskan atau mana-mana ahli keluarga atau mana-mana orang di dalam atau di bawah perkhidmatan Pihak Diinsuranskan, tertakluk kepada RM250.00 yang pertama bagi setiap tuntutan di bawah Pengendorsan ini hendaklah ditanggung oleh Pihak Diinsuranskan seperti yang ditentukan setelah dikenakan mana-mana syarat purata.

Dengan syarat bahawa semua syarat dalam polisi ini hendaklah dianggap sebagai diguna pakai di sini dan untuk tujuan tersebut apa-apa kerugian atau kerosakan seperti yang dinyatakan sebelum ini hendaklah disifatkan sebagai kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh kebakaran.

Selainnya tertakluk kepada terma dan syarat Polisi ini.

NRP. 07A Letupan atau Limpahan Radas Tangki Air atau Paip - Bangunan melebihi lima (5) tingkat (termasuk tingkat mezanin)

NRP. 07B Letupan atau Limpahan Radas Tangki Air atau Paip - Lain-lain

Sebagai balasan bagi premium tambahan, Syarikat dengan ini bersetuju dan mengisytiharkan bahawa insurans di bawah Polisi ini hendaklah diperluaskan kepada kerugian atau kerosakan ke atas harta yang diinsuranskan akibat letupan atau limpahan tangki air, radas atau paip yang dipasang di dalam atau ke atas bangunan yang diinsuranskan atau yang mengandungi harta yang diinsuranskan tidak termasuk:

- a) kerugian atau kerosakan yang dialami semasa bangunan tersebut tidak dihuni.
- b) kerugian atau kerosakan oleh air yang dilepaskan atau kebocoran akibat daripada pemasangan perenjaj automatik.

c) RM1,000.00** yang pertama bagi setiap kerugian bagi premis yang berasingan, seperti yang ditentukan setelah dikenakan purata, atau amaun perkadaran setimpal Syarikat.

** sekiranya jumlah diinsuranskan adalah kurang daripada RM50,000.00 jumlah lebihan ini boleh dikurangkan kepada 1% daripada jumlah yang diinsuranskan tertakluk kepada kadar minimum RM100.00.

Dengan syarat bahawa semua syarat Polisi (kecuali setakat mana ianya secara jelas berbeza) hendaklah diguna pakai seperti ianya terkandung di sini dan bagi tujuan ini apa-apa kerugian atau kerosakan yang dinyatakan sebelum ini hendaklah dianggap kerugian atau kerosakan disebabkan oleh kebakaran.

SYARAT KHAS

1. Liabiliti Syarikat hendaklah dalam apa jua keadaan di bawah pengendorsan ini tidak melebihi jumlah diinsuranskan oleh setiap butiran di dalam Polisi ini.
2. Insurans ini tidak melindungi kehilangan pendapatan, kerugian kelewatan, kehilangan pasaran atau lain-lain kerugian atau kerosakan secara turutan atau tidak langsung dalam apa jua jenis atau apa jua keterangan melainkan kerugian sewa jika kerugian tersebut dimasukkan untuk dilindungi di bawah Polisi ini.
3. Pihak Diinsuranskan hendaklah sentiasa mengambil segala bentuk tindakan yang munasabah bagi memastikan premis berada dalam keadaan baik dan sekiranya didapati apa-apa kerosakan hendaklah diperbaiki secepat mungkin dan hendaklah dalam pada masa yang sama mengambil langkah tambahan mengikut keadaan bagi mengelak kerugian atau kerosakan dan Syarikat tidak akan bertanggungjawab ke atas apa-apa kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh kecacatan yang Pihak Diinsuranskan telah gagal untuk membaikinya setelah menerima notis kecacatan tersebut sama ada dari Syarikat atau mana-mana orang atau badan kerajaan.

Selainnya tertakluk kepada terma dan syarat Polisi.

Nota: Tidak dibenarkan untuk mengetepikan atau mengurangkan lebihan tersebut.

NRP. 08A Fasal Pemasangan Elektrik (A)

Syarikat ini dengan jelasnya diisytiharkan bebas daripada sebarang liabiliti bagi kerugian atau kerosakan terhadap, apa-apa mesin elektrik, radas atau mana-mana bahagian pemasangan elektrik yang berpunca daripada atau disebabkan oleh penggunaan berlebihan, tekanan berlebihan, litar pintas, pemanasan sendiri, pengarkaan atau kebocoran elektrik daripada sebarang punca (termasuk kilat)

Dengan syarat bahawa pengecualian ini hendaklah hanya diguna pakai terhadap mesin elektrik, radas atau sebahagian daripada pemasangan elektrik tertentu yang terlibat dan bukannya ke atas mesin, radas atau pemasangan elektrik yang lain yang musnah atau rosak oleh kebakaran yang berpunca daripada mesin, radas atau pemasangan elektrik sedemikian.

Selainnya tertakluk kepada terma dan syarat Polisi ini.

NRP. 08B Fasal Pemasangan Elektrik (B)

Kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh kebakaran terhadap peralatan dan pemasangan elektrik yang diinsuranskan oleh (butiran) Polisi ini berpunca daripada atau disebabkan oleh penggunaan berlebihan, tekanan berlebihan, litar pintas, pengarkaan, pemanasan sendiri atau kebocoran elektrik, daripada apa-apa punca (termasuk kilat) adalah dilindungi tertakluk kepada terma dan syarat Polisi ini, tetapi dengan jelas difahami bahawa diada liabiliti di bawah Polisi ini bagi kerugian atau kerosakan terhadap apa-apa mesin elektrik, radas, lekapan atau lengkapan atau ke atas mana-mana bahagian pemasangan elektrik, melainkan yang disebabkan oleh kebakaran atau kilat.

Selainnya tertakluk kepada terma dan syarat Polisi ini.

NRP. 09 Kebakaran Lalang/Semak

Sebagai balasan bagi premium tambahan, Syarikat dengan ini bersetuju dan mengisytiharkan bahawa walau apa pun yang dinyatakan bertentangan dalam Syarat 8 (i) Polisi ini, insurans ini diperluaskan di bawah Butiran No. untuk melindungi kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh kebakaran lalang/semak (dengan syarat semasa tempoh perlindungan ini setiap langkah yang munasabah hendaklah diambil bagi memastikan kawasan tanah Pihak Diinsuranskan bebas daripada lalang dan semak).

Selainnya tertakluk kepada terma dan syarat Polisi ini.

NRP. 10(I) Penenggelaman dan Gelinciran Tanah (Perlindungan Standard)

Sebagai balasan bagi premium tambahan, Syarikat bersetuju dan mengisytiharkan bahawa insurans di bawah Polisi ini hendaklah diperluaskan bagi melindungi kerugian atau kerosakan ke atas harta yang diinsuranskan disebabkan oleh penenggelaman dan/atau pelonjakan tapak tanah bangunan didirikan atau tanah kepunyaannya, atau gelinciran tanah tidak termasuk :-

- (a) kerugian atau kerosakan ke atas kolam renang, teres, patio, laluan kenderaan, laluan pejalan kaki, dinding, pintu atau pagar kecuali bangunan, bahagian lain yang terpisah daripadanya atau garaj dirosakkan oleh sebab yang sama dalam waktu yang sama.
- (b) kerugian atau kerosakan ke atas atau yang berpunca dari pergerakan bidur lantai yang kukuh kecuali asas binaan di bawah dinding luaran Bangunan dirosakkan oleh sebab yang sama dalam waktu yang sama.
- (c) kerugian atau kerosakan yang disebabkan berlakunya atau diakibatkan oleh :
 - hakisan pantai atau sungai
 - perobohan, pengubahsuaian struktur atau pembaikan struktur
 - kecacatan pada reka bentuk atau pembinaan asas yang tidak memadai
- (d) Bagi setiap kerugian, 5% daripada jumlah keseluruhan diinsuranskan atau RM25,000.00 mengikut mana yang lebih rendah seperti ditentukan setelah dikenakan mana-mana syarat purata.

Dengan syarat liabiliti keseluruhan Syarikat tidak melebihi jumlah yang diinsuranskan bagi setiap butiran ke atas harta ditolak jumlah yang dikecualikan di bawah (d) di atas.

Dengan syarat bahawa semua syarat Polisi (melainkan setakat mana ianya secara jelas berbeza) hendaklah diguna pakai seperti ianya terkandung di dalam ini dan bagi tujuan itu apa-apa kerugian atau kerosakan yang telah dinyatakan hendaklah dianggap kerugian atau kerosakan oleh kebakaran.

Selainnya tertakluk kepada terma dan syarat Polisi ini.

NRP. 10(II) Penenggelaman dan Gelinciran Tanah (Pengguguran Pengecualian (a) di bawah Perlindungan Standard)

Sebagai balasan bagi premium tambahan, Syarikat bersetuju dan mengisytiharkan bahawa insurans di bawah Polisi ini hendaklah diperluaskan bagi melindungi kerugian atau kerosakan ke atas harta yang diinsuranskan disebabkan oleh penenggelaman dan/atau pelonjakan tapak tanah bangunan didirikan atau tanah kepunyaannya, atau gelinciran tanah tidak termasuk :-

- (a) Kerugian atau kerosakan ke atas atau yang berpunca dari pergerakan bidur lantai yang kukuh kecuali asas binaan di bawah dinding luaran Bangunan dirosakkan oleh sebab yang sama dalam waktu yang sama.

- (b) Kerugian atau kerosakan yang disebabkan berlakunya atau diakibatkan oleh :
 - hakisan pantai atau sungai
 - perobohan, pengubahsuaian struktur atau pembaikan struktur
 - kecacatan pada reka bentuk atau pembinaan asas yang tidak memadai
- (c) Bagi setiap kerugian, 5% daripada jumlah keseluruhan diinsuranskan atau RM25,000.00 mengikut mana yang lebih rendah seperti ditentukan setelah dikenakan mana-mana syarat purata.

Dengan syarat liabiliti keseluruhan Syarikat tidak melebihi jumlah yang diinsuranskan bagi setiap butiran ke atas harta ditolak jumlah yang dikecualikan di bawah (c) di atas.

Dengan syarat bahawa semua syarat Polisi (melainkan setakat mana ianya secara jelas berbeza) hendaklah diguna pakai seperti ianya terkandung di dalam ini dan bagi tujuan itu apa-apa kerugian atau kerosakan yang telah dinyatakan hendaklah dianggap kerugian atau kerosakan oleh kebakaran.

Selainnya tertakluk kepada terma dan syarat Polisi ini.

NRP. 12B Kerosakan Rusuhan Mogok Dan Niat Jahat -Selain Harta Kediaman

Sebagai balasan bagi premium tambahan, Syarikat bersetuju dan mengisytiharkan bahawa insurans di bawah * Polisi ini hendaklah diperluaskan bagi melindungi Kerosakan Rusuhan dan Mogok, yang bagi tujuan Pengendorsan ini, hendaklah bermaksud (tertakluk kepada Syarat Khas yang terkandung selepas ini):-

Kerugian atau kerosakan ke atas harta yang diinsuranskan ** yang disebabkan secara langsung oleh:

- (1) Perbuatan mana-mana orang yang mengambil bahagian bersama-sama yang lain dalam mana-mana kekacauan ketenteraman awam (sama ada berkaitan atau tidak dengan mogok atau sekat-masuk) yang bukan kejadian seperti yang dinyatakan di dalam Syarat 6 di bawah Syarat Khas yang tersebut di sini.
- (2) Perbuatan oleh mana-mana pihak berkuasa yang sah dalam menghalang atau cuba menghalang mana-mana kekacauan sedemikian atau dalam mengurangkan akibat daripada kekacauan tersebut.
- (3) Perbuatan sengaja oleh mana-mana pemogok atau pekerja yang disekatmasuk dalam meneruskan pemogokan atau menentang penyekatan masuk.
- (4) Perbuatan mana-mana pihak berkuasa yang sah dalam menghalang atau cuba untuk menghalang apa-apa tindakan sedemikian atau mengurangkan akibat daripada tindakan tersebut.

Selanjutnya diisytiharkan bahawa walau apa pun yang dinyatakan bertentangan dengan apa-apa yang terkandung di dalam Polisi secara bertulis, insurans di bawah Polisi ini hendaklah diperluaskan bagi melindungi Kerosakan Niat Jahat yang bagi tujuan perluasan insurans ini adalah bermaksud:-

Kerugian atau kerosakan ke atas harta yang diinsuranskan yang diakibatkan secara langsung oleh perbuatan Niat Jahat mana-mana orang (sama ada perbuatan tersebut dilakukan semasa berlakunya kekacauan terhadap ketenteraman awam ataupun tidak) sama ada perbuatan sedemikian tidak bermaksud atau mempunyai kaitan dengan kekacauan yang disebutkan di dalam Syarat Khas 6 Pengendorsan tetapi Syarikat tidak akan bertanggungjawab di bawah perluasan insurans ini bagi kerugian atau kerosakan oleh kebakaran atau letupan mahupun kerugian atau kerosakan yang berpunca daripada pecah masuk, pecah rumah, kecurian, larseni atau ancaman daripada mana-mana orang yang mengambil bahagian.

SYARAT KHAS

Bagi tujuan Pengendorsan ini dan bukan sebaliknya, nombor masing-masing bagi Syarat dalam Polisi ini hendaklah digantikan seperti yang berikut:-

Syarat 5

Insurans ini tidak melindungi:

- (a) Kerugian pendapatan, kerugian akibat kelewatan, kerugian pasaran atau lain-lain kerugian atau kerosakan secara turutan atau dalam apa jua jenis/ perihal sekalipun.
- (b) Kerugian atau kerosakan berpunca daripada pemberhentian kerja secara keseluruhan atau sebahagian atau memperlambatkan atau gangguan atau pemberhentian mana-mana proses atau operasi.
- (c) Kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh kehilangan sementara atau kekal yang berpunca daripada penyitaan, perampasan atau pengambilan oleh mana-mana pihak berkuasa yang sah.
- (d) Kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh kehilangan sementara atau kekal mana-mana bangunan yang berpunca daripada pendudukan secara tidak sah oleh mana-mana orang ke atas bangunan tersebut.

Dengan Syarat walaubagaimanapun, liabiliti Syarikat terhadap Pihak Diinsuranskan tidak dilepaskan di bawah perkara (c) atau (d) di atas terhadap kerosakan fizikal ke atas harta yang diinsuranskan yang berlaku sebelum kehilangan atau semasa kehilangan sementara.

Syarat 6

Insurans ini tidak melindungi apa-apa kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh atau menerusi atau yang merupakan akibat, secara langsung atau tidak langsung, mana-mana satu daripada kejadian yang berikut iaitu:

- (a) Peperangan, serangan, tindakan musuh asing, permusuhan, atau operasi ketenteraan (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak) atau perang saudara.
- (b) Dahagi, kekacauan awam yang menghampiri atau mencecah tahap kebangkitan awam, kebangkitan ketenteraan, insurreksi, pemberontakan, revolusi atau ketenteraan atau rampasan kuasa.
- (c) Sebarang tindakan keganasan.

Untuk tujuan ini tindakan keganasan bermaksud tindakan, termasuk tetapi tidak terhad kepada penggunaan paksaan atau kekerasan dan/atau ugutan sedemikian, oleh mana-mana orang atau kumpulan orang, sama ada bertindak sendirian atau bagi pihak atau berhubung dengan mana-mana organisasi atau kerajaan, yang dilakukan untuk tujuan politik, agama, ideologi atau yang seumpamanya termasuk niat untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan dan/atau menyebabkan orang awam atau sebahagian orang awam berada dalam ketakutan.

Dalam mana-mana tindakan, guaman atau prosiding lain, apabila Syarikat mendakwa bahawa oleh sebab peruntukan dalam Syarat ini, apa-apa kerugian atau kerosakan tidak dilindungi oleh insurans ini, beban membuktikan kerugian atau kerosakan tersebut dilindungi hendaklah terletak pada Pihak Diinsuranskan.

Syarat 8

Kecuali dinyatakan dengan jelas di dalam Polisi, insurans ini tidak melindungi:

- (a) Barangan yang dipegang sebagai amanah atau atas komisen
- (b) Bulion atau batu permata belum berikat.
- (c) Apa-apa barangan yang ganjil atau hasil kerja seni bagi amaun yang bernilai melebihi RM500.00.
- (d) Manuskrip, pelan, lukisan atau reka bentuk, corak, model atau acuan.

- (e) Sekuriti, obligasi atau dokumen apa pun bentuknya, setem, duit syiling atau wang kertas, cek, buku atau akaun atau buku perniagaan yang lain atau rekod sistem komputer.
- (f) Bahan letupan.

Syarat 11

Insurans ini boleh ditamatkan pada bila-bila masa oleh Syarikat dengan menyerahkan notis kepada Pihak Diinsuranskan, di mana Syarikat hendaklah bertanggungjawab untuk membayar balik premium secara perkadaran setimpal bagi tempoh yang masih belum tamat dari tarikh pembatalan. Sekiranya insurans ditamatkan atas permintaan Pihak Diinsuranskan, Syarikat tidak akan dipertanggungjawabkan untuk membayar balik premium atau mana-mana bahagiannya kecuali setakat mana insurans diguna pakai ke atas stok di mana Syarikat hendaklah mengekalkan premium yang dikira mengikut perkiraan kadar jangka pendek yang biasa bagi tempoh insurans tersebut telah berkuat kuasa.

Syarat 20

Jika harta yang diinsuranskan, pada ketika berlakunya kebakaran atau semasa bermulanya apa-apa kemusnahan atau kerosakan ke atas harta tersebut oleh mana-mana peril lain yang diinsuranskan di bawah Pengendorsan ini secara kolektifnya mempunyai nilai yang lebih besar daripada jumlah yang diinsuranskan ke atasnya, maka Pihak Diinsuranskan hendaklah dianggap sebagai Penanggung Insuransnya sendiri bagi perbezaan tersebut dan hendaklah menanggung bahagian setimpal bagi jumlah kerugian yang sewajarnya. Setiap butiran, jika lebih daripada satu, ke atas Polisi hendaklah tertakluk secara berasingan kepada syarat ini.

DENGAN SYARAT bahawa ianya dengan jelas dipersetujui dan diisytiharkan bahawa:

- (1) Kesemua Syarat Polisi ini hendaklah diguna pakai dari segala segi ke atas insurans yang diberikan di bawah perluasan ini kecuali yang dinyatakan jelas berbeza oleh Syarat khas yang tersebut di atas dan mana-mana rujukan mengenai kebakaran dalam Syarat Polisi ini hendaklah dianggap sebagai meliputi peril yang diinsuranskan di sini.
- (2) Syarat khas di sini hendaklah diguna pakai hanya kepada insurans yang diberikan di bawah perluasan ini dan Syarat Polisi hendaklah diguna pakai dari segala segi terhadap insurans yang diberikan oleh Polisi ini seolah-olah Pengendorsan ini tidak dibuat ke atasnya.

NRP. 13 Kerosakan Oleh Pokok Tumbang Atau Dahan Atau Objek Darinya

Sebagai balasan bagi premium tambahan, Syarikat bersetuju dan mengisytiharkan bahawa insurans di bawah Polisi ini hendaklah diperluaskan bagi melindungi kerugian atau kerosakan ke atas harta yang dinyatakan di dalam Jadual dan/atau ke atas dinding, pintu pagar dan pagar sekeliling dan yang berkaitan dengannya yang disebabkan secara langsung oleh pokok tumbang atau dahan serta objek daripadanya, dengan syarat bahawa RM250.00 yang pertama bagi setiap tuntutan di bawah Pengendorsan ini hendaklah ditanggung oleh Pihak Diinsuranskan seperti yang ditentukan setelah dikenakan mana-mana syarat purata.

Dengan syarat bahawa semua syarat di bawah Polisi hendaklah diguna pakai seolah-olah ianya telah dimasukkan di sini dan bagi tujuan tersebut apa-apa kerugian atau kerosakan yang dinyatakan hendaklah disifatkan sebagai kerugian atau kerosakan oleh kebakaran.

Selainnya tertakluk kepada terma dan syarat Polisi ini.

SEKSYEN 2(a) – Pecah Masuk

Syarikat akan memberi ganti rugi kepada Pihak Diinsuranskan jika berlaku :

- A. Harta Diinsuranskan itu atau mana-mana bahagian daripadanya yang dijelaskan dan disertakan dalam jadual bersama-sama ini

ketika ia berada di dalam Premis yang dijelaskan dalam Jadual berkenaan didapati hilang :

- (1) Kerana kecurian ekoran daripada pecah masuk dengan paksaan atau kekerasan ke dalam Premis berkenaan ataupun dilakukan oleh orang atau orang-orang (selain pekerja) secara feloni yang kemudiannya dirahsiakan, atau
- (2) Akibat daripada rompakan bersenjata atau rompakan dengan kekejaman.

B. Timbul sebarang kerosakan ke atas Harta Berinsurans tersebut atau ke atas Premis berkenaan, yang terpaksa ditanggung oleh Pihak Diinsuranskan sebab terjadinya Kecurian tersebut atau percubaan untuk melakukannya.

Pihak Syarikat akan membayar dan membaikgantikan pihak diinsuranskan:

- (a) Kerugian yang dialami itu hingga ke takat nilai pasaran pada masa kerugian (tidak termasuk sebarang jenis keuntungan) tersebut berlaku, dan/atau
- (b) kos bersih untuk membaiki kerosakan tersebut

tetapi tidak melebihi mana-mana satu butiran bagi Jumlah Diinsuranskan yang disebut dan ditetapkan dalam Jadual ataupun lima peratus daripada Keseluruhan Jumlah Diinsuranskan bagi kerosakan ke atas Premis tersebut ataupun secara penuh bagi mana-mana satu Tempoh Insurans, tidak melebihi Keseluruhan Jumlah Diinsuranskan itu.

Pengecualian

Pihak Syarikat tidak boleh dipertanggungjawab ke atas :-

- (a) Kerugian atau kerosakan kerana sebarang kecurian seperti yang disebutkan sebelum ini atau percubaan untuk mencuri oleh sesiapa sahaja daripada keluarga Pihak Diinsuranskan, kakitangan perniagaan atau para rumah, ataupun sesiapa sahaja yang berada secara sah di Premis berkenaan.
- (b) Kerugian atau kerosakan yang terjadi, secara langsung atau tidak, kerana atau melalui ataupun ekoran daripada perang, serangan, tindakan musuh asing, perseteruan (sama ada perang diisytiharkan atau tidak) perang saudara, penentangan, revolusi, kebangkitan, mogok, rusuhan, kekacauan awam, kuasa tentera atau rebutan kuasa, perampasan atau pemusnahan atas perintah mana-mana Kerajaan atau pihak Berkuasa Awam ataupun berbangkit secara langsung atau tidak langsung daripada sebarang kejadian-kejadian yang disebutkan itu dan sekiranya berlaku sebarang tuntutan di bawah polisi ini, Pihak Diinsuranskan hendaklah membuktikan bahawa kemalangan, kerugian, kerosakan dan/atau liabiliti tadi telah timbul secara bebas tanpa sebarang kaitan atau terjadi kerana, atau dihasilkan oleh atau boleh dikesan daripada mana-mana kejadian-kejadian yang disebutkan itu ataupun apa-apa yang dihasilkan olehnya dan jika ia tidak dapat dibuktikan Syarikat tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk membuat sebarang bayaran ke atas tuntutan yang disebutkan itu.
- (c) Kerugian atau kerosakan ke atas pingat, duit syiling, kurio, ukiran, manuskrip, buku-buku luar biasa, pelan, corak, model, acuan, reka bentuk, surat ikatan, bon, bil pertukaran, nota janji hutang, wang, cagaran untuk wang, setem, dokumen hak milik atau buku-buku perniagaan kecuali jika dikehendaki agar ia termasuk dalam Jadual.
- (d) Kerugian atau kerosakan yang timbul ketika Premis berkenaan tidak dihuni selama tempoh melebihi 30 hari berturut-turut atau dihuni tidak seperti apa yang disebutkan dalam Jadual, kecuali jika izin bertulis daripada Syarikat telah diperoleh sebelum ini manakala sebarang premium tambahan yang diperlukan oleh Syarikat telah dibayar.
- (e) (i) kerugian atau kemusnahan atau kerosakan ke atas sebarang harta apa pun atau sebarang kerugian atau perbelanjaan

atau pun ekoran daripada atau yang timbul daripada sinaran mengion atau pencemaran oleh keradioaktifan daripada sebarang bahan bakar nuklear atau daripada sebarang sisa nuklear sebab pembakaran bahan bakar nuklear. Bagi tujuan-tujuan pengecualian ini, pembakaran hendaklah merangkumi sebarang proses swapenahanan (self-sustaining) bagi pembelahan nuklear.

- (ii) kerugian atau kemusnahan atau kerosakan yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh atau timbul daripada bahan senjata-senjata nuklear.

DISYARATKAN JUGA bahawa Premis yang disebutkan dalam Jadual tidak akan termasuk sebarang halaman, kebun, bangunan luar yang berasingan atau perlengkapan-perengkapan lain, kecuali jika ditetapkan agar ia termasuk dalam Jadual.

DISYARATKAN SELANJUTNYA bahawa pelaksanaan dan penunaian terma-terma, syarat-syarat dan pengendorsan-pengendorsan Polisi ini yang Pihak Diinsuranskan wajar amalkan dan patuhi serta kebenaran pada pernyataan dan jawapan-jawapan dalam cadangan yang dibuat itu hendaklah dijadikan syarat-syarat terdahulu kepada sebarang liabiliti Syarikat sebelum ia membuat apa-apa bayaran di bawah Polisi ini.

Syarat-syarat

1. Sebaik sahaja berlaku apa-apa kejadian yang boleh mengakibatkan sesuatu tuntutan dibuat di bawah Polisi ini :
 - (a) Pihak Diinsuranskan hendaklah segera memberi notis tentang perkara ini kepada Syarikat menyatakan hal keadaan kejadian tersebut dan mengambil semua langkah yang sebolehnya untuk mengesan orang atau orang-orang yang bersalah dan mendapatkan kembali harta yang hilang itu dan kecuali jika notis ini diterima oleh Syarikat dalam masa 15 hari sejak berlakunya kejadian tersebut, Syarikat tidak boleh dipertanggungjawabkan ke atas berlakunya sebarang kerugian atau kerosakan yang berkaitan dengan kejadian tersebut.
 - (b) Pihak Diinsuranskan hendaklah mengirimitkan kepada Syarikat dalam masa tujuh (7) hari dari tarikh kejadian tersebut ke pengetahuan Pihak Diinsuranskan suatu kenyataan bertulis yang lengkap tentang kerugian atau kerosakan tersebut bersama-sama dengan anggaran nilai intrinsik setiap artikel yang hilang serta amaun bagi kerosakan yang dialami itu, tidak termasuk sebarang jenis kerugian.
 - (c) Pihak Diinsuranskan hendaklah memberikan kepada Syarikat semua butiran dan bukti-bukti baik secara dokumen mahupun sebaliknya serta jaminan dan benda-benda lain yang mungkin diperlukan semunasabahnya oleh Syarikat untuk mengukuhkan tuntutan yang dibuat untuk menjejak dan menghukum orang atau orang-orang yang bersalah untuk mengesan dan mendapatkan kembali harta yang hilang itu dan untuk mendapatkan kembali untuk Syarikat setakat mana yang mungkin, amaun yang Syarikat akan bayar atau boleh dipertanggungjawabkan untuk membayar di bawah Polisi ini. Syarikat akan menanggung belanja bagi semua butiran, bukti, jaminan dan benda-benda yang Syarikat mungkin perlukan bagi objek-objek di atas atau apa-apa daripadanya, selain benda-benda yang diperlukan untuk mengukuhkan tuntutan tersebut.
2. Sekiranya berlaku sesuatu tuntutan ke atas kejadian Larseni atau Mencuri, Pihak Diinsuranskan mesti memberikan bukti-bukti kepada Syarikat untuk menunjukkan bahawa harta yang menjadi punca tuntutan tersebut sebenarnya telah hilang kerana kejadian Larseni atau Mencuri itu dan bukan sekadar tersalah simpan atau hilang begitu sahaja.
3. Syarikat boleh mengembalikan semula, membaiki atau menggantikan harta atau premis yang kerugian/hilang atau rosak itu bergantung pada keadaan daripada membuat apa-apa bayaran

ke atas amaun yang rugi/hilang atau rosak itu dan ia juga boleh bergabung dengan sebarang Penanggung Insurans lain dalam hal-hal di mana harta berkenaan turut diinsuranskan dengan syarikat-syarikat lain. Sebaik sahaja bayaran ke atas sebarang tuntutan bagi kerugian di bawah Polisi ini dibuat, harta bagi bayaran tadi hendaklah menjadi milik Syarikat.

4. Sejurus selepas berlakunya sebarang kerugian atau kerosakan ke atas harta yang diinsuranskan itu seperti yang disebutkan dalam jadual Polisi ini, amaun Keseluruhan Jumlah Diinsuranskan dan Jumlah-Jumlah Diinsuranskan itu akan menjadi kurang disebabkan oleh harta yang hilang atau rosak tadi dan amaun Jumlah Diinsuranskan yang berkurangan sekarang itu hendaklah dijadikan had liabiliti Syarikat bagi sebarang kerugian atau kerosakan selanjutnya yang berlaku semasa Tempoh Insuransnya sedang berjalan melainkan jika Syarikat mengizinkan bayaran premium tambahan untuk mengembalikannya semula Jumlah Diinsuranskan yang sepenuhnya.
5. Jika Harta Diinsuranskan pada masa terjadinya sebarang kerugian atau kerosakan yang dilindungi oleh Polisi ini lebih tinggi nilainya daripada Jumlah Diinsuranskan itu, Pihak Diinsuranskan akan dianggap telah menjadi Penanggung Insuransnya sendiri untuk menanggung perbezaan tersebut serta membayar bahagian kerugian atau kerosakan tersebut yang boleh dikadarkan. Setiap butiran dalam Polisi ini adalah tertakluk secara berasingan kepada Syarat ini.
6. Tiada apa yang terkandung di dalam ini yang akan memberi hak kepada sesiapa ke atas Syarikat ini daripada Pihak Diinsuranskan sahaja dan Syarikat tidak lagi akan terikat selepas apa-apa kepentingan Pihak Diinsuranskan telah berlaku melainkan sebab kematian, tetapi kecuali dan sehingga Syarikat melalui pengendorsan yang dibuat selepas ini mengisytiharkan bahawa Insurans ini akan bersambung.

Fasal/ Pengendorsan/Waranti

Fasal Kerugian Pertama (Tanpa Purata)

Adalah di sini dimaklumkan dan dipersetujui di mana tidak mengambil kira apa-apa yang terkandung di sini yang bertentangan, Polisi ini dikeluarkan berdasarkan asas insurans kerugian pertama seperti dinyatakan di dalam Jadual sehingga jumlah yang *tertera di dalam Jadual.

Ini merupakan syarat bahawa Pihak Diinsuranskan mesti memberitahu Syarikat sebelum setiap tarikh pembaharuan jumlah maksimum harta benda untuk perlindungan di bawah Polisi pada bila-bila masa melebihi tempoh dua belas (12) bulan.

Tertakluk kepada terma-terma, pengecualian-pengecualian dan syarat-syarat di dalam Polisi ini.

Fasal Nilai Pasaran

Adalah dipersetujui jika berlaku kejadian kehilangan kepada harta yang dilindungi di sini, had indemniti mestilah jumlah yang diinsuranskan atau pada nilai pasaran harta yang dilindungi, mana-mana yang lebih rendah, tertakluk kepada potongan sebarang ekses dan jumlah di mana Pihak Diinsuranskan perlu tanggung sendiri di bawah Polisi.

Untuk tujuan fasal ini, terma Nilai Pasaran bermakna nilai pasaran harta yang diinsuranskan pada masa kerugian atau kerosakan dengan potongan untuk elaan mempertingkatkan (betterment), haus & lusuh dan/atau susut nilai.

Jika berlaku pertelingkahan, nilai pasaran harta benda untuk tujuan fasal ini ditentukan melalui penilaian yang didapatkan oleh Syarikat melalui pengeluar, ejen tunggal yang diberi kuasa, broker insurans yang diberi kuasa atau pengedar yang diberi kuasa mengenai kos untuk mengganti atau pengembalian semula harta yang dilindungi atau kerugian kembali kepada keadaan asal pada masa kejadian kerugian atau kerosakan tersebut.

Jika pada masa kejadian kerugian ataupun kerosakan, tiada pengeluar, ejen tunggal atau ejen yang diberi kuasa atau broker insurans yang diberi kuasa atau pengedar yang diberi kuasa ke atas harta benda, penilaian mesti didapatkan daripada Adjuster Kerugian yang berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (APK) dan dilantik secara bersama oleh kedua-dua pihak.

Penilaian harta benda oleh pengeluar, ejen tunggal yang diberi kuasa atau broker insurans yang diberi kuasa atau Adjuster Kerugian yang berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (APK), hendaklah dianggap sebagai muktamad berkait dengan Nilai Pasaran harta yang dilindungi di dalam mana-mana prosiding guaman terhadap Syarikat.

Tertakluk kepada terma-terma, pengecualian-pengecualian dan syarat-syarat di dalam Polisi ini.

Fasal Mogok, Rusuhan dan Kekecohan Awam

Adalah difahami dan dipersetujui bahawa Polisi ini diperluaskan untuk melindungi kerosakan akibat mogok, rusuhan dan kekecohan awam di mana tujuan untuk fasal ini bermakna kerugian atau kerosakan kepada harta yang diinsuranskan secara langsung atau tidak langsung oleh:

- 1) Tindakan oleh mana-mana orang yang mengambil bahagian bersama-sama dengan orang lain untuk mengancam ketenteraman awam (sama ada berkaitan dengan mogok atau sekat kerja atau tidak), tindakan oleh mana-mana pihak yang dilantik secara sah untuk menghalang atau percubaan untuk menghalang kekecohan tersebut atau menyekat gangguan tersebut atau mengurangkan kesan daripada gangguan tersebut.
- 2) Tindakan yang disengajakan oleh pemogok atau pekerja sekat masuk kerja yang dilakukan untuk melanjutkan mogok atau menghalang sekat masuk kerja atau tindakan yang diberi kuasa oleh pihak berkuasa untuk menghalang ataupun percubaan untuk menghalang tindakan tersebut atau untuk mengurangkan kesan akibat tindakan tersebut.

Dengan syarat indemniti yang diberikan di bawah fasal ini tidak berkait dengan apa-apa kerugian atau kerosakan yang diakibatkan oleh atau melalui kejadian berikut, seperti yang dinamakan: ataupun berturutan, secara langsung atau tidak langsung melalui kejadian berikut:

- a) Peperangan, pencerobohan, tindakan musuh asing, pemusnahan atau operasi mirip peperangan (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak), perang saudara.
- b) Dahagi, kekecohan awam yang menjadi sebahagian atau menyumbang kepada kebangkitan sosial, kebangkitan tentera, insurreksi, pemberontakan, rampasan kuasa tentera ataupun rampasan kuasa.
- c) Sebarang tindakan oleh orang-orang yang bertindak bagi pihak atau berkaitan dengan mana-mana organisasi dengan aktiviti-aktiviti yang ditujukan kepada rampasan kuasa melalui kekerasan untuk menggulingkan kerajaan atau mempengaruhinya melalui tindakan ganas atau keganasan.

Di dalam sebarang tindakan, tindakan undang-undang atau prosiding-prosiding lain, di mana penanggung insurans menyatakan disebabkan oleh peruntukan di atas, insurans ini tidak meliputi sebarang kerugian atau kerosakan tersebut, beban untuk membuktikan sebaliknya adalah dipikul oleh Pihak Diinsuranskan.

Tertakluk kepada terma-terma, pengecualian-pengecualian dan syarat-syarat di bawah Polisi ini.

Fasal Rompak Bersenjata / Tebusan (Hold Up)

Dengan ini diisytiharkan dan dipersetujui bahawa insurans ini

diperluaskan untuk melindungi risiko Rompakan Bersenjata yang berlaku semasa waktu perniagaan.

“Rompakan Bersenjata” akan disifatkan sebagai jenayah berat dan kecurian secara paksa terhadap harta yang diinsuranskan:

- (a) Oleh keganasan yang dikenakan ke atas mana-mana pekerja Pihak Diinsuranskan.
- (b) Dengan meletakkan pekerja pihak diinsuranskan dalam keadaan ketakutan atau keganasan.
- (c) Dengan lain-lain perbuatan feloni yang dilakukan di hadapan pekerja Pihak Diinsuranskan dan yang mana pekerja sebenarnya menyedari, dengan syarat perbuatan lain itu tidak dilakukan oleh pekerja yang diinsuranskan.

kehilangan semata-mata di bawah ini harta yang diinsuranskan tidak kerugian yang dilindungi ini. mana-mana kekurangan yang didedahkan oleh inventori yang tidak dilindungi dengan ini melainkan jika kekurangan itu boleh munasabah menunjukkan telah disebabkan oleh rompakan bersenjata.

Tertakluk sebaliknya kepada terma-terma, pengecualian-pengecualian dan syarat-syarat polisi ini.

Fasal Kehilangan Semasa/Selepas Berlaku Kebakaran

Dengan ini diisytiharkan dan dipersetujui bahawa Polisi ini diperluaskan untuk melindungi kecurian semasa/selepas berlaku kebakaran.

Tertakluk kepada terma-terma, pengecualian-pengecualian dan syarat-syarat di dalam Polisi ini.

Fasal Pengalihan Sementara

Harta benda yang diinsuranskan di dalam Polisi (terhad kepada 10% daripada Jumlah Diinsuranskan) ketika dialihkan sementara untuk pembersihan, pengubahsuaian, modifikasi, pembaikan atau tujuan yang lebih kurang sama, di lain tempat di dalam kawasan yang sama atau ke lain-lain premis dan di dalam perjalanan ke atau balik dari melalui jalan raya, jalan keretapi ataupun perairan pedalaman, semua di dalam kawasan Republik Singapura atau Malaysia.

Jumlah yang boleh dituntut di bawah perluasan ini mengenai harta yang dialihkan tidak melebihi jumlah di mana yang mungkin dituntut ketika kerugian atau kerosakan yang berlaku di dalam Premis di mana harta itu dialihkan sementara.

Perluasan ini tidak berkait dengan harta jika dan sebaliknya diinsuranskan, atau tidak berkait dengan butir-butir yang melindungi stok dan setiap deskripsi barangan, ataupun berkait dengan kerugian ataupun kerosakan yang berlaku di lain-lain tempat selain daripada Premis di mana harta itu dialihkan sementara, ke:-

- a) Kenderaan bermotor dan Casis Motor
- b) Harta (kecuali jentera dan loji) yang dipegang oleh Pihak Diinsuranskan secara amanah.

Tertakluk kepada terma-terma, pengecualian-pengecualian dan syarat-syarat di dalam Polisi ini.

Fasal Keterangan Salah

Polisi ini tidak akan prejudis dengan apa-apa perubahan atau penghunian. Notis hendaklah diberikan kepada Syarikat dengan segera apabila Pihak Diinsuranskan menyedarinya dan membayar premium tambahan, jika perlu dari tarikh permulaan peningkatan bahaya kebakaran.

Tertakluk kepada terma-terma, pengecualian-pengecualian dan syarat-syarat di dalam Polisi ini.

SEKSYEN 2(b) - Wang

Syarikat akan menanggung rugi Pihak Diinsuranskan ke atas:-

Kehilangan Wang seperti Wang Tunai, Nota Bank, Matawang Asing, Cek, Wang Pos atau Kiriman Wang atas apa-apa sebab sekalipun bagi Hal Keadaan atau Kedudukan yang dijelaskan dalam jadual bersama-sama ini atau semasa dalam tempoh lanjut di mana Syarikat boleh menerima bayaran bagi pembaharuan Polisi ini.

Pengecualian

Polisi ini tidak akan menanggung rugi Pihak Diinsuranskan:

- (a) Yang berpunca daripada penipuan oleh atau ketidakjujuran pekerja Pihak Diinsuranskan.
- (b) Kerana kesilapan-kesilapan perkeranian atau pengiraan.
- (c) Yang diinsuranskan (atau kalaulah tidak kerana wujudnya Polisi inilah ia diinsuranskan) oleh polisi yang menjamin kesetiaan.
- (d) Kerana susut nilai
- (e) Daripada kenderaan yang tidak diawasi
- (f) Melalui perampasan atau kemusnahan atas perintah mana-mana Kerajaan atau pihak Berkuasa Awam.
- (g) Yang berpunca secara langsung atau tidak langsung secara paling hampir atau paling tersisih daripada, atau terjadi kerana atau dikesan atau ekoran daripada, ataupun berhubung dengan serangan, tindakan musuh asing, perseteruan atau kegiatan-kegiatan serupa perang (sama ada perang diisytiharkan atau tidak), perang saudara, mogok, kekacauan, rusuhan awam, dahagi, penentangan, revolusi, kuasa tentera atau rebutan kuasa ataupun secara langsung atau tidak langsung oleh sebarang daripada akibat kejadian-kejadian yang disebutkan itu dan sekiranya berlaku sebarang tuntutan yang dibuat di bawah polisi ini, Pihak Diinsuranskan hendaklah membuktikan bahawa kemalangan, kerugian, kerosakan dan/atau liabiliti tersebut telah timbul secara bebas tanpa sebarang kaitan, atau terjadi kerana atau dihasilkan oleh atau boleh dikesan daripada sebarang kejadian-kejadian yang disebutkan itu ataupun apa-apa yang dihasilkan olehnya dan jika ia tidak dapat dibuktikan, Syarikat tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk membuat sebarang bayaran ke atas tuntutan yang disebutkan itu.
- (h) (i) atau sebarang akibat secara apa pun yang dihasilkan oleh atau berpunca daripada ataupun sebarang kerugian turutan (disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh atau terbit daripada sinaran mengion atau pencemaran oleh keradioaktifan daripada bahan bakar nuklear atau daripada sebarang sisa nuklear sebab pembakaran) bahan bakar nuklear dan bagi tujuan pengecualian ini, pembakaran hendaklah merangkumi sebarang proses swapenahan (self-sustaining) bagi pembelahan nuklear).
- (ii) Tanggung rugi atau pampasan yang disyaratkan oleh Polisi ini tidak boleh dipakai atau termasuk sebarang kemalangan, kerugian, kemusnahan atau kerosakan yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung atau dihasilkan oleh atau berpunca daripada bahan senjata-senjata nuklear.

Syarat-syarat

1. Pihak Diinsuranskan hendaklah mengambil semua langkah berjaga-jaga yang munasabah demi keselamatan harta diinsuranskan itu dan sebaik sahaja berlaku apa-apa kejadian yang mengakibatkan atau boleh mengakibatkan sesuatu tuntutan dibuat di bawah Polisi ini, Pihak Diinsuranskan hendaklah serta-merta apabila dia sedar tentang sebarang kejadian itu, memberitahu pihak Polis dan mengambil semua langkah yang wajar untuk mencari dan menghukum orang atau orang-orang yang bersalah itu serta menjejak dan mendapatkan kembali harta yang hilang itu.
2. Syarikat boleh, pada bila-bila masa atas belanjanya sendiri menggunakan semua saluran undang-undang atas nama Pihak Diinsuranskan demi mendapatkan kembali apa-apa daripada kerugian ke atas harta yang mendajai punca tuntutan di bawah polisi ini manakala Pihak Diinsuranskan hendaklah memberi bantuan yang munasabah untuk tujuan ini. Apa-apa wang yang dipulihkan selepas penyelesaian ke atas sebarang tuntutan di bawah polisi ini akan menjadi harta Syarikat tetapi tidak melebihi amaun yang Syarikat bayar ke atas tuntutan tersebut.
3. Catatan-catatan yang lengkap hendaklah disimpan dalam buku-buku rekod Pihak Diinsuranskan tentang semua wang dalam transit yang diinsuranskan itu. Pihak Diinsuranskan hendaklah pada setiap masa membenarkan Syarikat memeriksa buku-buku tersebut dalam masa tiga puluh (30) hari dari tarikh setiap Tempoh Insurans ini tamat, Pihak Diinsuranskan hendaklah memberikan kepada Syarikat akaun yang tepat bagi semua wang dalam transit yang diinsuranskan oleh Polisi ini semasa tempoh berkenaan.
4. Tiada apa terkandung di dalam ini yang akan memberi hak kepada sesiapa ke atas Syarikat ini selain Pihak Diinsuranskan sahaja dan Syarikat tidak lagi akan terikat selepas kepentingan Pihak Diinsuranskan telah berlalu melainkan sebab kematian, tetapi kecuali jika dan sehingga Syarikat melalui pengendorsan kemudian hari ini mengisytiharkan bahawa Insurans ini akan bersambung.
5. Biar apa pun, Syarikat tidak boleh dipertanggungjawabkan ke atas sebarang kerugian atau kerosakan selepas tempoh dua belas (12) bulan sejak kerugian atau kerosakan yang berlaku itu tamat kecuali jika sesuatu tuntutan sedang menunggu tindakan belum selesai atau keputusan timbang tara.
6. Sejurus selepas berlakunya sebarang kerugian atau kerosakan ke atas harta yang diinsuranskan itu seperti yang disebutkan dalam jadual Polisi ini, amaun Keseluruhan Jumlah Diinsuranskan dan Jumlah-Jumlah Diinsuranskan itu akan menjadi kurang disebabkan oleh harta yang hilang atau rosak tadi dan amaun Jumlah Diinsuranskan yang berkurangan sekarang itu hendaklah dijadikan had liabiliti Syarikat bagi sebarang kerugian atau kerosakan selanjutnya yang berlaku semasa Tempoh Insuransnya sedang berjalan melainkan jika Syarikat mengizinkan bayaran premium tambahan untuk mengembalikan semula Jumlah Diinsuranskan yang sepenuhnya.

Fasal/ Pengendorsan/Waranti

Kerosakan Kepada Laci, Peti Simpanan atau Bilik Kebal Tambahan

Adalah diisytiharkan dan dipersetujui bahawa Polisi ini diperluaskan dengan memberi ganti rugi kepada Pihak Diinsuranskan terhadap kerosakan kepada Laci, Peti Simpanan atau Bilik Kebal berpunca daripada, berkaitan dengan atau boleh dikesan kepada sebarang kerugian yang dilindungi.

Dengan syarat, Syarikat boleh memilih untuk membayar ganti rugi melalui bayaran, pengembalian semula atau membaik pulih.

Dengan syarat selanjutnya bahawa liabiliti Syarikat di bawah tambahan ini tidak akan melebihi RM1,000.00 setiap satu kehilangan atau mana-mana satu tempoh insurans.

Tertakluk kepada terma-terma, pengecualian-pengecualian dan syarat-syarat di bawah Polisi ini.

Fasal Bayaran Atas Akaun

Adalah difahami dan dipersetujui jika berlaku kejadian kerugian di bawah insurans ini, Syarikat akan membayar Bayaran Atas Akaun mengenai kerugian tersebut kepada Pihak Diinsuranskan jika dikehendaki oleh Pihak Diinsuranskan tertakluk kepada Syarikat puas hati dengan bukti sokongan untuk tuntutan yang dilindungi di bawah Polisi.

Tertakluk kepada terma-terma, pengecualian-pengecualian dan syarat-syarat di bawah Polisi ini.

Fasal Kunci

Waranti bahawa Polisi ini tidak melindungi kerugian kepentingan Pihak Diinsuranskan daripada peti-peti simpanan atau bilik-bilik kebal berikutan dengan penggunaan kunci untuk membuka peti-peti simpanan atau bilik-bilik kebal tersebut melainkan kunci-kunci tersebut diperolehi melalui cara ugutan atau keganasan. Adalah merupakan suatu syarat bahawa pada bila-bila masa premis tidak berpenghuni, kunci-kunci kepada peti-peti simpanan atau bilik-bilik kebal dan rekod kombinasi angka dialihkan daripada premis oleh Pihak Diinsuranskan atau oleh orang lain yang bertanggungjawab yang dilantik oleh Pihak Diinsuranskan.

Tertakluk kepada terma-terma, pengecualian-pengecualian dan syarat-syarat di bawah Polisi ini.

Fasal Barangan Peribadi

Adalah diisytiharkan dan dipersetujui bahawa Polisi ini diperluaskan untuk melindungi pakaian dan/atau barangan peribadi kepunyaan prinsipal Pihak Diinsuranskan, Direktor-Direktor atau Kakitangan, had ganti rugi di bawah perluasan ini dihadkan kepada RM500.00 berkaitan dengan sebarang satu kejadian atau bilangan kejadian yang berlaku secara langsung atau tidak langsung daripada satu sumber atau punca asal.

Tertakluk kepada terma-terma, pengecualian-pengecualian dan syarat-syarat di bawah Polisi ini.

Fasal Kecurian Melalui Muslihat (Penipuan)

Syarikat tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang kerugian atau kerosakan disebabkan oleh atau disumbangkan oleh tindakan penipuan oleh mana-mana orang di dalam lingkungan makna dan definisi kesalahan penipuan yang tertera di dalam "Kanun Jenayah".

Penipuan seperti yang ditakrifkan di dalam "Kanun Jenayah" adalah seperti berikut:-

"Sesiapa, melalui muslihat menipu mana-mana orang, secara penipuan atau ketidakjujuran mempengaruhi orang yang diperdayai untuk menyerahkan sebarang harta atau mempengaruhi secara sengaja orang tersebut untuk melakukan atau tidak melakukan sebarang perbuatan yang beliau harus lakukan atau tidak berbuat demikian jika beliau tidak sedar diperdayai, di mana tindakan atau salah laku kecuaiannya menyebabkan atau mungkin menyebabkan kerosakan atau bahaya kepada orang tersebut ke atas anggota badan, minda, reputasi atau harta benda, dirujuk sebagai "penipuan".

Tertakluk kepada terma-terma, pengecualian-pengecualian dan syarat-syarat di bawah Polisi ini.

Fasal Jenayah Pecah Amanah

Syarikat tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang kerugian atau

kerusakan disebabkan oleh atau disumbangkan oleh tindakan jenayah pecah amanah oleh mana-mana orang di dalam lingkungan makna dan definisi jenayah pecah amanah seperti yang dinyatakan di dalam "Kanun Jenayah".

Jenayah Pecah Amanah seperti yang ditakrifkan di dalam "Kanun Jenayah" adalah seperti berikut:-

"Sesiapa, di mana dia yang diamanahkan dengan harta atau dominasi terhadap harta, ketidakjujuran, salah gunakan atau mengubah untuk tujuan penggunaan sendiri harta atau ketidakjujuran menggunakan atau melupuskan harta benda, melanggar sebarang arahan undang-undang yang mengarahkan cara di mana amanah tersebut harus dilaksanakan atau dengan sengaja menyebabkan orang lain mengalami kesusahan, dikatakan melakukan jenayah pecah amanah".

Tertakluk kepada terma-terma, pengecualian-pengecualian dan syarat-syarat di bawah Polisi ini.

Fasal Mogok, Rusuhan dan Kekecohan Awam

Adalah difahami dan dipersetujui bahawa Polisi ini diperluaskan untuk melindungi kerosakan akibat mogok, rusuhan dan kekecohan awam di mana tujuan untuk fasal ini bermakna kerugian atau kerosakan kepada harta benda yang diinsuranskan secara langsung atau tidak langsung oleh:

- 1) Tindakan oleh mana-mana orang yang mengambil bahagian bersama-sama dengan orang lain untuk mengancam ketenteraman awam (sama ada berkaitan dengan mogok atau sekat kerja atau tidak), tindakan oleh mana-mana pihak yang dilantik secara sah untuk menghalang atau percubaan untuk menghalang kekecohan tersebut atau menyekat gangguan tersebut atau mengurangkan kesan daripada gangguan tersebut.
- 2) Tindakan yang disengajakan oleh pemogok atau pekerja sekat masuk kerja yang dilakukan untuk melanjutkan mogok atau menghalang sekat masuk kerja atau tindakan yang diberi kuasa oleh pihak berkuasa untuk menghalang ataupun percubaan untuk menghalang tindakan tersebut atau untuk mengurangkan kesan akibat tindakan tersebut.

Dengan syarat indemniti yang diberikan di bawah fasal ini tidak berkait dengan apa-apa kerugian atau kerosakan yang diakibatkan oleh atau melalui kejadian berikut, seperti yang dinamakan: ataupun berturutan, secara langsung atau tidak langsung melalui kejadian berikut:

- a) Peperangan, pencerobohan, tindakan musuh asing, pemusnahan atau operasi mirip peperangan (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak), perang saudara.
- b) Dahagi, kekecohan awam yang menjadi sebahagian atau menyumbang kepada kebangkitan sosial, kebangkitan tentera, insureksi, pemberontakan, rampasan kuasa tentera ataupun rampasan kuasa.
- c) Sebarang tindakan oleh orang-orang yang bertindak bagi pihak atau berkaitan dengan mana-mana organisasi dengan aktiviti-aktiviti yang ditujukan kepada rampasan kuasa melalui kekerasan untuk menggulingkan kerajaan atau mempengaruhinya melalui tindakan ganas atau keganasan.

Di dalam sebarang tindakan, tindakan undang-undang atau prosiding-prosiding lain, di mana penanggung insurans menyatakan peruntukan di atas tidak meliputi sebarang kerugian atau kerosakan tersebut di dalam Polisi ini, beban untuk membuktikan sebaliknya adalah dipikul oleh Pihak Diinsuranskan.

Tertakluk kepada terma-terma, pengecualian-pengecualian dan syarat-syarat di bawah Polisi ini.

SEKSYEN 2(c) – Kaca

Syarikat akan membayar pampasan kepada Pihak Diinsuranskan

hingga ke tahap nilai pasaran kaca yang pecah itu dengan amaun tidak melebihi setiap dan semua butiran yang akan diinsuranskan yang jumlahnya ada dinyatakan dalam Jadual atau secara penuh, Keseluruhan Jumlah Diinsuranskan pada mana-mana satu Tempoh Insurans di sini ataupun jumlah atau jumlah-jumlah lain yang boleh digantikan secara pengendorsan kemudiannya atau dikepilkan di sini kelak dan ditandatangani oleh Syarikat atau pihak yang mewakilinya.

Pengecualian

Polisi ini tidak melindungi :

- (a) Pemecahan yang berpunca daripada gempa bumi, ledakan gunung berapi, perang, serangan, tindakan , musuh asing, peseteruan (sama ada perang diisytiharkan atau tidak), perang saudara, penentangan, revolusi, kebangkitan, mogok, rusuhan, kekacauan awam, kuasa tentera atau rebutan kuasa, perampasan atau pemusnahan atas perintah mana-mana berlaku sebarang tuntutan di bawah Polisi ini. Pihak Diinsuranskan hendaklah membuktikan bahawa tuntutan tersebut telah timbul secara bebas tanpa sebarang kaitan atau terjadi kerana, atau dihasilkan oleh atau boleh dikesan daripada mana-mana kejadian-kejadian yang disebutkan itu ataupun apa-apa yang dihasilkan olehnya dan jika ia tidak dapat dibuktikan, Syarikat tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk membuat sebarang bayaran ke atas tuntutan yang disebut itu.
- (b) Kerugian atau kemusnahan atau kerosakan ke atas harta berinsurans itu ekoran daripada atau dihasilkan oleh atau berpunca daripada sebarang kerugian turutan yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh atau terbit daripada sinaran mengion (ionsining radiations) atau pencemaran oleh radioaktif daripada sebarang bahan bakar nuklear atau daripada sebarang sisa nuklear sebab pembakaran bahan bakar nuklear.
- (c) Pemecahan yang berlaku semasa pemindahan atau perubahan ke atas permis.
- (d) Bingkai atau hasil kerja bingkai dalam bentuk apa pun atau kos pemindahan sebarang pemasangan, peralatan atau halangan-halangan lain.
- (e) Sebarang jenis gangguan atau kelewatan atau kerugian perniagaan atau kerosakan yang berlaku antara masa pemecahan kaca tersebut dengan masa ia digantikan dengan yang lain.
- (f) Kaca yang retak atau tidak sempurna kecuali jika perkara ini telah diisytiharkan dengan tepat dan disebut dengan tepat dalam Jadual.

Disyaratkan bahawa perkataan "pemecahan" hendaklah tidak termasuk sebarang pencacatan sifat) atau kerosakan selain daripada fraktur yang menembusi ketebalan kaca berkenaan.

Disyaratkan Selanjutnya bahawa pelaksanaan dan penunaian terma-terma, syarat-syarat dan pengendorsan-pengendorsan Polisi ini yang Pihak Diinsuranskan wajar amalkan dan patuhi serta kebenaran pada pernyataan dan jawapan-jawapan dalam cadangan yang dibuat itu hendaklah dijadikan syarat-syarat terdahulu kepada sebarang liabiliti Syarikat sebelum ia membuat apa-apa bayaran di bawah Polisi ini.

Syarat-Syarat

Polisi ini dan Jadualnya hendaklah dibaca bersama-sama sebagai satu kontrak di mana sebarang kata-kata dan ungkapan-ungkapan yang mempunyai maksud-maksud tertentu yang telah diselitkan di mana-mana bahagian Polisi ini atau Jadualnya memang mempunyai maksud-maksud tertentu di mana sahaja ia terdapat.

1. Sebaik sahaja berlaku apa-apa kejadian yang mengakibatkan atau boleh mengakibatkan sesuatu tuntutan dibuat, Pihak Diinsuranskan tidak boleh memindah atau membenarkan untuk memindah kaca yang pecah itu daripada kedudukan tanpa izin bertulis Syarikat. Syarikat boleh mengembalikan semula, membaiki atau

menggantikan harta yang rosak itu bergantung pada keadaan daripada membayar amaun kerosakan tersebut dan Polisi ini juga tidak akan melindungi sebarang kaca lain yang menggantikan kaca yang pecah itu kecuali jika premium tambahan dibayar bagi kaca yang lain yang Syarikat mungkin mengkehendaki.

2. Sekiranya berlaku pemecahan di mana Syarikat boleh dipertanggungjawabkan, kaca yang pecah itu hendaklah menjadi harta mutlak Syarikat sebagai salvaj manakala Pihak Diinsuranskan hendaklah sedaya upaya mencegah pemecahan atau kerugian yang berlanjutan ekoran daripada salvaj tadi dan dia hendaklah membenarkan wakil-wakil Syarikat untuk segera mempunyai akses kepada harta tersebut dan mengalihkannya atau melakukan apa yang perlu untuk memeliharanya.
3. Pihak Diinsuranskan hendaklah segera memberi kepada Syarikat notis bagi semua atau sebarang hal keadaan yang menjejaskan secara material risiko yang dilindungi oleh Polisi ini, khususnya jika sebarang perubahan dilakukan ke atas mana-mana kaca yang dijelaskan dalam Jadual bersama-sama ini ataupun jika sebarang pembaikan atau perubahan dijalankan di dalam atau dekat perimis di mana ia dipasang, atau jika terdapat sebarang pertukaran dalam penyewaan atau pada penghunian premis berkenaan atau perniagaan yang dijalankan di sana ataupun jika perimis tersebut menjadi tidak berpenghuni.

Fasal / Pengendorsan / Warranti

Fasal Kerugian Pertama (Tanpa Purata)

Adalah di sini diisytiharkan dan dipersetujui di mana tidak mengambil kira apa-apa yang terkandung di sini yang bertentangan, Polisi ini dikeluarkan berdasarkan asas insurans kerugian pertama seperti dinyatakan di dalam Jadual sehingga jumlah yang *tertera di dalam Jadual.

Ini merupakan syarat bahawa Pihak Diinsuranskan mesti memberitahu Syarikat sebelum setiap tarikh pembaharuan jumlah maksimum harta benda untuk perlindungan di bawah Polisi pada bila-bila masa melebihi tempoh dua belas (12) bulan.

Tertakluk kepada terma-terma, pengecualian-pengecualian dan syarat-syarat di dalam Polisi ini.

Fasal Nilai Pengembalian Semula (Dibawah 5 tahun) (kecuali Stok)

Adalah diisytiharkan dan dipersetujui bahawa sekiranya harta yang diinsuranskan di bawah Polisi ini didapati musnah atau rosak, asas pengiraan amaun yang dibayar di bawah Polisi ini adalah dikira berdasarkan kos untuk mengganti dan membaiki pulih di tapak bangunan yang sama bentuk atau jenis tetapi tidak melebihi atau lebih baik daripada biasa atau lebih luas daripada harta diinsuranskan ketika baru, tertakluk kepada Peruntukan Khas berikut dan tertakluk juga terma-terma dan syarat-syarat Polisi kecuali yang sama tetapi dengan cara berlainan.

Peruntukan Khas

- (1) Kerja mengganti atau membaiki pulih (yang akan dilakukan ke atas tapak lain dan cara yang bersesuaian dengan keperluan Pihak Diinsuranskan tetapi tertakluk kepada liabiliti syarikat yang tidak bertambah) mesti dimulakan dan dilaksanakan dengan segera secara munasabah dan dalam hal lain mesti diselesaikan dalam tempoh dua belas (12) bulan selepas kemusnahan atau kerosakan dalam tempoh tambahan syarikat akan (dalam tempoh dua belas (12) bulan tersebut) secara bertulis membenarkan, sebaliknya tiada fi melebihi amaun yang mungkin dibayar di bawah polisi ini jika memorandum ini belum dimasukkan dengan ini telah dibuat.
- (2) Sehingga perbelanjaan telah dikenakan oleh Pihak Diinsuranskan untuk mengganti atau membaiki pulih harta yang musnah dan rosak syarikat tidak bertanggungjawab ke atas apa-apa fi yang melebihi amaun yang sepatutnya dibayar di bawah polisi ini jika

memorandum tidak dimasukkan dengan ini.

- (3) Jika sewaktu penggantian atau membaiki pulih jumlah yang mewakili kos yang mungkin dikenakan untuk mengganti atau membaiki pulih jika keseluruhan harta yang dilindungi telah musnah melebihi jumlah yang diinsuranskan tersebut ketika berlakunya kebakaran atau pada permulaan mana-mana kemusnahan atau kerosakan pada harta oleh sebab peril lain yang diinsuranskan di bawah polisi ini, maka Pihak Diinsuranskan hendaklah dianggap sebagai penanggung insurans sendiri bagi jumlah yang berlebihan dan akan menanggung perkadaran setimpal bagi kerugian sepatutnya. Setiap butiran di dalam Polisi ini (jika melebihi daripada satu) memorandum ini hendaklah diguna pakai secara berasingan tetapi tertakluk pada peruntukan sebelumnya.
- (4) Memorandum ini tidak akan berkuat kuasa atau berkesan jika :-
 - (a) Pihak Diinsuranskan gagal untuk memberitahu kepada syarikat dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh kemusnahan atau kerosakan atau tempoh tambahan seperti yang dipersetujui oleh syarikat secara bertulis membenarkan tujuan beliau untuk mengganti atau membaiki pulih harta yang musnah atau rosak.
 - (b) Pihak Diinsuranskan tidak berupaya atau tidak mahu mengganti atau membaiki pulih harta yang musnah atau rosak di atas tapak yang sama atau di tempat lain.
- (5) Tiada bayaran boleh dibuat melebihi amaun yang perlu dibayar di bawah Polisi ini jika memorandum ini tidak dimasukkan di sini jika sewaktu berlakunya mana-mana kemusnahan atau kerosakan terhadap mana-mana harta yang diinsuranskan di bawah ini, harta tersebut hendaklah dilindungi oleh mana-mana insurans lain yang dikuat kuasa oleh atau bagi Pihak Diinsuranskan yang tidak serupa dengan asas baik pulih yang sama yang ditetapkan di sini.

Tertakluk kepada terma-terma, pengecualian-pengecualian dan syarat-syarat di bawah Polisi ini.

Fasal Mogok, Rusuhan dan Kekecohan Awam

Adalah difahami dan dipersetujui bahawa Polisi ini diperluaskan untuk melindungi kerosakan akibat mogok, rusuhan dan kekecohan awam di mana tujuan untuk fasal ini bermakna kerugian atau kerosakan kepada harta yang diinsuranskan secara langsung atau tidak langsung oleh:

- 1) Tindakan oleh mana-mana orang yang mengambil bahagian bersama-sama dengan orang lain untuk mengancam ketenteraman awam (sama ada berkaitan dengan mogok atau sekat kerja atau tidak), tindakan oleh mana-mana pihak yang dilantik secara sah untuk menghalang atau percubaan untuk menghalang kekecohan tersebut atau menyekat gangguan tersebut atau mengurangkan kesan daripada gangguan tersebut.
- 2) Tindakan yang disengajakan oleh pemogok atau pekerja sekat masuk kerja yang dilakukan untuk melanjutkan mogok atau menghalang sekat masuk kerja atau tindakan yang diberi kuasa oleh pihak berkuasa untuk menghalang ataupun percubaan untuk menghalang tindakan tersebut atau untuk mengurangkan kesan akibat tindakan tersebut.

Dengan syarat indemniti yang diberikan di bawah fasal ini tidak berkait dengan apa-apa kerugian atau kerosakan yang diakibatkan oleh atau melalui kejadian berikut, seperti yang dinamakan: ataupun berturutan, secara langsung atau tidak langsung melalui kejadian berikut:

- a) Peperangan, pencerobohan, tindakan musuh asing, pemusnahan atau operasi mirip peperangan (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak), perang saudara.
- b) Dahagi, kekecohan awam yang menjadi sebahagian atau menyumbang kepada kebangkitan sosial, kebangkitan tentera, insureksi, pemberontakan, rampasan kuasa tentera ataupun rampasan kuasa.

- c) Sebarang tindakan oleh orang-orang yang bertindak bagi pihak atau berkaitan dengan mana-mana organisasi dengan aktiviti-aktiviti yang ditujukan kepada rampasan kuasa melalui kekerasan untuk menggulingkan kerajaan atau mempengaruhinya melalui tindakan ganas atau keganasan.

Di dalam sebarang tindakan, tindakan undang-undang atau prosiding-prosiding lain, di mana penanggung insurans menyatakan disebabkan oleh peruntukan di atas, insurans ini tidak meliputi sebarang kerugian atau kerosakan tersebut, beban untuk membuktikan sebaliknya adalah dipikul oleh Pihak Diinsuranskan.

Tertakluk kepada terma-terma, pengecualian-pengecualian dan syarat-syarat di bawah Polisi ini.

Pengendorsan Kerosakan akibat Niat Jahat

Adalah dengan ini dipersetujui dan diisytiharkan bahawa Polisi ini akan diperluaskan untuk merangkumi "kerosakan akibat niat jahat" yang mana untuk tujuan perluasan ini bermaksud kerugian atau kerosakan terhadap Harta Diinsuranskan disebabkan secara langsung oleh perbuatan niat jahat mana-mana orang (sama ada perbuatan dilakukan untuk mengganggu ketenteraman awam) tetapi Syarikat tidak bertanggung jawab di bawah perluasan ini untuk mana-mana kerugian atau kerosakan oleh perbuatan sengaja atau tidak jujur pekerja Pihak Diinsuranskan atau dengan pembiaran Pihak Diinsuranskan atau perbuatan tidak jujur oleh mana-mana orang di mana Harta Diinsuranskan tersebut diamanahkan.

SEKSYEN 2(d) – Liabiliti Awam

Syarikat akan memberi ganti rugi kepada Pihak Diinsuranskan terhadap semua jumlah kerosakan yang ditanggung oleh Pihak Diinsuranskan ke atas kejadian seperti tertera di bawah berlaku dalam had wilayah yang dinyatakan di dalam Jadual berkenaan dengan

- (A) Semua jumlah yang Pihak Diinsuranskan boleh dipertanggungjawabkan secara undang-undang untuk membayar pampasan bagi

- (1) Kecelakaan anggota badan atau penyakit ke atas sesiapa sahaja,
- (2) Kerugian atau kerosakan ke atas harta

yang berlaku di dalam Had Wilayah yang ditetapkan dalam Jadual dalam Tempoh Indemniti akibat suatu kemalangan yang berlaku atau disebabkan seperti yang ditetapkan dalam Jadual di bawah tajuk keterangan mengenai risiko.

- (B) Semua kos dan belanja litigasi

- (1) yang boleh dipulihkan oleh mana-mana pihak yang menuntut terhadap Pihak Diinsuranskan
- (2) ditanggung berserta dengan izin bertulis Syarikat

bagi tuntutan terhadap Pihak Diinsuranskan untuk pampasan di mana tanggung rugi yang dinyatakan dalam di dalam Polisi ini dipakai.

Sekiranya berlaku kematian ke atas Pihak Diinsuranskan, Syarikat bagi liabiliti yang ditanggung oleh Pihak Diinsuranskan akan membayar liabiliti Pihak Diinsuranskan itu kepada wakil peribadinya mengikut terma-terma dan tertakluk kepada batasan-batasan Bahagian ini dengan syarat-syarat wakil peribadi tersebut hendaklah seolah-olah dia adalah Pihak Diinsuranskan mematuhi, menunaikan dan tertakluk kepada Terma-Terma Pengecualian dan Syarat-syarat Polisi ini selagi mana ia boleh dipakai.

Definisi

Kemalangan

Bermaksud suatu kejadian tidak diduga yang disebabkan oleh kecuaihan

Pihak Diinsuranskan. Bagi tujuan Polisi ini, jika suatu rangkaian dan/atau beberapa rangkaian kecederaan anggota atau penyakit ke atas sesiapa sahaja atau kerugian atau kerosakan ke atas harta telah berlaku yang timbul akibat atau ekoran atau sebab secara langsung atau tidak langsung daripada kecacatan, bahaya, kegagalan untuk memberi amaran tentang sesuatu peristiwa, keadaan atau punca yang sama, sebenar atau didakwa terhadap keseluruhan kecederaan anggota atau penyakit ke atas sesiapa sahaja atau kerugian atau kerosakan ke atas harta itu akan disifatkan telah disebabkan oleh kejadian yang sama tadi.

Kecelakaan anggota atau penyakit ke atas sesiapa sahaja

Bermaksud semua kecederaan fizikal atas sesiapa sahaja termasuk kematian, sakit, penyakit atau hilang upaya dan semua kecederaan mental, penderitaan jiwa atau kejutan akibat kecederaan fizikal atas orang tersebut.

Pampasan

Bermaksud ganti rugi termasuk kos pembelaan dan belanja guaman bagi pihak menuntut termasuk faedah yang kena dibayar di sisi undang-undang atas sebarang penghakiman atau award. Istilah Pampasan ini tidak termasuk denda, penalti, ganti rugi deraan atau ganti rugi teladan atau apa-apa jenis award yang bukan berbentuk pampasan.

Kerugian atau kerosakan ke atas harta

Bermaksud kecederaan atau kemusnahan fizikal atau kehilangan ketara harta termasuk apa sahaja yang mengakibatkan hilang kegunaan harta berkenaan.

Pengecualian

Pampasan yang dinyatakan dalam Polisi ini tidak boleh dipakai untuk:

- (1) Liabiliti yang dipikul oleh Pihak Diinsuranskan melalui perjanjian di mana ia tentu tidak akan dikenakan sekiranya tidak terdapat perjanjian tersebut.
- (2) Liabiliti bagi
 - (a) Kecelakaan atau penyakit yang dialami oleh sesiapa sahaja yang berada di bawah suatu kontrak perkhidmatan ataupun menjadi perantis dengan Pihak Diinsuranskan jika liabiliti tersebut adalah berkenaan dengan kecederaan atau penyakit yang timbul daripada dan berlaku semasa menjalankan pekerjaan orang tersebut oleh Pihak Diinsuranskan.
 - (b) Apa-apa jumlah yang boleh dibayar oleh Pihak Diinsuranskan di bawah undang-undang yang mengenai kecederaan atau penyakit yang berkait dengan perkerjaan.
- (3) Liabiliti bagi kerugian atau kerosakan ke atas harta:
 - (a) kepunyaan Pihak Diinsuranskan
 - (b) dalam jagaan atau di bawah kawalan Pihak Diinsuranskan atau mana-mana kakitangan atau wakil Pihak Diinsuranskan
 - (c) pada mana-mana bahagian harta tersebut di mana Pihak Diinsuranskan atau mana-mana kakitangan atau wakil Pihak Diinsuranskan sedang berkerja atau telah berkerja jika kerugian atau kerosakan tersebut diakibatkan secara langsung atau tidak langsung oleh pekerjaan yang dilakukan itu
 - (d) yang disebabkan oleh atau berkaitan dengan atau berpunca daripada letusan mana-mana bahagian yang mempunyai tekanan

- (i) mana-mana dandang wap atau sebarang alat economiser
 - (ii) Mana-mana bebuk atau radas (selain turbin atau enjin wap atau jentera-jentera lain yang berkuasa wap); yang bertujuan untuk beroperasi di bawah tekanan wap kepunyaan atau berada di bawah kawalan Pihak Diinsuranskan atau mana-mana kakitangan atau wakil Pihak Diinsuranskan.
- (4) Liabiliti bagi
- (a) kerugian atau kerosakan ke atas mana-mana harta atau tanah atau bangunan yang disebabkan oleh getaran atau pengalihan sokongan atau sokongan menjadi lemah
 - (b) Kecederaan atau penyakit yang dialami oleh sesiapa atau kerugian atau kerosakan ke atas harta yang terjadi kerana atau berpunca daripada sebarang kerugian atau kerosakan yang disebutkan sebelum ini
- (5) Liabiliti berkaitan kecederaan atau kesakitan, kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh atau berpunca daripada atau timbul daripada:
- (a) sebarang kenderaan (atau treler yang disambungkan padanya) atau haiwan atau kapal atau pesawat yang tidak dinyatakan secara spesifik dalam Jadual di bawah tajuk Loji yang dipunyai atau dimiliki atau digunakan oleh atau bagi Pihak Diinsuranskan ataupun untuk kerja-kerja memuat atau memunggah
 - (b) sebarang lif, eskalator, hois atau kren kepunyaan atau yang digunakan oleh Pihak Diinsuranskan atau untuk penyelenggaraan di bawah tanggungjawab Pihak Diinsuranskan melainkan jika ditetapkan dalam Jadual di bawah tajuk Loji
 - (c) pemasangan alat sanitari yang cacat atau sebarang keracunan atau jirim asing atau jirim yang merosakkan dalam makanan atau minuman
 - (d) Kemalangan ke atas sebarang kapal atau pesawat akibat keadaan atau ketidaksesuaian mana-mana limbungan atau menambat kapal
 - (e) Sebarang artikel komoditi yang atau benda-benda yang dibekalkan, dibaiki, diubah atau dirawat oleh atau atas perintah Pihak Diinsuranskan
 - (f) Kebakaran, gempa bumi, letupan, banjir, wasap atau pencemaran air
- (6) Liabiliti yang berpunca daripada pemberian ataupun gagal untuk memberikan perkhidmatan-perkhidmatan profesional termasuk, tetapi tidak dihadkan kepada pemberian atau kegagalan memberikan:
- (a) perkhidmatan perubatan, pembedahan, pergigian, x-ray atau rawatan atau khidmat jururawat, atau penyediaan makanan atau minuman yang berhubung dengan perkhidmatan tersebut
 - (b) sebarang perkhidmatan atau rawatan bertujuan untuk membantu kesihatan
 - (c) penyediaan atau pemberian ubat-ubatan atau kemudahan atau peralatan perubatan, pergigian atau pembedahan
 - (d) perkhidmatan profesional oleh Akitek, Jurutera, Juruukur, Akauntan, Peguam atau ejen insurans atau broker insurans; atau
 - (e) perkhidmatan pemprosesan data
- (7) Liabiliti yang berpunca daripada perang, pencerobohan, tindakan musuh asing, pemusuhan (sama ada peperangan diisytiharkan

atau tidak), perang saudara, pemberontakan, dahagi, revolusi, kebangkitan tentera, rampasan kuasa, mogok, rusuhan dan kekecohan awam.

- (8) (a) sebarang liabiliti dari segi undang-undang dalam bentuk apa sekalipun secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh atau disumbangkan kepada oleh atau disebabkan oleh radiasi pengionan atau pencemaran oleh bahan radioaktif daripada sebarang bahan api nuklear atau dari apa-apa bahan buangan nuklear atau pembakaran bahan api nuklear. Khusus untuk tujuan pengecualian ini, pembakaran termasuk sebarang proses mampu sendiri pembelahan nuklear.
 - (b) sebarang kemalangan, kerugian, kemusnahan, kerosakan atau liabiliti dari segi undang-undang yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh atau disumbangkan kepada oleh atau akibat jirim senjata nuklear.
- (9) Syarikat tidak akan memberikan pampasan bagi Pihak Diinsuranskan terhadap sebarang liabiliti guaman bagi kecederaan anggota badan atau penyakit ke atas sesiapa sahaja atau kerugian dan kerosakan ke atas harta yang berpunca daripada debu asbestiform, asbestos atau sebarang bahan atau sebatian lain yang mengandungi asbestos, diethylstibesterol (DES), dioxin, atau urea formaldehyde.

Dalam Pengecualian ini

- (a) Ungkapan "kenderaan" hendaklah termasuk sebarang jenis mesin broad atau yang menggunakan landasan caterpillar
- (b) Ungkapan "kapal atau pesawat" hendaklah dimaksudkan sebagai sebarang kapal atau pesawat atau benda yang dibuat atau bertujuan untuk terapung di atas atau di dalam atau bergerak di atas atau melalui air atau udara.

Had Tanggung Rugi

Liabiliti Syarikat di bawah Polisi ini untuk semua pampasan yang boleh dibayar

- (a) kepada mana-mana pihak yang menuntut atau apa sahaja bilangan pihak yang menuntut bagi atau yang berpunca daripada mana-mana satu kejadian atauupun bagi atau yang berpunca daripada semua kejadian yang bersusulan, berbangkit daripada atau kerana satu punca atau penyebab asal hendaklah tidak melebihi Had Indemniti yang ditetapkan dalam Jadual bagi mana-mana satu Tempoh Pampasan.
- (b) bagi semua kecederaan, penyakit, kerugian yang dialami dalam mana-mana Tempoh Indemniti hendaklah tidak melebihi Had Indemniti yang ditetapkan dalam Jadual bagi mana-mana satu Tempoh Indemniti.

Syarat-Syarat

1. Pihak Diinsuranskan tidak dibenarkan tanpa izin secara bertulis Syarikat menyangkal sebarang liabiliti, mengadakan rundingan atau membuat pengakuan, penawaran, perjanjian atau bayaran berhubung dengan sebarang kemalangan atau tuntutan, manakala Syarikat berhak, jika ia berhajat, mengambil alih dan menjalankan, atas nama Pihak Diinsuranskan, pembelaan bagi sebarang tuntutan atau mendakwa atas nama Pihak Diinsuranskan dengan belanja dan untuk faedahnya sendiri bagi sebarang tuntutan untuk mendapatkan pampasan atau ganti rugi ataupun sebaliknya terhadap sesiapa dan dia hendaklah menggunakan kebijaksanaan dengan sepenuhnya dalam menjalankan sebarang tuntutan dan Pihak Diinsuranskan hendaklah member semua maklumat dan bantuan yang mungkin diperlukan oleh Syarikat.
2. Syarikat boleh, dalam hal sesuatu kemalangan, membayar Pihak Diinsuranskan Had Indemniti bagi mana-mana satu kemalangan (tetapi tidak ditolak daripadanya dalam hal seperti ini sebarang jumlah atau jumlah-jumlah yang telah dibayar sebagai pampasan bagi kemalangan tadi) atau sebarang jumlah yang lebih rendah di

mana tuntutan atau tuntutan-tuntutannya yang berpunca daripada kemalangan tersebut boleh diselesaikan manakala Syarikat setelah itu tidak lagi memikul sebarang liabiliti bagi kemalangan tersebut kecuali untuk bayaran kos dan belanja litigasi di bawah Fasal (B) di Seksyen ini yang ditanggung terdahulu sebelum tarikh bayaran bagi Had Indemniti atau jumlah yang lebih rendah itu dibuat.

3. Jika premium untuk Polisi ini telah dihitung mengikut anggaran-anggaran yang diberikan oleh Pihak Diinsuranskan, Pihak Diinsuranskan hendaklah menyimpan rekod tepat yang mengandungi semua butiran dengan anggaran tadi manakala Pihak Diinsuranskan hendaklah membenarkan Syarikat memeriksa rekod tersebut pada setiap masa. Pihak Diinsuranskan hendaklah dalam masa satu bulan dari tarikh Tempoh Insurans ini tamat memberikan butiran-butiran dan maklumat kepada Syarikat yang mungkin dikehendakinya. Premium bagi tempoh tersebut akan diselaraskan manakala perbezaannya dibayar atau dibenarkan untuk dibayar oleh Pihak Diinsuranskan, bergantung kepada keadaan.
4. Jika pada bila-bila masa ataupun dari masa ke semasa terdapat sebarang perubahan material ke atas mana-mana fakta yang telah wujud sejak cadangan dibuat, Pihak Diinsuranskan hendaklah dalam masa tujuh hari memberi notis kepada Syarikat tentang perkara ini dan dia hendaklah membayar premium tambahan seperti yang mungkin dikenakan oleh Syarikat.
5. Pihak Diinsuranskan hendaklah mengamalkan sikap yang munasabah untuk memastikan bahawa hanya para pekerja yang waras dan cekap sahaja diambil bekerja manakala semua bangunan, laluan, tempat kerja, loji, jentera, perabot dan pemasangan berkeadaan baik dan sempurna dan dijaga dan sesuai untuk tujuan-tujuan penggunaannya yang betul manakala semua keperluan-keperluan statutori serta regulasi serta peraturan-peraturan yang dikenakan oleh pihak berkuasa awam diamalkan dan dipatuhi. Sebaik sahaja sebarang kecacatan sampai ke pengetahuan Pihak Diinsuranskan hendaklah dengan serta-merta membaiki pulih kecacatan tersebut dan mengambil langkah berjaga-jaga sementara untuk mencegah kemalangan daripada berlaku mengikut hal keadaan yang memerlukan, tetapi setakat mana yang wajar dilakukan sebarang perubahan atau pembaikan tidak boleh dilakukan tanpa izin Syarikat selepas terjadinya sesuatu yang dilindungi oleh Polisi ini sehinggalah Syarikat berkesempatan untuk menjalankan pemeriksaan. Syarikat akan mendapatkan akses pada bila-bila masa yang munasabah untuk memeriksa harta berkenaan. Inspektor Syarikat mengesan sebarang kecacatan atau bahaya yang ketara, Syarikat boleh memberi notis secara bertulis kepada Pihak Diinsuranskan dan mulai saat itu semua liabiliti Syarikat bagi kecacatan tersebut atau apa-apa yang timbul daripada akan digantung sehingga kecacatan tadi dibaiki atau diatasi menurut kepuasan Syarikat.
6. Pelaksanaan dan penunaian terma-terma, peruntukan-peruntukan, syarat-syarat dan pengendorsan-pengendorsan Polisi ini yang Pihak Diinsuranskan wajar amalkan dan patuhi serta kebenaran pada pernyataan dan jawapan-jawapan dalam cadangan yang dibuat itu hendaklah dijadikan syarat-syarat terdahulu kepada sebarang liabiliti Syarikat sebelum ia membuat apa-apa bayaran di bawah Polisi ini.

Fasal/ Pengendorsan/Waranti

Fasal Pengubahsuaian Dan Membaiki Pulih

Walau apa pun terkandung di dalam ini yang bertentangan, dengan ini adalah diisytiharkan dan dipersetujui bahawa Polisi ini diperluaskan untuk melindungi liabiliti dari segi undang-undang Pihak Diinsuranskan terhadap kecederaan anggota badan atau penyakit kepada mana-mana orang, kehilangan atau kerosakan harta disebabkan oleh atau berkenaan dengan penggajian "Workmen" yang dibenarkan di dalam atau dikawasan Hartanah Pihak Diinsuranskan untuk menjalankan kerja pengubahsuaian dan membaiki pulih dengan syarat perniagaan, pengeluaran dan jenis pekerjaan dan/atau kelas pembinaan bangunan kekal tidak berubah.

Tertakluk kepada terma-terma, pengecualian-pengecualian dan syarat-syarat di bawah Polisi ini.

Fasal Barang Peribadi Kakitangan

Dengan ini diisytiharkan dan dipersetujui bahawa Polisi ini diperluaskan untuk melindungi liabiliti dari segi undang-undang Pihak Diinsuranskan ke atas pakaian dan/atau barangan peribadi kepunyaan kakitangan Pihak Diinsuranskan sehingga jumlah RM250.00 untuk setiap kejadian atau rangkaian kejadian yang berlaku secara langsung atau tidak langsung daripada satu punca atau sumber asal.

Tertakluk kepada terma-terma, pengecualian-pengecualian dan syarat-syarat di bawah Polisi ini.

Fasal Perluasan Barang Peribadi Tetamu

Dengan ini diisytiharkan dan dipersetujui bahawa Polisi ini diperluaskan untuk melindungi liabiliti dari segi undang-undang Pihak Diinsuranskan ke atas kehilangan dan kerosakan kepada Barangan Peribadi kepunyaan tetamu-tetamu Pihak Diinsuranskan sehingga jumlah RM250.00 berlaku pada tempat atau tempat-tempat di mana Polisi ini berkenaan.

Tertakluk kepada terma-terma, pengecualian-pengecualian dan syarat-syarat di bawah Polisi ini.

Pengendorsan Aktiviti Sosial Dan Sukan

Dengan ini dipersetujui dan diisytiharkan bahawa Polisi ini diperluaskan untuk melindungi liabiliti dari segi undang-undang untuk Kelab Sosial dan/atau Sukan termasuk kakitangan kelab serta ahli kelab yang ditubuhkan melalui naungan, sokongan atau sumbangan oleh Pihak Diinsuranskan untuk tuntutan berkenaan dengan kecederaan anggota badan atau kerosakan harta yang berlaku akibat sebarang aktiviti dan/atau dibawah kawalan kelab (kelab-kelab) tersebut.

Dengan Syarat:-

- a) Adalah merupakan syarat terdahulu untuk liabiliti Syarikat iaitu Kelab (kelab-kelab), kakitangan kelab dan/atau ahli kelab di sini diberikan pampasan hendaklah mematuhi dan tertakluk kepada terma-terma, syarat-syarat dan had-had Polisi seperti Kelab(kelab-kelab), kakitangan kelab dan/atau ahli kelab adalah seperti Pihak Diinsuranskan itu sendiri.
- b) Had Indemniti diperluaskan untuk melibatkan pengendorsan ini.

Tertakluk kepada terma-terma, pengecualian-pengecualian dan syarat-syarat di bawah Polisi ini.

Fasal Melawat Luar Negara Sementara

Dengan ini diisytiharkan dan dipersetujui bahawa Polisi ini akan melindungi liabiliti dari segi undang-undang Pihak Diinsuranskan berkenaan dengan kecederaan anggota badan atau penyakit terhadap mana-mana orang, atau kehilangan atau kerugian harta berkenaan dengan lawatan perniagaan tidak melibatkan kerja manual di seluruh dunia (kecuali USA dan Kanada) oleh Direktor atau Pegawai Atasan dan/atau para pekerja Pihak Diinsuranskan, tetapi mengecualikan liabiliti disebabkan oleh akibat keracunan, pengambilan dadah kecuali di bawah nasihat pengamal perubatan dan liabiliti yang disebabkan oleh atau turutan daripada penggunaan kenderaan bermotor. Syarat bahawa pembayaran pampasan untuk kerosakan mesti diarahkan atau diberikan oleh bidang kuasa yang kompeten di Malaysia.

Tertakluk kepada terma-terma, syarat-syarat dan pengecualian-pengecualian di bawah Polisi ini.

Pengendorsan Loji Dan Jentera (Termasuk Loji

Disewa Masuk)

Difahamkan dan dipersetujui bahawa Polisi ini hendaklah diperluaskan untuk melindungi liabiliti undang-undang Pihak Diinsuranskan bagi sebarang kecederaan anggota atau kerugian atau kerosakan ke atas harta yang disebabkan oleh:

- semua loji dan jentera kepunyaan dan/atau yang dikendalikan oleh Pihak Diinsuranskan, kren atau mesin hois berkuasa selain lif penumpang.
- Semua peralatan loji atau perkakas pertukangan yang disewa oleh Pihak Diinsuranskan atau di mana Pihak Diinsuranskan bertanggungjawab ke atasnya.

Tetapi tidak termasuk kenderaan-kenderaan yang tertakluk kepada Akta Pengangkutan Jalan 1987, Malaysia.

Tertakluk kepada terma-terma, pengecualian-pengecualian dan syarat-syarat di bawah Polisi ini.

Pengendorsan Memuat dan Memunggah

Dengan ini adalah diisytiharkan dan dipersetujui bahawa insurans bagi Polisi ini hendaklah diperluaskan untuk melindungi liabiliti dari segi undang-undang Pihak Diinsuranskan bagi sebarang kecederaan anggota atau kerugian atau kerosakan ke atas harta yang disebabkan oleh atau berpunca daripada tindakan melebihi had-had sebarang laluan kenderaan atau jalan raya secara:-

- i) Membawa barangan untuk dimuatkan ke dalam kenderaan berkenaan; atau
- ii) Memindahkan barangan dengan memungghkannya dari kenderaan tersebut oleh sesiapa sahaja selain pemandu atau atendan kenderaan tersebut.

Mewajarkan liabiliti Syarikat di bawah Polisi ini dan pengendorsan ini berkenaan dengan kecederaan anggota atau kerugian atau kerosakan ke atas harta berkenaan hendaklah biar apa pun tidak melebihi had indemniti yang ditetapkan di dalam Polisi ini.

Tertakluk kepada terma-terma, pengecualian-pengecualian dan syarat-syarat di bawah Polisi ini.

Fasal Persediaan Sanitari Yang Cacat

Dengan ini adalah diisytiharkan dan dipersetujui bahawa perkataan-perkataan "Pemasangan Sanitari Yang Cacat" hendaklah disifatkan telah digugurkan daripada pengecualian No.5 (c) dalam Polisi ini.

Pengendorsan Kemudahan-Kemudahan Pertolongan Kecemasan

Polisi ini diperluaskan untuk melindungi liabiliti undang-undang Pihak Diinsuranskan yang berpunca daripada peruntukan-peruntukan oleh Pihak Diinsuranskan tentang kemudahan-kemudahan pertolongan cemas, tetapi tidak termasuk sebarang tindakan kecuai, peninggalan atau pengabaian mana-mana anggota yang sepatutnya berkelulusan daripada profesion perubatan ataupun sebarang pekerja atau petugas sukarela di mana-mana hospital atau pertubuhan ambulans.

Kenderaan Yang Digunakan Sebagai Alat Perdagangan (Tidak Termasuk Kenderaan-kenderaan Berlesen Untuk Penggunaan Di Atas Jalan Raya)

Dengan ini adalah diisytiharkan dan dipersetujui kecuali jika ia tertakluk kepada terma-terma, pengecualian-pengecualian, peruntukan-

peruntukan dan syarat –syarat yang terkandung dalam Polisi ini atau yang diendorskan kemudiannya bahawa Polisi ini diperluaskan untuk melindungi liabiliti undang-undang Pihak Diinsuranskan berkenaan dengan liabiliti yang berpunca daripada penggunaan kenderaan-kenderaan (tidak termasuk kenderaan-kenderaan berlesen untuk penggunaan jalan raya) sebagai alat perdagangan dalam Had Wilayah seperti yang dinyatakan dalam Jadual.

Tertakluk kepada terma-terma, pengecualian-pengecualian dan syarat-syarat di bawah Polisi ini.

Pengendorsan Papan Tanda Neon/Iklan

Walau apa pun terkandung di dalam ini yang bertentangan, dengan ini adalah diisytiharkan dan dipersetujui bahawa Polisi ini diperluaskan untuk melindungi liabiliti undang-undang Pihak Diinsuranskan yang berpunca daripada kemalangan-kemalangan yang terjadi berhubung dengan Papan-papan Tanda Neon/Iklan kepunyaan Pihak Diinsuranskan.

Mewajarkan Pihak Diinsuranskan hendaklah mematuhi semua enakmen statutori, regulasi dan hendaklah sentiasa menjaga Papan-papan Tanda Neon/Iklan berkenaan dalam keadaan sempurna dan dibaiki dan jika dikesan sebarang kecacatan hendaklah kecacatan itu dibaiki pulih dan sementara itu langkah tambahan berjaga-jaga hendaklah di ambil untuk mengelakkan berlakunya kemalangan daripada menurut hal keadaan yang perlu sementara itu perubahan kepada kedudukan papan-papan tanda tersebut tidak dibenarkan tanpa izin Syarikat. Setakat mana yang praktikal, sebarang perubahan atau pembaikan papan tanpa izin dibolehkan selepas berlaku sebarang kemalangan berhubung dengannya sehingga Syarikat berkesempatan untuk memeriksa papan-papan tanda tersebut.

Syarat liabiliti Syarikat di bawah Polisi dan pengendorsan ini berkenaan dengan kecederaan anggota atau kerugian atau kerosakan ke atas harta berkenaan hendaklah biar apa pun tidak melebihi Had Indemniti yang ditetapkan di dalam Polisi ini.

Tertakluk kepada terma-terma, pengecualian-pengecualian dan syarat-syarat di bawah Polisi ini.

Fasal Pengecualian Penjejasan Persekitaran Beransur-ansur

Dengan ini adalah diisytiharkan dan dipersetujui bahawa Polisi ini tidak akan melindungi sebarang liabiliti untuk :-

- a) Kecederaan diri atau kecederaan anggota atau kerugian kewangan, kerosakan atau hilang guna ke atas harta yang berpunca secara langsung atau tidak langsung daripada luahan, penyerakan, pembuangan atau pelepasan bahan-bahan pencemaran.
- b) Kos pemindahan, pembatalan atau pembersihan bahan-bahan pencemaran.
- c) Denda, penalti, kerosakan-kerosakan punitif atau teladan yang berpunca secara langsung atau tak langsung daripada luahan, penyerakan, pembuangan atau pelepasan bahan-bahan pencemaran.

Walau apa pun yang dinyatakan sebelum ini, perjanjian ini hendaklah melindungi liabiliti yang sepatutnya dikecualikan di bawah perenggan a) dan b) di atas yang :

- i) disebabkan dengan tiba-tiba, secara boleh dikenali, tidak berniat dan tidak dijangka oleh sesuatu kejadian yang berlaku keseluruhannya pada sesuatu waktu dan tempat yang tertentu, dan
- ii) diberi pampasan tidak melebihi daripada satu tempoh tahunan insurans yang asal.

Bagi tujuan fasal ini, maksud bahan-bahan pencemaran ialah sebarang bahan-bahan peradang atau penodaan pepejal, cecair dan gas atau haba, termasuk tetapi tidak terhad kepada asap, wap, wasap, asid, alkali, kimia dan sisa. Sisa adalah termasuk bahan-bahan untuk dikitar, dipulih atau

ditebus guna.

Tertakluk kepada terma-terma, pengecualian-pengecualian dan syarat-syarat di bawah Polisi ini.

Fasal Bidang Kuasa

Dimaklumkan dan dipersetujui bahawa pampasan yang diperuntukkan di sini tidak boleh dipakai untuk:

- a) Pampasan bagi kerosakan-kerosakan berkenaan dengan penghakiman yang dibuat atau diperolehi secara "first instance" selain sebuah mahkamah yang ada bidang kuasa kompeten di Malaysia.
- b) Kos dan belanja litigasi yang dipulihkan oleh mana-mana pihak yang menuntut daripada Pihak Diinsuranskan yang tidak ditanggung dan tidak boleh dipulihkan di Malaysia.

SEKSYEN 2(e) – Liabiliti Majikan

Syarikat akan menanggung rugi Pihak Diinsuranskan terhadap liabiliti undang-undang untuk membayar pampasan dan kos dan belanja pihak yang menuntut bagi kecederaan berkenaan dan di samping itu akan membayar semua kos dan belanja yang ditanggung bersama-sama dengan izin bertulis Syarikat.

Syarikat juga akan sekiranya berlaku kematian ke atas Pihak Diinsuranskan mengikut Terma-Terma Polisi ini bagi liabiliti yang ditanggung oleh Pihak Diinsuranskan dengan syarat wakil-wakil peribadi berkenaan hendaklah seolah-olah mereka adalah Pihak Diinsuranskan mematuhi, menunaikan dan dikenakan terma-terma, pengecualian-pengecualian, had-had dan syarat-syarat Polisi selagi mana ia boleh dipakai.

Pengecualian

Syarikat tidak boleh dipertanggungjawabkan di bawah Polisi ini ke atas :

- (a) Liabiliti Pihak Diinsuranskan terhadap para pekerja kontraktor-kontraktor kepada Pihak Diinsuranskan.
- (b) Sebarang liabiliti Pihak Diinsuranskan yang menjadi terikat atas sebab suatu perjanjian di mana ia tidak akan menjadi terikat kalaupun tiadanya perjanjian tersebut.
- (c) Sebarang jumlah yang Pihak Diinsuranskan seharusnya berhak untuk dipulihkan daripada sebarang pihak kalaupun tidak kerana perjanjian antara Pihak Diinsuranskan dengan pihak tersebut.
- (d) Sebarang kecederaan kerana kemalangan atau penyakit yang dialami di luar Kawasan Geografi berkenaan.
- (e) Sebarang liabiliti Pihak Diinsuranskan untuk membayar pampasan kepada seseorang pekerja atau wakil-wakil peribadi guaman atau tanggungan seseorang pekerja itu atas sebab sebarang Undang-Undang Pampasan Pekerja.
- (f) Sebarang kecederaan kerana kemalangan atau penyakit akibat perang, serangan, tindakan musuh asing, perseteruan (sama ada perang diisytiharkan atau tidak), perang saudara, dahagi, penentangan, revolusi, kuasa tentera atau rebutan kuasa.
- (g) Sebarang liabiliti biar apa pun sifatnya yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung atau dihasilkan oleh atau berpunca daripada:
 - (i) Bahan senjata-senjata nuklear,
 - (ii) Sinaran mengion (atau pencemaran oleh keradioaktifan daripada sebarang bahan bakar nuklear atau daripada

sebarang sisa nuklear sebab pembakaran bahan bakar nuklear dan bagi tujuan pengecualian ini, pembakaran hendaklah merangkumi sebarang proses swapenahan (self-sustaining) bagi pembelahan nuklear

Syarat-Syarat

1. Pihak Diinsuranskan hendaklah mengambil semua langkah berjaga-jaga yang munasabah untuk mencegah kemalangan dan penyakit serta mematuhi semua kewajipan-kewajipan statutori.
2. Sekiranya berlaku sebarang kejadian yang mungkin menimbulkan sesuatu tuntutan di bawah Polisi ini, Pihak Diinsuranskan hendaklah secepat mana yang boleh memberi notis kepada syarikat bersama-sama dengan butiran penuh. Semua surat, tuntutan, writ, saman dan proses yang diterma hendaklah dimaklumkan atau diserahkan kepada Syarikat serta-merta. Syarikat juga hendaklah dimaklumkan serta-merta sebaik sahaja Pihak Diinsuranskan mendapat tahu tentang sebarang pendakwaan yang akan dibuat, inkues atau siasatan berhubung dengan sebarang kematian yang berlaku seperti yang disebutkan sebelum ini.
3. Apa sahaja pengakuan, tawaran, janji atau bayaran tidak boleh dibuat oleh atau bagi Pihak Diinsuranskan tanpa izin Syarikat yang berhak jika ia berhajat untuk mengambil alih dan menjalankan atas nama Pihak Diinsuranskan pembelaan atau penyelesaian ke atas sebarang tuntutan atau untuk mendakwa atas nama dan untuk faedahnya sendiri bagi sebarang tuntutan untuk mendapat tanggung rugi atau ganti rugi atau sebaliknya dan hendaklah menggunakan sepenuhnya kebijaksanaan untuk menjalankan sebarang prosiding dan menyelesaikan apa-apa tuntutan, manakala Pihak Diinsuranskan hendak member semua maklumat dan bantuan yang mungkin diperlukan oleh Syarikat.
4. Sekiranya pada masa timbulnya sesuatu tuntutan di bawah Polisi ini terdapat Insurans lain yang melindungi liabiliti yang sama, Syarikat tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk membayar atau memberi sumbangan yang lebih daripada bahagian yang boleh dikadarkan ke atas sebarang tuntutan serta kos dan belanja berhubung dengan perkara tersebut.
5. Premium pertama dan semua premium pembaharuan yang mungkin diterima hendaklah diselaraskan melalui amaun upah dan gaji serta pendapatan-pendapatan lain yang dibayar oleh Pihak Diinsuranskan kepada para pekerja pada masa setiap Tempoh Insurans. Nama setiap pekerja bersama-sama dengan amaun upah, gaji dan pendapatan-pendapatan lain hendaklah dicatatkan, manakala Pihak Diinsuranskan hendaklah setiap masa membenarkan Syarikat memeriksa rekod-rekod tersebut serta memberi kepada Syarikat akaun yang betul tentang semua upah, gaji dan pendapatan-pendapatan lain itu yang dibayar pada masa sebarang Tempoh Insurans dalam masa satu bulan dari tarikh Tempoh Insurans tersebut tamat. Jika amaun yang dibayar itu berbeza daripada amaun di mana premium telah dibayar, perbezaan pada premium ini hendaklah diatasi melalui bayaran tambahan yang dikadarkan kepada Syarikat ataupun secara membayar balik bayaran oleh Syarikat, mengikut keadaan.

Fasal / Pengendorsan / Warranti

Fasal Bidang Kuasa

Tanggung rugi yang disyaratkan di dalam ini tidak boleh dipakai untuk :-

- (a) Pampasan ke atas kerugian-kerugian bagi penghakiman yang dibuat atau diperolehi secara percabaran pertama melainkan oleh sebuah Mahkamah yang mempunyai Bidang Kuasa yang kompeten di Malaysia.
- (b) Kos-kos dan belanja-belanja litigasi yang dipulihkan oleh mana-mana pihak menuntut daripada Pihak Diinsuranskan yang tidak ditanggung dan tidak boleh dipulihkan di Malaysia.

Fasal Melawat Luar Negara Sementara

Dengan ini diisytiharkan dan dipersetujui bahawa Polisi ini akan melindungi liabiliti dari segi undang-undang Pihak Diinsuranskan berkenaan dengan kecederaan anggota badan atau penyakit terhadap mana-mana orang, atau kehilangan atau kerugian harta berkenaan dengan lawatan perniagaan tidak melibatkan kerja manual di seluruh dunia (kecuali USA dan Kanada) oleh Direktor atau Pegawai Atasan dan/atau para pekerja Pihak Diinsuranskan, tetapi mengecualikan liabiliti disebabkan oleh akibat keracunan, pengambilan dadah kecuali di bawah nasihat pengamal perubatan dan liabiliti yang disebabkan oleh atau turutan daripada penggunaan kenderaan bermotor. Syarat bahawa pembayaran pampasan untuk kerosakan mesti diarahkan atau diberikan oleh bidang kuasa yang kompeten di Malaysia.

Tertakluk kepada terma-terma, pengecualian-pengecualian dan syarat-syarat di bawah Polisi ini.

Liabiliti Undang-Undang Umum (Pelan 1 – Had RM250,000 mana-mana satu kerugian/agregat)

Dengan ini difahami dan dipersetujui bahawa walau apa pun yang dinyatakan di sini yang bertentangan, Polisi ini akan membayar indemniti kepada Pihak Diinsuranskan terhadap semua jumlah yang mana Pihak Diinsuranskan akan bertanggungjawab pada Undang-Undang Umum sehingga maksimum RM250,000.00 sebagai pampasan untuk kecederaan peribadi oleh kemalangan atau penyakit yang dialami oleh satu atau lebih pekerja dalam satu kemalangan atau kejadian dan dalam agregat semasa tempoh insurans.

Syarikat akan bertanggungjawab bagi semua kos dan perbelanjaan yang dilakukan dengan kebenaran bertulis dalam mempertahankan apa-apa tuntutan bagi pampasan tersebut.

Tertakluk kepada terma-terma, pengecualian-pengecualian dan syarat-syarat di bawah Polisi ini.

Liabiliti Undang-Undang Umum (Pelan 2 – Had RM500,000 mana-mana satu kerugian/agregat)

Dengan ini difahami dan dipersetujui bahawa walau apa pun yang dinyatakan di sini yang bertentangan, Polisi ini akan membayar indemniti kepada Pihak Diinsuranskan terhadap semua jumlah yang mana Pihak Diinsuranskan akan bertanggungjawab pada Undang-Undang Umum sehingga maksimum RM500,000.00 sebagai pampasan untuk kecederaan peribadi oleh kemalangan atau penyakit yang dialami oleh satu atau lebih pekerja dalam satu kemalangan atau kejadian dan dalam agregat semasa tempoh insurans.

Syarikat akan bertanggungjawab bagi semua kos dan perbelanjaan yang dilakukan dengan kebenaran bertulis dalam mempertahankan apa-apa tuntutan bagi pampasan tersebut.

Tertakluk kepada terma-terma, pengecualian-pengecualian dan syarat-syarat di bawah Polisi ini.

Pekerja kepada Pekerja

Jika mana-mana orang di bawah Kontrak perkhidmatan atau prantisan dengan Pihak Diinsuranskan mengalami kecederaan tubuh badan oleh kemalangan atau penyakit disebabkan semasa tempoh insurans dan yang timbul daripada dan dalam urusan pekerjaan oleh pihak diinsuranskan dalam perniagaan yang dinyatakan di dalam Jadual. Syarikat akan, atas permintaan Pihak Diinsuranskan memberi indemniti kepada mana-mana pekerja lain Pihak Diinsuranskan yang terlibat dalam perniagaan terhadap liabiliti pada undang-undang untuk membayar pampasan dan kos dan perbelanjaan pihak yang menuntut berkaitan dengan kecederaan tersebut dan akan sebagai tambahan akan membayar kos dan perbelanjaan yang ditanggung dengan kebenaran bertulis.

Dengan syarat bahawa pekerja yang menuntut untuk ditanggung rugi hendaklah seolah-olah dia yang diinsuranskan mematuhi, memenuhi dan tertakluk kepada terma-terma polisi sejauh mana mereka boleh memohon.

Tertakluk kepada terma-terma, pengecualian-pengecualian dan syarat-syarat di bawah Polisi ini.

Syarat-Syarat Umum yang berkenaan kepada Seksyen 2(a) sehingga Seksyen 2(e)

1. Semua notis yang perlu diberikan oleh Pihak Diinsuranskan kepada Syarikat mestilah dibuat secara bertulis dan dialamatkan kepada Cawangan atau Agensi Syarikat di mana Polisi tersebut dikeluarkan, ataupun kepada wakil terdekat Syarikat jika Pihak Diinsuranskan berada di luar Negara, manakala notis atau penerimaan apa-apa yang berkaitan dengan Polisi ini atau sebarang tuntutan di bawah polisi ini tidak akan disifatkan sebagai notis yang telah diberikan kepada atau berada dalam pengetahuan Syarikat kecuali secara dikehendaki, dan apa-apa perubahan ke atas terma-terma Polisi ini ataupun sebarang pengendorsan yang disertakan kemudiannya tidak dianggap sah kecuali jika ia ditandatangani atau diparapi oleh seorang wakil yang dibenarkan oleh Syarikat.
2. Pihak Diinsuranskan hendaklah mengambil semua langkah berjaga-jaga untuk mencegah berlakunya kerugian dan kerosakan.
3. Syarikat hendaklah pada bila-bila masa secara memberi notis empat belas (14) hari kepada Pihak Diinsuranskan melalui surat berdaftar kepada Pihak Diinsuranskan di alamat rumahnya yang terakhir yang diketahui oleh Syarikat diberi kebebasan untuk menimbang dan membatalkan Polisi ini, dengan syarat Syarikat hendaklah sekiranya berlaku permintaan membayar balik kepada Pihak Diinsuranskan bahagian premium mengikut kadar yang seajar dengan tempoh insurans yang belum tamat itu.
4. Sebaik sahaja berlaku apa-apa kejadian yang boleh mengakibatkan sesuatu tuntutan dibuat di bawah Polisi ini, Pihak Diinsuranskan hendaklah segera setelah mengetahuinya memberi notis kepada Syarikat dan dalam lima belas (15) hari selepas itu menghantar kepada Syarikat tuntutan secara bertulis dan menghantar semua butir-butir dan bukti yang mungkin diperlukan oleh Syarikat.
5. Jika pada masa berlakunya sebarang kehilangan/kerugian atau kerosakan yang dilindungi oleh Polisi ini terdapat pula insurans lain walau jenis apa pun yang masih hidup dan melindungi Harta diinsuranskan itu atau mana-mana bahagian daripadanya tidak kira sama ada Pihak Diinsuranskan menggunakan ataupun tidak, Syarikat tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk membayar atau membuat sumbangan yang lebih daripada bahagian kehilangan/kerugian atau kerosakan tersebut yang boleh dikadarkan. Setiap butiran dalam Polisi ini hendaklah tertakluk kepada syarat ini secara berasingan.
6. Syarikat berkenaan dengan apa-apa risiko yang diinsuranskan di bawah polisi hendaklah berhak untuk menggunakan nama Pihak Diinsuranskan dalam apa jua cara difikirkan wajar dalam membawa prosiding terhadap mana-mana orang untuk mendapatkan semula pampasan bagi kerugian atau kerosakan. Syarikat layak mendapat semua hak subrogasi sama ada dengan cara ganti rugi atau sebaliknya dan Pihak Diinsuranskan hendaklah memberi semua maklumat dan segala bantuan dalam Pihak Diinsuranskan berhubung perkara tersebut tanpa sebarang bayaran kepada Syarikat dan melaksanakan tugas tersebut sebagaimana yang mungkin dikehendaki oleh Syarikat.

7. Jika cadangan atau pengisytiharan yang dibuat oleh Pihak Diinsuranskan adalah tidak benar dari apa segi pun, ataupun jika sebarang fakta matan yang menjejaskan risiko berkenaan diberi di sini secara tidak betul atau ditinggalkan kemudian selepas dari ini ataupun sebarang fakta tersebut untuk membuat pembaharuan insurans ini didapati mempunyai pernyataan silap, salahnyataan

atau penyekatan ataupun jika sebarang tuntutan yang dibuat adalah palsu atau ditokok-tambah, ataupun jika sebarang pengisytiharan atau pernyataan untuk menyokong tuntutan tersebut adalah dusta, maka mana-mana daripada perbuatan ini akan menjadikan Polisi ini terbatal.

8. Pelaksanaan dan penunaian terma-terma, syarat-syarat dan pengendorsan-pengendorsan Polisi ini yang Pihak Diinsuranskan wajar amalkan dan patuhi serta kebenaran pada pernyataan dan jawapan-jawapan dalam cadangan yang dibuat itu hendaklah dijadikan syarat-syarat terdahulu kepada sebarang liabiliti Syarikat sebelum ia membuat apa-apa bayaran di bawah Polisi ini.

Fasal Am/Pengendorsan/ Waranti untuk semua Seksyen

Pengenalpastian Tarikh dengan Fasal Simpanan

Adalah difahamkan dan dipersetujui bahawa polisi ini telah dipindah seperti berikut:-

- A. Syarikat tidak akan membayar apa-apa kerugian atau kerosakan termasuk kehilangan keupayaan dengan atau tanpa kerosakan fizikal atau apa-apa kerugian turutan secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh, terdiri daripada, atau timbul daripada, kegagalan atau ketidakupayaan mana-mana komputer, alat memproses data, media mikrochip, sistem operasi, mikropemproses (cip komputer), sikit integrasi atau peranti serupa, atau mana-mana perisian komputer, sama ada harta Pihak Diinsuranskan atau tidak, dan sama ada berlaku sebelum, pada atau selepas tahun 2000 akibat daripada kegagalan atau ketidakupayaan peranti dan/atau perisian seperti tersebut di atas untuk:
 1. mengenalpasti dengan betul apa-apa tarikh sebagai tarikh kalendar sebenar;
 2. merakam, menyimpan, mengekalkan dan/atau mengendali dengan betul, menterjemah atau memproses apa-apa data atau maklumat atau perintah atau arahan akibat dari mengambil apa-apa tarikh selain dari tarikh kalendar sebenar dan/atau;
 3. merakam, menyimpan, mengekalkan atau memproses dengan betul apa-apa data akibat dari operasi apa-apa arahan yang diprogram ke dalam mana-mana perisian komputer, sebagai perintah yang menyebabkan kehilangan data atau ketidakupayaan untuk merakam, menyimpan, mengekalkan atau memproses dengan betul data tersebut pada atau selepas apa-apa tarikh.
- B. Adalah selanjutnya difahamkan bahawa Syarikat tidak akan membayar untuk memperbaiki atau mengubahsuai mana-mana bahagian pada apa-apa sistem memproses data elektronik atau mana-mana bahagian pada apa-apa peranti dan/atau perisian seperti yang telah disenaraikan dalam A di atas.
- C. Adalah selanjutnya difahamkan bahawa Syarikat tidak akan membayar apa-apa kerugian atau kerosakan termasuk hilang keupayaan dengan atau tanpa kerosakan fizikal atau apa-apa kerugian turutan secara langsung atau tidak langsung yang timbul daripada nasihat, perundingan, rekaan, penilaian, pemeriksaan, pemasangan, penyelenggaraan, pembaikan atau penyeliaan yang dibuat oleh Pihak Diinsuranskan atau untuk Pihak Diinsuranskan atau oleh atau untuk pihak lain untuk menentukan, membetulkan atau menguji, apa-apa kegagalan potensi atau sebenar, pincang tugas atau kekurangan seperti yang telah dinyatakan dalam A di atas.
- D. Adalah selanjutnya difahamkan bahawa Syarikat tidak akan membayar apa-apa kerugian turutan akibat daripada apa-apa ketidakupayaan berterusan komputer tersebut dan alat seperti yang dinyatakan dalam A di atas untuk mengenalpasti dengan betul apa-apa tarikh kalendar sebenar selepas kerugian atau kerosakan harta yang telah diganti atau dibaiki.

Kerugian atau kerosakan sedemikian atau kerugian turutan yang dirujuk dalam A, B, C atau D di atas, adalah dikecualikan tidak mengambilkira apa-apa sebab lain yang menyumbang serentak atau dalam mana-mana urutan pada masa yang sama.

Fasal Simpanan - Pengendorsan ini tidak termasuk apa-apa kehilangan atau kerosakan atau kerugian turutan tersendiri adalah akibat daripada peril yang diinsuranskan seperti yang didefinisikan di dalam polisi ini.

Tertakluk kepada terma-terma, pengecualian-pengecualian dan syarat-syarat di bawah Polisi ini.

Pengendorsan Pengecualian Keganasan

Walau apa pun peruntukan yang bertentangan dengan insurans ini atau sebarang pengendorsan ke atasnya, adalah dipersetujui bahawa insurans ini hendaklah mengecualikan apa-apa kerugian, kerosakan, kos atau belanja dalam bentuk apa sekalipun yang disebabkan oleh ekoran daripada ataupun berhubung secara langsung atau tidak langsung dengan sebarang tindakan keganasan tanpa mengira apa sahaja sebab atau peristiwa lain yang menjejaskannya secara serentak ataupun secara apa-apa jujukan lain yang menyebabkan kerugian tersebut.

Bagi tujuan Fasal ini, tindakan keganasan bermaksud sesuatu tindakan, termasuk tetapi tidak terhad kepada paksaan atau kekejaman dan/atau ugutan untuk melakukan kekejaman oleh seseorang atau sekumpulan orang, sama ada tindakan tersebut dilakukan sendiri atau bagi pihak atau yang ada hubungan dengan mana-mana pertubuhan atau kerajaan, untuk tujuan politik, keagamaan, fahaman ataupun tujuan-tujuan yang serupa, termasuk niat untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan dan/atau untuk menyebabkan pihak awam, ataupun mana-mana bahagian pihak awam itu dalam ketakutan.

Fasal ini juga mengecualikan kerugian, kerosakan, belanja atau kos dalam bentuk apa sekalipun yang disebabkan oleh, ekoran daripada apa sekalipun yang disebabkan oleh, ekoran daripada ataupun berhubung secara langsung atau tidak langsung dengan sebarang langkah yang diambil untuk mengawal, mencegah, menumpaskan ataupun apa-apa yang ada hubungan dengan sebarang tindakan keganasan.

Jika Syarikat mendakwa bahawa atas sebab-sebab pengecualian ini, sesuatu kerugian, kerosakan, kos atau belanja tersebut tidak dapat dilindungi oleh insurans ini, maka beban untuk membuktikan sebaliknya adalah bergantung kepada Pihak Diinsuranskan.

Sekiranya mana-mana bahagian dalam Fasal ini didapati tidak sah atau tidak dapat dikuatkuasakan, baki bahagian yang selebihnya tetap akan berkuat kuasa dan dilaksanakan.

Faedah Bantuan Kecemasan (Pelan 1)

Liabiliti Syarikat hendaklah dalam apa jua keadaan di bawah faedah ini tidak melebihi RM2,500 dalam agregat tahunan seperti yang dinyatakan dalam (A) atau (B) yang mana lebih rendah.

- (A) Jika berlaku kerosakan atau kehilangan disebabkan oleh peril diinsuranskan di bawah Seksyen 1 (Kebakaran) kepada harta diinsuranskan, Syarikat akan memberi indemniti Pihak Diinsuranskan tertakluk kepada liabiliti syarikat di bawah lanjutan ini terhad kepada Ringgit Malaysia 2,500.00 untuk mana-mana satu kerugian dan dalam agregat.
- (B) Adalah selanjutnya difahamkan dan dipersetujui bahawa faedah ini diperluaskan untuk melindungi kerosakan atau kehilangan disebabkan oleh kejadian yang dinyatakan di dalam Seksyen 2(a) (Pecah Masuk) dalam Polisi ini. Walau bagaimanapun jumlah indeminiti yang dibayar kepada Pihak Diinsuranskan akibat kerosakan atau kehilangan yang timbul di bawah Seksyen 2(a) (Pecah masuk) adalah terhad kepada Ringgit Malaysia 500.00 untuk mana-mana satu kerugian dan dalam agregat.

Syarikat akan membuat bayaran untuk faedah di atas hanya selepas kerugian telah ditentukan sebagai tuntutan yang sah di bawah Seksyen 1

atau 2(a) Polisi ini.

Walau apa pun terhadap perkara di atas, faedah ini akan terhenti selepas tuntutan sah yang pertama dibuat oleh Pihak Diinsuranskan.

Tertakluk kepada terma-terma, pengecualian-pengecualian dan syarat-syarat di bawah Polisi ini.

Faedah Bantuan Kecemasan (Pelan 2)

Liabiliti Syarikat hendaklah dalam apa jua keadaan di bawah faedah ini tidak melebihi RM5,000.00 dalam agregat tahunan seperti yang dinyatakan dalam (A) atau (B) yang mana lebih rendah.

- (A) Jika berlaku kerosakan atau kehilangan disebabkan oleh peril diinsuranskan di bawah Seksyen 1 (Kebakaran) kepada harta diinsuranskan, Syarikat akan memberi indemniti Pihak Diinsuranskan tertakluk kepada liabiliti syarikat di bawah lanjutan ini terhad kepada Ringgit Malaysia 5,000.00 untuk mana-mana satu kerugian dan dalam agregat.
- (B) Adalah selanjutnya difahamkan dan dipersetujui bahawa faedah ini diperluaskan untuk melindungi kerosakan atau kehilangan disebabkan oleh kejadian yang dinyatakan di dalam Seksyen 2(a) (Pecah Masuk) dalam Polisi ini. Walau bagaimanapun jumlah indemniti yang dibayar kepada Pihak Diinsuranskan akibat kerosakan atau kehilangan yang timbul di bawah Seksyen 2(a) (Pecah masuk) adalah terhad kepada Ringgit Malaysia 1,000.00 untuk mana-mana satu kerugian dan dalam agregat.

Syarikat akan membuat bayaran untuk faedah di atas hanya selepas kerugian telah ditentukan sebagai tuntutan yang sah di bawah Seksyen 1 atau 2(a) Polisi ini.

Walau apa pun terhadap perkara di atas, faedah ini akan terhenti selepas tuntutan sah yang pertama dibuat oleh Pihak Diinsuranskan.

Tertakluk kepada terma-terma, pengecualian-pengecualian dan syarat-syarat di bawah Polisi ini.

Fasal Penjelasan Kerosakan Harta

Kerosakan harta yang dilindungi di bawah Polisi ini hendaklah bermaksud kerosakan fizikal ke atas jirim harta.

Kerosakan fizikal ke atas jirim harta hendaklah tidak termasuk kerosakan ke atas data atau perisian, terutama sekali apa-apa perubahan merosakkan ke atas data, perisian atau program komputer yang disebabkan oleh pemadaman, pencemaran atau kecacatan bentuk asal.

Oleh kerana itu perkara berikut tidak termasuk dalam Polisi ini:

- A. Kerugian atau kerosakan ke atas data atau perisian, tetapi tidak terhad kepada apa-apa perubahan merosakkan ke atas data, perisian atau program komputer yang disebabkan oleh pemadaman, pencemaran atau kecacatan bentuk asal, dan apa-apa kerugian gangguan perniagaan akibat daripada kerugian atau kerosakan sedemikian. Walau apa pun pengecualian ini, kerugian atau kerosakan kepada data atau perisian, yang diakibatkan secara langsung oleh kerosakan fizikal yang diinsuranskan ke atas jirim harta, hendaklah dilindungi.
- B. Kerugian atau kerosakan diakibatkan daripada kerosakan fungsi, ketersediaan, kepelbagaian penggunaan atau pencapaian data, perisian atau program komputer, dan apa-apa kerugian gangguan perniagaan akibat daripada kerugian dan kerosakan sedemikian.

Fasal Pengecualian Radioaktif/ Risiko Tenaga Nuklear

Insurans ini tidak melindungi apa-apa unsur kerugian, kerosakan, kos atau

perbelanjaan yang secara langsung disebabkan oleh atau yang timbul daripada atau yang berkait dengan mana-mana yang berikut walau apa pun sebab atau kejadian lain yang menyumbang secara serentak atau dalam mana-mana urutan lain ke atas kerugian itu:

- (1) pancaran pengionan daripada atau pencemaran radioaktif daripada apa-apa bahan api nuklear atau daripada apa-apa bahan buangan nuklear atau dari pembakaran bahan api nuklear.
- (2) radioaktif, toksid, letupan atau lain-lain harta dari mana-mana pemasangan nuklear yang berbahaya atau mencemarkan, reaktor atau lain-lain pemasangan komponen nuklear seumpamanya.
- (3) apa-apa senjata peperangan menggunakan pembelahan atom atau nuklear dan/atau lakuran (fusion) atau apa-apa reaksi serupa atau kuasa atau jisim radioaktif.

Fasal Waranti Premium

Syarat penting dan mutlak khusus bagi kontrak insurans ini ialah bahawa premium kena dibayar mestilah dibayar dan diterima oleh penanggung insurans dalam masa enam puluh (60) hari dari tarikh permulaan Polisi/ Pengendorsan/ Sijil pembaharuan.

Jika syarat ini tidak dipatuhi maka kontrak ini dibatalkan secara automatik dan penanggung insurans adalah berhak terhadap premium prorata dalam tempoh mereka menanggung risiko.

Sekiranya premium yang perlu dibayar selaras dengan waranti ini diterima oleh agen sah penanggung insurans, pembayaran hendaklah dianggap diterima oleh penanggung insurans untuk tujuan waranti ini dan tanggungjawab bahawa premium perlu dibayar diterima oleh seseorang, termasuk agen insurans, yang tidak diberi kuasa untuk menerima premium tersebut hendaklah dipertanggungjawabkan kepada penanggung insurans.

Tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat di bawah Polisi ini.

Kesan Cukai Barangan dan Perkhidmatan terhadap Penyelesaian Tuntutan

(a) Penyelesaian Tuntutan (untuk Seksyen 1)

Kami akan membayar tuntutan anda termasuk Cukai Barangan dan Perkhidmatan pada item bekalan yang dikenakan cukai, sehingga had Jumlah Diinsuranskan.

Sekiranya anda layak untuk membuat tuntutan bagi Kredit Cukai Input dan sekiranya kami membuat bayaran di bawah polisi ini sebagai pampasan kepada anda, kami akan mengurangkan jumlah bayaran dengan menolak kelayakan Kredit Cukai Input anda, tidak kira samada anda telah menuntut Kredit Cukai Input, tertakluk kepada had Jumlah Diinsuranskan.

Menentukan Kecukupan Jumlah Diinsuranskan

Jika perkara yang diinsuranskan (termasuk Cukai Barangan dan Perkhidmatan) boleh, apabila berlakunya peril yang diinsuranskan, secara kolektif mempunyai nilai yang lebih besar, daripada Jumlah Diinsuranskan keatasnya, maka Pihak Diinsuranskan akan dianggap sebagai penanggung insurans sendiri bagi perbezaan tersebut dan hendaklah menanggung perkadaran setimpal bagi kerugian itu. Setiap barang yang diinsuranskan, jika lebih daripada satu polisi hendaklah ditakluk secara berasingan kepada syarat ini.

Sekiranya anda layak untuk Kredit Cukai Input pada setiap barang yang diinsuranskan, nilai yang dinyatakan diatas akan dikurangkan dengan menolak kelayakan Kredit Cukai Input anda dalam menentukan kecukupan Jumlah Diinsuranskan.

(b) Penyelesaian Tuntutan (untuk Seksyen 2(a), 2(b) dan 2(c))

Kami akan membayar tuntutan anda termasuk Cukai Barangan dan Perkhidmatan pada item bekalan yang dikenakan cukai, sehingga had Jumlah Diinsuranskan.

Sekiranya anda layak untuk membuat tuntutan bagi Kredit Cukai Input dan sekiranya kami membuat bayaran di bawah polisi ini sebagai pampasan kepada anda, kami akan mengurangkan jumlah bayaran dengan menolak kelayakan Kredit Cukai Input anda tidak kira samada anda telah menuntut input kredit pajakan, tertakluk kepada had Jumlah Diinsuranskan.

(c) Penyelesaian Tuntutan (untuk Seksyen 2(d) dan 2(e))

Kami akan menanggung rugi anda untuk tuntutan yang di buat oleh pihak ketiga (termasuk Cukai Barangan dan Perkhidmatan), sehingga Had Tanggung Rugi.

Sekiranya anda layak membuat tuntutan bagi Kredit Cukai Input dan jika kami membuat pembayaran di bawah polisi ini sebagai pampasan kepada anda, kami akan mengurangkan jumlah bayaran dengan menolak kelayakan Kredit Cukai Input anda tidak kira sama ada anda menuntut atau tidak Kredit Cukai Input, sehingga Had Tanggung Rugi.

POLISI INI DAN SYARAT-SYARATNYA HENDAKLAH DIPERIKSA DAN JIKA ADA KESILAPAN, KEMBALIKANNYA SERTA-MERTA UNTUK DIUBAH.

NOTIS PENTING KEPADA PEMEGANG POLISI

Jika anda mempunyai sebarang aduan mengenai amalan pasaran tidak adil oleh Syarikat, anda boleh menghubungi atau menulis kepada :

Unit Pengaduan

Ground Floor
Block 2A, Plaza Sentral
Jalan Stesen Sentral 5
Kuala Lumpur Sentral
50470 Kuala Lumpur
Tel: 03-2264 0520
Fax: 03-2264 0602
Email : customer.service@allianz.com.my

ATAU

Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (664393P)

(Formerly known as Financial Mediation Bureau)
Level 14, Main Block, Menara Takaful Malaysia
No. 4, Jalan Sultan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur
Tel: 03-2272 2811 / Fax: 03-2272 1577
Email: enquiry@ofs.org.my
Website: www.ofs.org.my

ATAU

Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (LINK)


Bank Negara Malaysia
Ground Floor Block C
Jalan Dato' Onn
50480 Kuala Lumpur
Toll Free: 1-300-88-5465
Fax: 03-21741515
Email: bnmtelelink@bnm.gov.my

Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad (735426-V)

Head Office

Level 29, Menara Allianz Sentral, 203, Jalan Tun Sambanthan, Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur.

Tel: +603 2264 1188 / 2264 0688 Fax: +603 2264 1199 www.allianz.com.my

 www.facebook.com/AllianzMalaysia

Customer Service

Allianz Arena, Ground Floor, Block 2A, Plaza Sentral, Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur.

Allianz Contact Center: 1 300 88 1028 Fax: +603 2264 8499 Email: customer.service@allianz.com.my

